

KRISIS MCA
UJIAN PRINSIP DEMOKRASI

KRISIS MCA **UJIAN PRINSIP DEMOKRASI**

Disunting oleh
DR. TING CHEW PEH
GOH TECK



PENERBIT ABADI

848888

PENERBIT ABADI

31, Jalan Besar Petaling,
Jelevu, Negeri Sembilan,
Malaysia.

Hakcipta terpelihara: Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian, artikel, ilustrasi, isi kandungan buku ini dalam apa juga bentuk dan dengan apa cara pun sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau lain-lain sebelum mendapat izin dari penerbit.

© Hakcipta Para Pengarang 1984
Cetakan Pertama September, 1984.
ISBN 967-99936-0-4

Nota Penerbit: Pandangan yang dikemukakan di dalam halaman buku ini adalah pandangan pengarang-pengarang belaka dan tidak semestinya mencerminkan pandangan penerbit.

M
304-2095 M
K2

Dicetak oleh Syarikat Percetakan Kembangan Sdn. Bhd.

338943

1 2 FEB 1985

Perpustakaan Negara

Pendahuluan

Krisis MCA, yang menjadi ketara dan terbuka dengan pemecatan seramai 14 orang tokoh pada 19 Mac 1984, masih belum selesai. Disebabkan gagalannya suatu penyelesaian politik, pertikaian parti itu telah dibawa ke mahkamah dalam bulan Mei. Setakat ini, kes tersebut belum lagi selesai. Seluruh masyarakat Cina sedang menunggu keputusan mahkamah yang secara langsung mempunyai kesan ke atas nasib dan masa depan parti itu.

Krisis MCA, yang merupakan krisis yang paling serius dalam sejarah perkembangan parti itu, berpunca daripada isu anggota palsu. Memandangkan begitu seriusnya isu anggota palsu dalam parti, sedangkan Pemangku Presiden MCA Dr. Neo Yee Pan tidak mengambil berat terhadap isu tersebut, maka Tan Koon Swan, seorang Naib Presiden, berserta 14 orang ahli Jawatankuasa Pusat mengemukakan petisyen kepada Setiausaha Agung Parti pada 17 Mac, 1984 meminta supaya satu perhimpunan agung luar biasa diadakan untuk menyiasat masalah anggota palsu. Dua hari kemudian, pada 19 Mac 1984, tindakan memecat 14 tokoh MCA, termasuk Tan Koon Swan, diambil.

Pemecatan tersebut cukup menggemparkan ahli-ahli MCA khususnya dan masyarakat Cina amnya. Malah ada ahli-ahli MCA yang mensifatkan 19 Mac sebagai "hari matinya demokrasi MCA".

Seperti yang diduga, pergolakan dalam MCA menjadi lebih rancak lagi sejak tindakan pemecatan itu. Cuma beberapa hari selepas berita pemecatan itu disiarkan, seramai 1,499 orang perwakilan mengemukakan satu petisyen meminta pucuk pimpinan mengadakan satu perhimpunan agung luar

biasa pada 29 April 1984. Dalam tempoh yang agak singkat, beberapa peristiwa yang lain turut berlaku, dan ini termasuk:

- (i) pembekuan cawangan-cawangan yang tidak mem-persetujui tindakan Dr. Ne Yee Pan.
- (ii) Perletakan jawatan Datuk Choo Ching Hwa sebagai bendahari agung, dan Datuk Loh Fook Yen sebagai timbalan setiausaha agung merangkap setiausaha pengelolaan.
- (iii) Seramai 4 orang ahli Parlimen dan 30 orang ahli Dewan Undangan Negeri MCA menyeru pucuk pimpinan parti itu supaya memulihkan keanggotaan 14 tokoh yang dipecat dan menyiasat isu anggota palsu dengan teliti.
- (iv) Seramai 13 orang ahli Jawatankuasa Pusat MCA menyeru bekas Presiden MCA menjadi "orang tengah" untuk menyelesaikan krisis MCA.
- (v) Jawatankuasa Pusat Pemuda MCA berpecah kepada dua golongan — satu golongan menyokong Dr. Neo dan satu lagi menyokong Tan Koon Swan.
- (vi) Kegagalan bekas Presiden MCA, Datuk Lee San Choon dalam usahanya mendamaikan kedua-dua pihak yang bertikai itu.

Perhimpunan agung luar biasa, yang diminta oleh kira-kira dua pertiga daripada jumlah para perwakilan, dan ditentang kuat oleh puak Dr. Neo, akhirnya berlangsung pada 6 Mei 1984. Beberapa resolusi penting telah diluluskan dalam perhimpunan tersebut, termasuk pembentukan satu jawatankuasa untuk menyiasat isu anggota palsu dan pemulihan keanggotaan ahli-ahli yang telah dipecat.

Seperti yang diduga, perhimpunan serta resolusi-resolusi yang diluluskannya tidak diiktiraf oleh pucuk pimpinan MCA.

Beberapa hari selepas perlanggungan perhimpunan itu, puak Tan Koon Swan membawa pertikaian parti itu ke mahkamah — satu tindakan yang diakui oleh puak Tan terpaksa diambil kerana tiada pilihan yang lain.

Mahkamah Tinggi di Kuala Lumpur telah mengeluarkan perintah sementara pada 18 Mei lalu (sebab-sebab keputusan mahkamah diumumkan pada 13 Ogos, 1984) untuk menghalang semua pemilihan bahagian MCA dan pemilihan dalam Perhimpunan Agung MCA ke-32 yang sepatutnya berlangsung pada bulan Julai lalu. Tetapi pertikaian tentang sama ada perhimpunan agung luar biasa pada 6 Mei itu serta resolusi-resolusi yang diluluskan sah atau tidak masih belum dibicarakan.

Demikianlah perkembangan secara kasar krisis MCA yang sudah berlarutan selama enam bulan. Tidak ada jaminan krisis itu akan selesai dengan keputusan mahkamah nanti. Malah ada kemungkinan pergolakan dalam MCA akan bertukar corak atau menjadi lebih hebat lagi. Ada di kalangan orang-orang Cina yang berpendapat penyerahan pertikaian parti ke mahkamah cuma akan melanjutkan krisis parti itu. Harapan kedua-dua puak menyelesaikan krisis di luar mahkamah juga tidak besar meskipun baru-baru ini ada khabar angin tentang usaha demikian — dan khabar angin itu dinafikan serta merta oleh Datuk Mak Hon Kam, Pemangku Timbalan Presiden MCA.

Suatu gejala yang agak menarik dalam pergolakan MCA kali ini ialah reaksi masyarakat Cina yang meluas. Selain daripada orang-orang biasa, ramai juga tokoh-tokoh Cina non-politik mengambil berat krisis MCA dan menyatakan hasrat mereka supaya kedua-dua puak yang bertikai itu bertolak ansur demi keutuhan parti dan kepentingan bangsa. Ada pula yang menekankan krisis parti perlu diselesaikan melalui ikhtiar politik dengan bersandarkan prinsip-prinsip demokrasi. Buat kali pertama, misalnya segolongan kaum intelek, kebanyakannya pensyarah-pensyarah universiti, mengeluarkan kenyataan akhbar menyeru kedua-dua puak mencari penyelesaian dan mematuhi prinsip dan semangat demokrasi, demi kepentingan

masyarakat Cina. Sementara itu, ada pula cadangan untuk menyelesaikan krisis parti melalui satu *referendum* sejajar dengan Perkara 185 Perlembagaan MCA, seperti yang dikemukakan oleh kira-kira 1,000 orang dari Johor Baharu.

Dari satu segi, reaksi masyarakat Cina yang begitu meluas menunjukkan orang-orang Cina mengambil berat terhadap pergolakan politik negara ini khasnya politik MCA. Dari satu segi yang lain, reaksi itu sedikit sebanyak menunjukkan ke-bimbangan orang-orang Cina terhadap kurangnya perwakilan mereka dalam Kerajaan sekiranya MCA menjadi lumpuh dan tidak berkesan. Walau bagaimanapun, satu perkara nampaknya ketara. Kini kesedaran orang-orang Cina terhadap politik menjadi lebih meluas dan idea stereotaip bahawa orang-orang Cina bersikap dingin terhadap hal-hal politik tidak lagi berasas.

Dalam sesebuah masyarakat berbilang kaum seperti Malaysia, kegiatan dan pergolakan politik sesuatu kaum menjadi satu bahagian yang penting dalam politik negara, dan sukar dipisahkan daripadanya. Malah politik sesuatu kaum itu mempunyai kesan yang tertentu ke atas kestabilan negara. Maka pemahaman terhadap segala aspek pergolakan politik MCA adalah penting dalam konteks ini. Inilah sebab utama buku ini diterbitkan. Tujuan utama mengumpulkan rencana-rencana berhubung dengan politik MCA ialah untuk memberi satu gambaran umum tentang pergolakan dalam MCA agar para pembaca memahami satu titik sejarah dalam perkembangan MCA khasnya dan perkembangan politik negara amnya.

Sebanyak 18 rencana dikumpulkan dalam koleksi ini. Disebabkan rencana-rencana itu ditulis oleh penulis-penulis yang berlainan dan asalnya bukan untuk buku ini, maka tidak dapat tiada terdapat tindan lapis malah ulangan dari segi idea dan isu. Untuk mengekalkan bentuk asal tiap-tiap rencana, maka tidak ada sebarang penyuntingan dilakukan ke atas isi kandungannya.

Kebanyakan rencana yang dikumpulkan itu telah disiarkan dalam akhbar tempatan baru-baru ini, dengan sedikit tokok

tambah dalam kes-kes yang tertentu. Ada juga beberapa daripadanya yang ditulis dan diterbitkan beberapa tahun dahulu, yang dimasukkan kerana isi kandungannya berhubung dengan politik Cina di Malaysia.

Pengumpulan dan pemilihan rencana dalam koleksi ini tidak ada sebarang motif politik. Sekiranya hujah-hujah yang dikemukakan dianggap lebih memihak kepada sesuatu pihak yang tertentu, maka itu cuma satu kebetulan sahaja dan mewakili pandangan penulis masing-masing.

Penyunting

18hb Ogos, 1984

KANDUNGAN

	Halaman
Pendahuluan	V
1. ✓ Politik Cina di Malaysia <i>Ting Chew Peh</i>	1
2. ✓ MCA, Komuniti Cina dan Perpaduan Negara <i>Ting Chew Peh</i>	14
3. Motif Michael Chen Masuk Gerakan <i>Goh Teck</i>	23
4. Perhimpunan Agung MCA ke-29: Tiada Perlumbaan Merebut Kerusi Penting <i>Goh Teck</i>	29
5. ✓ MCA Memasuki Era Baharu <i>Ting Chew Peh</i>	38
6. ✓ Pergolakan dalam MCA Membimbangkan Masyarakat Cina <i>Ting Chew Peh</i>	43
7. ✓ Perhimpunan Agung MCA ke-32 <i>Goh Teck</i>	52
8. MCA di Persimpangan Jalan <i>Yahya Ismail</i>	63
9. Bolehkah MCA Menyelesaikan Krisisnya? <i>Ting Chew Peh</i>	89
10. Krisis MCA: Satu Ujian terhadap Amalan Prinsip Demokrasi <i>Lim Hin Fui</i>	96

11. Dilema Neo Yee Pan: Mengundur diri atau teruskan <i>Ting Chew Peh</i>	103
12. Petisyen mengenai Perhimpunan Agung Luar Biasa MCA <i>Douglas Tay</i>	111
13. Lepas Perhimpunan Agung Luar Biasa, Apa lagi? <i>Ting Chew Peh</i>	116
14. ✓Krisis MCA 1984 <i>Lee Kam Hing</i>	123
15. Bolehkah kedua-dua Puak MCA Berbaik Semula? <i>Ting Chew Peh</i>	140
16. Referendum untuk Menyelesaikan Krisis MCA <i>Ting Chew Peh</i>	147
17. Temuramah dengan Tan Koon Swan <i>Douglas Tay</i>	153
18. Temuramah dengan Lee San Choon <i>Douglas Tay</i>	162
Lampiran: Catatan Perkembangan Krisis MCA	169

1. Politik Cina di Malaysia

Dr. Ting Chew Peh

1-13

Politik Cina di Malaysia adalah satu persoalan yang cukup menarik perhatian umum. Ini disebabkan sebarang pergolakan atau perubahan dalam politik Cina Malaysia mempunyai kesan besar bukan sahaja dalam komuniti itu sendiri bahkan juga di seluruh negara kita. Sebagai satu persoalan yang menarik, ia sering disarankan dalam kajian-kajian tentang masyarakat Malaysia, baik secara langsung maupun tidak langsung. Malah ada beberapa kajian yang menumpukan perhatian khas kepada berbagai aspek politik Cina di Malaysia. Misalnya, tulisan Wang Gungwu (1970) yang membincangkan aspek sejarah politik Cina di Malaysia; tulisan Tilman (1967) yang menyentuh soal sosialisasi politik Cina; R. H. Haas (1967), Chan Heng Chee (1965) dan Margaret Roff (1965) masing-masing mengkaji berbagai aspek Persatuan Cina Malaysia (MCA); dan Allen Schaefer (1968) yang menganalisa kesedaran politik Cina di Malaysia secara historikal dari tahun 1946 hingga 1957.

Berdasarkan kajian-kajian yang telah dilakukan serta hasil pemerhatian peribadi penulis, rencana ini akan cuba meninjau secara umum beberapa ciri dan masalah politik kaum Cina di Malaysia.

Sebelum Perang, khususnya pada peringkat awal penetapan mereka di Malaysia (ketika itu Malaya), kaum Cina rata-rata tidak berminat sangat malah *apathetic* terhadap politik negara ini. Berbagai faktor telah diberikan untuk menerangkan sikap demikian, seperti falsafah politik tradisional kaum Cina, penarikan politik tanah besar Cina dan sifat immigrasi mereka.

Namun demikian, berbanding dengan kaum Cina di negara-negara lain seperti Thailand, Indonesia dan Filipina, orang Cina Malaysia sejak awal-awal lagi adalah lebih aktif penglibatan mereka dalam politik negara ini. Beberapa contoh sejarah dalam hubungan ini boleh diberikan. Pertama, pertikaian antara dua puak kongsi rahsia (*secret societies*) di negeri Perak sedikit sebanyak mendorong dan menjadi alasan campur tangan kaum British di negara ini dalam abad ke-19. Kedua, dalam masa pendudukan Jepun, orang Cina memainkan peranan

cukup aktif menentang pihak musuh Sejarah Malaysia seterusnya juga menyaksikan penglibatan kaum Cina dalam beberapa penting seperti *Malayan Union* 1946 dan Perjanjian Persekutuan 1948. Pemberontakan Komunis (1948-60) sebahagian besarnya disertai oleh orang Cina. Kaum Cina juga aktif dalam gerakan memperjuangkan kemerdekaan bersama kaum Melayu. Selepas Merdeka, kegiatan politik Cina menjadi makin hebat lagi. Mereka menubuhkan dan menyertai berbagai parti politik. Mereka juga giat bukan sahaja dalam parti pemerintah malah juga parti-parti pembangkang. Semua ini sudah memadai untuk menunjukkan kesedaran kaum Cina terhadap peri pentingnya politik. Ia juga membetulkan salah tanggapan setengah golongan bahawa orang Cina adalah *non-political*.

Tiga Golongan Politik

Salah satu perkara yang menarik tentang politik Cina ialah orientasi politik mereka. Dalam hal ini perbincangan Wang Gungwu amat tepat. Menurut beliau kaum Cina Malaysia dapat dibahagikan kepada tiga golongan berdasarkan orientasi politik. Golongan pertama terdiri daripada orang-orang yang mengekalkan hubungannya dengan politik negara Cina, baik secara langsung atau tidak langsung, dan golongan ini bersedia mengidentifikasi diri dengan nasib negara Cina.

Golongan kedua yang merupakan golongan terbesar, lebih berminat dalam hal-ehwal pertubuhan-pertubuhan tradisional dan perniagaan mereka. Golongan ini mempunyai tujuan yang sederhana dan kerap kali memperlihatkan impresi non-politik.

Golongan ketiga sebahagian besarnya terdiri daripada orang Cina yang dilahirkan di Malaysia, seperti golongan baba. Mereka berorientasikan Malaysia dan menaruh hampir seluruh perhatian kepada pergolakan politik negara ini.

Secara kasar, klasifikasi Wang Gungwu masih dapat diaplikasikan di kalangan orang Cina Malaysia. Cuma nisbah tiap-tiap golongan itu kini telah berubah. Kalau dulu golongan ketiga amat kecil bilangannya, maka sekarang golongan ini makin besar hasil daripada tersebarunya pendidikan dan prinsip-prinsip demokrasi, serta juga bertambahnya bilangan generasi

muda Cina. Sementara itu, akibat dari perubahan politik negara kita, golongan pertama yang berorientasikan negara Cina makin berkurangan jumlahnya. Kemungkinan besar golongan ini akan lenyap sama sekali apabila generasi tua yang dilahirkan di negara Cina itu meninggal dunia.

Golongan kedua juga tidak terlepas dari perubahan, walaupun pada umumnya mereka masih berpegang teguh kepada pertubuhan-pertubuhan tradisional mereka. Kalau dulu mereka berhati-hati malah kabur dalam sikap politik mereka, maka kini mereka sudah lebih tegas, lebih terbuka sikapnya dan lebih mengambil berat terhadap pergolakan politik negara. Ramai dari golongan ini kini telah menyertai parti-parti politik secara terbuka. Ada di kalangan mereka kini memegang jawatan penting dalam parti-parti politik. Ini adalah satu bukti bahawa kaum Cina tidak lagi bersikap 'tidak peduli' terhadap politik sebagaimana yang dituduh oleh setengah kalangan tertentu.

Selain pembahagian Wang Gungwu di atas, baru-baru ini Laurence Siaw (1979) dalam satu kertaskerja seminar cuba pula membuat klasifikasi berdasarkan tingkahlaku politik Cina. Beliau juga membezakan tiga golongan: *innovator*, *reactionist* dan *realist*. Pembahagian Siaw sebenarnya tidak banyak menyimpang dari klasifikasi Wang. Cuma pendekatan dan istilah yang digunakannya berbeza. Kedua-dua klasifikasi memberikan satu gambaran kasar tentang pola tingkahlaku politik Cina dan menjadi latar belakang yang berguna bagi para pengkaji yang meminati soal politik Cina.

Perpecahan Politik Cina

Kaum Cina Malaysia adalah satu komuniti yang cukup beraneka ragam. Perbezaan ideologi dan sikap politik cuma satu daripadanya. Sifat kepelbagaian ini telah mendorong setengah kalangan menganggap orang Cina sebagai berpecah belah laksana sepinggan pasir. Deskripsinya ini juga diakui oleh orang-orang Cina sendiri. Barangkali ada asas-asasnya. Sehingga hari ini, tiada satu pun pertubuhan Cina bercorak nasional yang mewakili seluruh lapisan orang Cina. Ini sedikit sebanyak menyebabkan kurang efektifnya orang Cina dalam bidang politik. Dewan Perniagaan Cina dan Dewan Perhimpunan Cina

memang berpengaruh tetapi peranan politiknya tidak lebih daripada pesanan kelompok pendesak politik. Pengaruhnya cuma terbatas kepada negeri masing-masing.

Orang Cina menyertai beberapa parti politik di Malaysia. Kini terdapat lima parti politik yang keanggotaannya sebahagian besar terdiri daripada orang Cina. Parti-parti ini ialah Persatuan Cina Malaysia (MCA), Parti Gerakan Rakyat (GERAKAN), Parti Tindakan Demokratik (DAP), Parti Progresif Rakyat (PPP) dan Parti Keadilan Masyarakat (PEKEMAS). Sekiranya bilangan parti Cina menjadi petunjuk perpecahan, maka kaum Cina sudah tentu berpecah belah dalam politik. Ada pihak berpendapat kemunculan parti-parti politik tersebut adalah hasil daripada kepelbagaian dan perpecahan Cina, tetapi ada pula yang berhujah ia merupakan sebab perpecahan komuniti Cina. Bagaimanapun, satu perkara adalah pasti: kaum Cina tidak bersatu padu seperti kaum-kaum lain; kewujudan berbagai parti Cina ini mempunyai kesan melemahkan kekuatan politik mereka.

Perpecahan politik Cina juga amat jelas tertonjol dalam berbagai perselisihan dalaman (in-fightings) yang berlaku dalam MCA, DAP dan GERAKAN.

Pergolakan dan perselisihan pertama dalam MCA berlaku pada tahun 1955, apabila seorang tokoh 'generasi muda', Ong Yoke Lin, menewaskan H. S. Lee sebagai pengerusi MCA Selangor. Sebelum itu H. S. Lee disifatkan sebagai 'tidak boleh dicabar' atau 'unchallengeable' di Selangor.

Perselisihan kedua dalam MCA berlaku pada tahun 1958 antara tokoh-tokoh baru yang dipimpin oleh Lim Chong Eu dengan tokoh-tokoh lama yang diwakili oleh Tan Cheng-Lock, Tan Siew Sin, T. H. Tan dan Ong Yoke Lin. Tan Cheng-Lock tewas di tangan Lim Chong Eu. Pergolakan itu kemudian mencetuskan krisis MCA-Perikatan dalam tahun 1959. Akhirnya beberapa tokoh baru MCA termasuk presidennya Lim Chong Eu meletakkan jawatan dan meninggalkan parti itu. Golongan ini kemudian menubuhkan Parti Demokratik Bersatu (UDP) pada tahun 1962.

Handwritten signature

Dalam tahun 1971, MCA sekali lagi menghadapi krisis. Kali ini punca masalahnya ialah gerakan penyusunan semula dan reformasi parti itu. Gerakan reformasi yang didominasi oleh tokoh-tokoh baru mengancam kedudukan tokoh-tokoh lama. Akibatnya tokoh-tokoh lama mempertahankan kedudukan mereka dengan memecat tokoh-tokoh baru seperti Paul Leong, Lim Kheng Yaik, Tan Tiong Hong dan Alex Lee, kesemuanya kini menjadi orang kuat GERAKAN.

Krisis terakhir MCA berlaku dalam tahun 1979. Dalam Perhimpunan Agungnya yang ke-27, Presiden MCA Lee San Choon dicabar oleh timbalannya Michael Chen. Dalam pertandingan tersebut, Lee San Choon berjaya mengekalkan jawatannya dengan menewaskan Michael Chen. Tetapi pertandingan itu cukup hebat, dan menyebabkan MCA berpecah kepada dua puak yang bertentangan, satu tanda yang kurang sihat bagi parti itu khasnya dan komuniti Cina amnya.

DAP, parti pembangkang yang mendapat sokongan kuat dari orang Cina, tidak juga terlepas dari krisis parti. Dalam tahun 1972, dua orang tokoh parti itu, Goh Hock Guan dan A. Soorian, digantung jawatan mereka atas alasan 'tidak menghirau dasar parti dan menjalankan kegiatan yang merosakkan disiplin dan moral parti'. Akibatnya kedua-dua tokoh itu meletakkan jawatan sebagai naib presiden parti itu.

GERAKAN juga mengalami perselisihan dalaman. Krisis parti itu muncul akibat dari pertentangan pendapat antara puak Lim Chong Eu dengan puak Tan Chee Khoon. Tan Chee Khoon dan penyokong-penyokongnya meninggalkan parti itu dan menubuhkan PEKEMAS.

Banyak faktor dipercayai bertanggungjawab menimbulkan perselisihan-perselisihan di atas. Di antara yang utama termasuklah konflik kepentingan, perbezaan ideologi dan pertentangan personaliti.

Kekuatan Politik Cina

Semua perselisihan di atas bukan sahaja melemahkan kekuatan dan imej parti masing-masing malah juga memecahbelahkan lagi komuniti Cina umumnya. Dalam jangka waktu panjang, ia akan melemahkan kekuatan politik Cina.

Sudah menjadi kenyataan negara ini bahawa kedudukan politik Cina agak lemah. Dari jumlah 114 Ahli Parlimen di Semenanjung Malaysia sekarang, MCA cuma mempunyai 17 wakil, DAP 15 orang dan GERAKAN 4 orang. Peratus Ahli Parlimen ketiga-tiga parti tersebut tidak sampai 1/3, dan itu pun termasuk beberapa orang anggota bukan Cina dalam DAP.

Selain itu, bilangan menteri kabinet dan timbalan menteri berketurunan Cina juga tidak ramai. Dalam tahun 1974, cuma 22% dari menteri dan timbalan mereka terdiri daripada orang Cina. Keadaan kini tidak banyak berubah. Lebih penting dari itu, jawatan-jawatan yang dipegang oleh menteri-menteri Cina merupakan jawatan yang secara relatif kurang penting. Semua ini menunjukkan bahawa kedudukan politik Cina bercorak *subordinate* dan *dependent*. Sebarang keputusan politik perlu direstui oleh UMNO.

Di kalangan orang Cina, dominasi Melayu dalam bidang politik sering menimbulkan rasa takut dan kebimbangan, malah rasa kurang selamat. Ramai yang melihat dominasi itu sebagai satu ancaman terhadap kedudukan ekonomi mereka. Rasa kurang selamat itu menjadi lebih menonjol sejak peristiwa 13 Mei, kerana sejak itu pihak kerajaan telah melaksanakan beberapa dasar dengan pesat, yang pada pandangan orang Cina terlalu memihak kaum Melayu.

Gerakan Penyatuan Cina

Barangkali kerana rasa kurang selamat dan kurang yakin terhadap parti-parti politik, khususnya MCA, satu Gerakan Penyatuan Cina dianjurkan oleh beberapa individu yang diketuai oleh seorang peguam dalam tahun 1971. Sambutan yang meng-

ghairahkan terhadap gerakan itu menunjukkan ada di kalangan orang Cina yang cukup serius menyatupadukan komunitinya untuk menghadapi segala macam cabaran. Gerakan itu juga menghidupkan semangat dan harapan kaum Cina bahawa perpaduan Cina yang selama ini amat kurang itu kini mungkin dipupuk.

Malangnya gerakan itu pada akhirnya telah gagal disebabkan oleh tekanan-tekanan dan sabotaj dari pihak-pihak yang tertentu. MCA dipercayai memainkan peranan menentu dalam mensabotaj gerakan itu. Gagalnya gerakan itu menyebabkan orang Cina serba salah. Dan frustrasi kaum Cina terhadap kegagalan Gerakan Penyatuan itu cukup jelas dicerminkan oleh kata-kata seorang guru sekolah Cina yang amat dihormati:

“Akan tiba satu waktu nanti bila cucu dan cicit kita meludah ke atas kubur-kubur mereka yang kononnya menjadi pemimpin, yang menghancurkan Gerakan Penyatuan Cina.”

Dilema Parti Politik Cina

Selain dari masalah perselisihan, parti-parti politik Cina menghadapi satu dilema lagi. Untuk mendapat dan mengekalkan sokongan kaum Cina, parti-parti itu terpaksa memperjuangkan kepentingan mereka. Sekiranya gagal, parti itu akan hilang sokongan orang Cina, malah dituduh menjualkan orang Cina. Tetapi jika perjuangan parti itu terlalu mengutamakan kepentingan Cina, maka ia akan dituduh oleh kaum Melayu sebagai chauvinis malah anti-nasional. Tuduhan terhadap DAP oleh pihak-pihak tertentu adalah satu contoh baik.

Dari segi dasar, DAP merupakan parti yang benar-benar *non-communal*. Parti itu bertujuan untuk mewujudkan sebuah masyarakat Malaysia yang bebas dan demokratik berasaskan kesamaan kaum serta keadilan sosial dan ekonomi. Parti itu juga mendesak pengiktirafan bahasa Cina dan Tamil sebagai bahasa rasmi. Ditambah pula dengan konsep ‘Malaysia kepunyaan orang Malaysia’, parti itu menarik banyak sokongan dari kaum bukan Melayu, dan seterusnya menjadi juara perjuangan kepentingan mereka. Ini menjadikan parti itu tidak

populer langsung di kalangan kaum Melayu. Kaum Melayu takut pada DAP sepertimana orang Cina takut pada PAS. Tanpa sokongan Melayu, pengarah DAP akan tetap terbatas di kawasan-kawasan Cina sahaja. Dan memandangkan dasar serta kepimpinannya yang sedemikian bentuk, parti itu akan tetap menjadi parti pembangkang untuk tempoh yang agak lama.

MCA juga penuh dengan masalah. Di samping apa yang telah dinyatakan, parti itu sering memperlihatkan sikap *ambivalence* sejak awal-awal lagi. Di satu pihak, MCA cuba menjamin kaum Cina bahawa ia memperjuangkan hak dan kepentingan mereka. Di pihak yang lain, parti itu perlu meyakinkan kaum Melayu bahawa tujuannya ialah memupuk perpaduan negara. Dalam kata-kata M. Roff (1965), di atas *tightrope* inilah yang MCA cuba berjalan sejak penubuhannya. Nampaknya MCA tidak begitu berjaya dalam menghadapi situasi tersebut. Ada tanda-tanda yang menunjukkan sebilangan besar orang Cina amat tidak puas hati terhadapnya. Malah ada kalangan yang telah langsung hilang keyakinan terhadap parti itu.

Parti Politik dan Pertubuhan Tradisional

Hubungan antara parti-parti politik Cina dengan pertubuhan-pertubuhan non-politik dan tradisional Cina seperti persatuan dialek, Dewan Perhimpunan, Gabungan Lembaga Pengurus Sekolah Cina (GLPSC) dan Gabungan Persatuan Guru-Guru Sekolah Cina (CPCSC) juga merupakan satu faktor penting dalam persoalan politik Cina. Sejarah politik Cina telah menunjukkan hubungan yang agak renggang antara parti-parti politik Cina dengan pertubuhan-pertubuhan tradisional dan non-politik Cina. Dalam tahun 1958, MCA di bawah pimpinan Lim Chong Eu pernah berusaha menggabungkan pertubuhan-pertubuhan Cina tradisional dengan MCA demi memperbaiki imej serta memperkuat lagi parti itu dan seterusnya menyatupadukan kaum Cina. Tetapi usahanya tidak berjaya. Kini hubungan MCA dengan pertubuhan-pertubuhan tradisional dan non-politik khususnya CLPSC dan GPGSC tidak baik sama sekali. Mereka sering bercanggah pendapat dalam isu-isu utama yang menyentuh kaum Cina, terutamanya soal pendidikan Cina.

Hubungan lain-lain parti politik Cina dengan pertubuhan tradisional Cina tidak seburuk jika dibandingkan dengan MCA. Tetapi hubungan itu juga tidak boleh dikatakan erat. Nampaknya ada halangan tertentu bagi politik meluaskan pengaruhnya di kalangan pertubuhan tradisional. Barangkali ada juga kecenderungan bagi pertubuhan-pertubuhan tradisional Cina untuk mengekalkan jarak tertentu dengan parti-parti politik, kerana takut dikuasai oleh parti politik.

Hubungan yang kurang erat, tiadanya kerjasama malah wujudnya perselisihan antara parti politik dengan pertubuhan tradisional Cina sering membimbangkan setengah pemimpin Cina yang benar-benar inginkan perpaduan Cina. Dalam hubungan ini satu kajian yang dijalankan oleh akhbar *Nan Yang Siang Pau* amat tepat. Dalam bulan April dan Mei 1979 akhbar itu mewawancara kira-kira 100 pemimpin Cina (politik dan non-politik) di seluruh negara tentang sama ada pertubuhan Cina boleh bekerjasama dengan parti politik Cina. Berbagai pandangan telah dikemukakan. Tetapi pada asasnya ramai yang diwawancara itu berpendapat bahawa kedua-dua jenis pertubuhan itu mempunyai peranan masing-masing. Satu tidak seharusnya cuba menguasai yang lain. Kerjasama antara kedua-duanya penting dan perlu dipupuk. Hanya dengan cara demikian kedua-duanya dipercayai boleh memainkan peranan yang lebih berkesan bagi menyatupadukan kaum Cina dan seterusnya seluruh rakyat Malaysia. Hasil wawancara tersebut barangkali boleh menjadi panduan yang berguna bagi pemimpin-pemimpin Cina. Adalah dipercayai bahawa dalam usaha mewujudkan perpaduan Cina, pertubuhan tradisional Cina boleh memainkan peranan penting.

Kesan Perpecahan Politik Cina

Dari apa yang diperbincangkan di atas, ternyata perpecahan politik merupakan masalah utama yang dihadapi oleh kaum Cina. Perpecahan ini, berserta dengan faktor-faktor lain dari luar komuniti itu, telah semakin melemahkan kedudukan politik Cina. Kaum Cina bukan tidak menyedari hakikat ini. Hampir setiap hari dalam akhbar-akhbar Cina tersiar berita tentang pentingnya perpaduan Cina, atau tentang seruan pemimpin Cina untuk memupuk perpaduan di kalangan orang

Cina. Tetapi kebanyakan seruan itu tetap tinggal sebagai seruan sahaja. Tidak kelihatan tindakan berkesan ke arah penyatuan politik atau perpaduan Cina umumnya. Akhirnya kaum Cina tetap berpecah belah.

Adalah perpecahan politik Cina itu baik atau buruk? Ini adalah satu persoalan rumit. Jawapannya bergantung kepada kepentingan kaum atau pihak masing-masing. Sekiranya ada kaum tertentu berniat mendominasi kaum Cina dalam bidang politik dan sebagainya, maka perpecahan Cina itu akan memudahkan lagi pencapaian tujuan mereka. Demikian juga pihak-pihak yang mempunyai *vested-interest* atau niat yang jahat, mungkin lebih suka melihat perpecahan daripada perpaduan Cina. Namun perpecahan walau dalam apa bentuk pun bukannya tanda baik bagi orang Cina, lebih-lebih lagi dalam masyarakat majmuk di mana tawar-menawar tentang hak dan peluang hidup menjadi satu ciri penting. Perpecahan Cina akan melemahkan kedudukan mereka dalam tawar-menawar dengan kaum-kaum lain.

Lebih penting dari itu, di negara sedang membangun seperti Malaysia, perpecahan sesuatu kaum akan menjadi satu kerugian, satu tanggungan yang melambatkan proses pembangunan dan pembinaan negara.

Trend Politik Cina

Bagaimanapun, politik Cina kini juga memperlihatkan beberapa trend yang positif. Satu daripadanya ialah kemunculan pemimpin-pemimpin jenis baru. Kalau dulu kepimpinan politik didominasi oleh golongan peniaga dan orang kaya, kini telah berubah keadaannya. Ramai pemimpin politik Cina kini terdiri daripada golongan profesional dan intelek, yang dilahirkan di negara ini. Pemimpin-pemimpin baru ini boleh dikatakan semuanya berorientasikan Malaysia dalam pandangan dan sikap. Hasil daripada pendidikan dan pendedahan mereka, golongan ini menumpukan perhatian kepada perjuangan kesamaan bagi semua kaum. Tidak ramai yang tertarik oleh politik perkauman.

Trend kedua ialah wujud usaha Cina yang bersungguh-sungguh bagi memupuk kerjasama antara kaum. Kerjasama

antara kaum bukan perkara baru di Malaysia. Kerjasama antara AMCJA (All-Malayan Council of Joint Action) dan PUTERA (Pusat Tenaga Rakyat) bagi menentang Cadangan Persekutuan 1948 adalah satu contoh. Penyertaan MCA dalam Perikatan merupakan satu contoh lagi. Bukti yang lebih baru ialah penubuhan Barisan Nasional. Contoh-contoh ini menunjukkan pucuk pimpinan berbagai kaum menyedari peri mustahaknya kerjasama antara kaum demi keharmonian dan perpaduan negara.

Satu trend lagi ialah kesedaran politik Cina makin bertambah. Ini terbukti dengan bertambahnya bilangan pengundi Cina, kemunculan parti-parti politik Cina, dan minat yang ditunjukkan oleh orang-orang Cina terhadap dasar-dasar kerajaan yang menyentuh kepentingan komuniti mereka.

Bertambahnya kesedaran politik Cina memang satu tanda baik bagi komuniti Cina. Ia menyedarkan orang Cina tentang peri mustahaknya kuasa politik dalam penghidupan moden. Ia juga mendorong orang Cina mempergiatkan lagi penyertaan mereka dalam politik negara.

Perkara yang terakhir itu boleh menimbulkan kesan kurang menyenangkan dalam masyarakat kita. Penyertaan aktif serta tuntutan Cina untuk kuasa politik yang bertambah kadangkala menimbulkan rasa takut dan bimbang di kalangan kaum Melayu. Dalam tanggapan orang Melayu, kini kaum Cina sedang menguasai bidang ekonomi. Dan sekiranya kuasa politik terlepas ke dalam tangan mereka, maka tiada apa yang tinggal lagi bagi orang Melayu. Tanggapan ini tidak semestinya berasas. Namun ia mempunyai kesan-kesan tertentu di kalangan orang Melayu. Sesungguhnya peristiwa 13 Mei dipercayai oleh setengah pemerhati sebagai satu usaha Melayu untuk membanteras cabaran Cina terhadap supremasi Melayu dalam bidang politik.

Masa Depan Politik Cina

Kaum Cina cukup sedar bahawa DAP dalam keadaan sekarang tidak mungkin meluaskan pengaruhnya di kalangan orang Melayu. Parti itu akan tetap dianggap oleh Melayu sebagai

cauvinis. Terhadap MCA, ramai orang Cina telah hilang keyakinan, walaupun mereka menyedari bahawa sebagai parti komponen Barisan Nasional parti itu mempunyai kedudukan lebih baik dari DAP bagi mencapai sesuatu melalui semangat musyawarah dengan UMNO. Tentang GERAKAN, orang Cina merasakan parti itu perlu diberi masa yang agak panjang bagi meluaskan pengaruhnya di luar Pulau Pinang. Walaupun parti itu bercorak *non-communal* tetapi oleh kerana pucuk pimpinannya hampir semua Cina, kemungkinan ia menarik sokongan Melayu tidak besar. PPP dan PEKEMAS kini amat kecil pengaruhnya di kalangan orang Cina.

Di negara kita, satu hakikat yang perlu disedari oleh orang Cina ialah penduduk Cina cuma merupakan 1/3 dari jumlah penduduk negara ini. Selain itu, struktur politik negara ini lebih menguntungkan kaum Melayu dari kaum Cina. Selagi kedua-dua faktor di atas tidak berubah – bagi saya tiada sebab ia akan berubah sehingga menguntungkan kedudukan politik Cina – selagi itulah kaum Cina tidak mungkin memerintah negara ini seperti UMNO. Ini satu realiti politik negara kita.

Tetapi sekiranya kelima-lima parti Cina boleh bercantum atau bergabung menjadi satu barisan, maka kedudukan dan kekuatan politik Cina boleh diperbaiki. Pencantuman atau penubuhan satu barisan melibatkan banyak faktor dan masalah seperti soal penyesuaian dan perubahan dasar, pembubaran parti masing-masing, perwakilan dan sebagainya. Besar kemungkinan ia juga akan melibatkan pengorbanan tokoh-tokoh tertentu.

Dengan perkataan lain, jalan ke arah penyatuan politik Cina penuh dengan liku. Selain faktor-faktor di atas perbezaan dari segi aliran pendidikan, pendekatan, ideologi politik, kepentingan, orientasi nilai dan pertentangan personaliti memperburukkan lagi masalah pencantuman dan penyatuan.

Dalam keadaan demikian, soal pencantuman pada peringkat ini nampaknya tidak lebih dari satu perbincangan akademik sahaja. Tetapi kaum Cina tidak seharusnya putus asa dan bersikap apatetik. Nasib mereka sebahagian besarnya terletak di tangan mereka sendiri. Apa yang dapat mereka lakukan

ialah mencari tokoh-tokoh politik di kalangan mereka yang benar-benar berkaliber, jujur, bersedia mengorbankan diri dan boleh diterima oleh majoriti rakyat Cina. Kaum Cina amat memerlukan pemimpin-pemimpin yang mempunyai kualiti tersebut, di samping satu pertubuhan nasional yang benar-benar mewakili dan memimpin mereka.

Perkara yang sama pentingnya bagi orang Cina ialah melupakan segala pertikaian sesama mereka, melupakan kepentingan diri dan bersatu; demi masa depan Cina khususnya dan negara Malaysia amnya. Perkara ini cukup sukar, tetapi terpaksa juga dilakukan. Sekiranya tidak, kaum Cina akan sesat dalam peredaran zaman. Masa tidak akan menunggu mereka.

Masa depan politik Cina banyak bergantung kepada orang Cina – sama ada mereka boleh menyatupadukan diri. Ia juga bergantung kepada sejauh manakah parti-parti Cina berjaya mewujudkan perkongsian dan kerjasama dengan parti Melayu khususnya UMNO. Akhirnya ia bergantung kepada setakat manakah parti Cina dan parti Melayu dapat mencapai satu perimbangan dalam berbagai bidang supaya tidak timbul keadaan satu kaum terlalu mendominasi yang lain.

Dalam semua hal tersebut, sikap dan peranan Melayu amat penting. Demikian juga halnya sikap dan peranan kaum Cina. Sekiranya tiada percubaan dominasi-mendominasi antara satu dengan lain, dan gerak kuasa sederhana dalam kedua-dua komuniti itu lebih kuat dan dapat mengatasi golongan-golongan melampau, maka tiada sebab kita berasa bimbang. Tiada sebab juga kita curiga-mencurigai antara satu dengan lain. Masa depan tiap-tiap kaum adalah cerah.

Widya Ogos, 1980

2. MCA, Komuniti Cina dan Perpaduan Negara

Dr. Ting Chew Peh

Seringkali kita mendengar atau membaca berbagai pandangan untuk memupuk perpaduan di kalangan rakyat berbilang kaum negara ini. Dalam komuniti Cina, pandangan-pandangan tersebut juga kerap kedengaran. Satu daripadanya ialah perpaduan perlu bermula dari setiap komuniti. Tiap-tiap komuniti harus bersatu padu sebelum tercapainya perpaduan negara. Berdasarkan andaian ini, iaitu perpaduan setiap kaum merupakan prasyarat perpaduan negara, rencana ini akan meninjau kedudukan dan peranan Persatuan Cina Malaysia (MCA) dalam komuniti Cina khususnya dan negara Malaysia amnya.

Komuniti Cina Malaysia seperti lain-lain komuniti Cina seberang laut terkenal dengan kepelbagaian. Perbezaan dialek adalah satu aspek kepelbagaian yang penting. Lain-lain aspek kepelbagaian termasuk aliran pelajaran yang berbeza, perbezaan dari segi kepercayaan dan agama, ideologi politik, dan jenis pekerjaan. Ditinjau dari sudut yang lain, komuniti Cina boleh dibahagi-bahagikan secara mendatar berdasarkan perbezaan sosio-ekonomi dan pencapaian dalam pelajaran; dan secara menegak berdasarkan perbezaan dialek. Sifat kepelbagaian dan perpecahan inilah yang menyebabkan komuniti Cina sering dianggap sebagai 'sepinggan pasir', bukan sahaja oleh kaum lain tetapi juga oleh orang Cina sendiri.

Sejak penubuhannya dalam tahun 1949, MCA telah mengalami banyak perubahan. Mula-mulanya ia bergerak sebagai satu pertubuhan kebajikan. Kemudian ia bertukar corak menjadi parti politik dalam erti kata yang sebenar. Pemimpin parti itu juga bertukar ganti dari semasa ke semasa. Tetapi pada asasnya parti itu tetap merupakan parti politik Cina sejati, dalam erti kata keanggotaannya seratus peratus Cina.

Sebagai parti politik Cina, adalah wajar dan menjadi matlamat utama MCA memelihara hak dan kepentingan orang Cina serta menyatupadukan komuniti itu. Memelihara hak dan

kepentingan Cina dan menyatupadukan kaum Cina merupakan dua perkara yang berasingan tetapi berkaitan. Dan dalam kedua-dua perkara inilah banyak kontroversi telah timbul. Begitu juga dalam kedua-dua hal tersebut MCA banyak dikritik.

Sama ada MCA benar-benar berjaya memperjuangkan hak dan kepentingan kaum Cina merupakan soal kontroversial dalam komuniti Cina. Pihak pucuk pimpinan MCA mendakwa parti itu telah berusaha sedaya upaya memperjuangkan kepentingan orang Cina dan kejayaan yang tertentu telah dicapai. Sebaliknya, sebahagian besar orang Cina pula berhujah bahawa dalam beberapa hal tertentu, sikap MCA amat mengecewakan; MCA telah gagal mempertahankan hak dan kepentingan Cina.

Pada umumnya rasa tidak puas hati orang Cina terhadap MCA berkisar di sekitar soal bahasa dan pelajaran Cina (pelajaran dalam bahasa Cina). Sebagai satu kelompok etnik, pada keseluruhannya orang Cina, seperti lain-lain kelompok etnik, amat mencintai bahasanya. Mereka berjuang supaya bahasa Cina dijadikan salah satu bahasa rasmi Malaysia. Usaha ini terutamanya datang dari guru-guru dan pengurus-pengurus lembaga sekolah Cina yang diwakili oleh Gabungan Persatuan Guru-Guru Sekolah Cina dan Gabungan Lembaga Pengurus Sekolah Cina. Usaha tersebut ternyata tidak berjaya dan MCA-lah yang menjadi sasaran kritik kerana tidak menyokongnya.

Rasa tidak puas hati orang Cina terhadap MCA juga berkait rapat dengan makin merosotnya kedudukan bahasa dan sekolah Cina. Perkara ini boleh disusurgalurkan dari Laporan Razak dan Talib. Kedua-dua Laporan itu mempunyai kesan negatif ke atas bahasa dan pelajaran Cina. Antara kesannya yang utama ialah banyak sekolah Cina bertukar coraknya menjadi sekolah jenis kebangsaan dan semua peperiksaan Cina – seperti Peperiksaan Junior Middle III dan Senior Middle III – dihapuskan. Ramai Cina melihat Laporan-Laporan tersebut sebagai suatu serangan hebat ke atas bahasa dan pelajaran Cina. MCA sekali lagi dikecam oleh komuniti Cina kerana tidak mengambil satu pendirian tegas dalam soal tersebut.

Cadangan penubuhan Universiti Merdeka merupakan satu isu lagi yang memisahkan orang Cina dari MCA. Cadangan

tersebut disokong kuat oleh kira-kira 4,000 pertubuhan Cina, termasuk setengah cawangan MCA. Jawatankuasa Pusat MCA sebagaimana yang dijangka telah menolak cadangan itu. Tindakan MCA tidak begitu menghairankan orang Cina kerana bagi mereka ini memang sudah menjadi gaya politik parti itu selama ini. Namun pendirian MCA tidak menyokong cadangan tersebut sudah tentu menjejaskan lagi keyakinan orang Cina terhadap parti itu.

Satu lagi kritik orang Cina terhadap MCA ialah selama ini pucuk pimpinannya tetap dimonopoli oleh golongan konservatif yang lebih mengutamakan kepentingan diri mereka dan mereka sedia membuat sebarang tolok ansur serta penyesuaian asalkan kedudukan mereka dalam kerajaan terjamin. Golongan ini pandai memberikan janji-janji kosong kepada orang Cina demi mencapai matlamat mereka. Mereka tidak berani bersuara atau menyokong komuniti Cina secara terbuka mengenai sesuatu isu perkauman kerana takut kedudukannya dalam kerajaan terjejas nanti.

Demikianlah gambaran ringkas kedudukan MCA dalam pandangan sebahagian besar orang Cina. Rasa tidak puas hati orang Cina terhadap MCA memang jelas terbukti dari sokongan yang mereka berikan kepada parti itu. Dari segi sejarah perkembangannya, MCA tidak pernah mendapat sokongan penuh dari orang Cina. Sebelum merdeka, sokongan komuniti Cina terhadap MCA agak menggalakkan. Ini barangkali disebabkan ia merupakan parti politik Cina tunggal yang mendakwa mewakili kepentingan Cina. Tetapi selepas merdeka, MCA secara perlahan-lahan merosot pengaruhnya, baik dalam komuniti Cina itu sendiri maupun dalam kerajaan Perikatan dan Barisan Nasional. Tidak keterlaluan jika dikatakan MCA tidak pernah mendapat sokongan kuat dari orang Cina berbanding dengan UMNO yang mendapat sokongan kuat dari orang Melayu.

Satu perkara lagi yang berkaitan ialah hubungan MCA dengan lain-lain pertubuhan Cina, khasnya dengan apa yang disebut sebagai 'tiga pertubuhan utama' dalam komuniti Cina, iaitu Gabungan Persatuan Guru-Guru Sekolah Cina, Gabungan Lembaga Pengurus Sekolah Cina dan Pertubuhan tradisional seperti persatuan dialek, dewan perhimpunan Cina dan persatuan

surname. MCA tidak pernah mempunyai hubungan baik dengan ketiga-tiga jenis pertubuhan dari atas, yang mewakili sebahagian besar orang Cina. Sebab utama terjadilah keadaan demikian ialah mereka bercanggah pendapat dalam beberapa isu yang menyentuh kepentingan komuniti Cina seluruhnya, khasnya soal kedudukan bahasa dan pelajaran Cina.

Dalam sejarah perkembangannya, MCA pernah berusaha untuk memperbaiki imejnya. Dalam tahun 1958, misalnya, satu usaha telah dibuat oleh Presidennya Dr. Lim Chong Eu dan rakan-rakannya untuk menggabungkan MCA dengan pertubuhan-pertubuhan Cina (*Chinese guilds and associations*). Tujuannya ialah untuk mendapatkan lebih banyak sokongan dari orang Cina dan menjadikan parti itu benar-benar mewakili orang Cina. Usaha tersebut ditentang oleh tokoh-tokoh yang mempunyai kepentingan tertentu dan akhirnya terbelangkalai.

Selama ini, pada pandangan sebahagian besar orang Cina, MCA memang tidak mampu memperjuangkan hak dan kepentingan Cina. Pucuk pimpinannya dianggap lebih mengutamakan kepentingan mereka masing-masing. MCA sebagai satu parti seolah-olah telah terpisah dari komuniti Cina. Perkara ini jelas terbukti oleh begitu kecilnya jumlah undi Cina yang diperolehi oleh calon-calon MCA semasa pilihanraya.

Atas tuduhan-tuduhan yang dibuat oleh orang Cina, MCA tidak berdiam diri sahaja. Sebaliknya para pemimpinnya berhujah mereka telah berusaha seberapa boleh untuk menjaga hak dan kepentingan orang Cina. Sebagai contoh, sejak merdeka, sebilangan besar orang Cina telah berjaya memperolehi kerakyatan Malaysia melalui usaha MCA. MCA mendakwa kira-kira sejuta orang, kebanyakannya Cina, telah menjadi warganegara di antara tahun 1957 dan 1958 adalah hasil daripada kempen dan bantuannya.

Para pemimpin MCA juga mendakwa bahawa jaminan Perlembagaan Malaysia tentang kedudukan dan penggunaan bahasa tiap-tiap kaum adalah hasil dari perjuangan MCA.

Beberapa tahun kebelakangan ini, MCA sering menyebut kejayaannya dalam apa yang dikenali dalam parti itu sebagai

lima rancangan besar. Rancangan-rancangan yang dimaksudkan ialah penubuhan Kolej Tunku Abdul Rahman, yang telah genap 10 tahun usianya, pembinaan Bangunan MCA, yang masih dalam proses penyiapan, penubuhan Persatuan Kebudayaan Cina Malaysia, pelancaran Syarikat *Multi-Purpose Holdings Berhad* dan akhirnya kempen secara besar-besaran untuk merekrut ahli-ahli baru.

Selain dari itu, MCA juga amat berbangga kerana 'kejayaan'nya atas persetujuan yang telah dicapai dengan UMNO mengenai peluang pelajaran di pusat-pusat pengajian tinggi baru-baru ini. Tetapi formula yang telah dicapai itu tidak diumumkan. Ini, menurut pemimpin MCA, adalah untuk menjaga kepentingan dan masa depan masyarakat berbilang kaum kita. Alasan ini tidak berapa meyakinkan komuniti Cina. Apa yang mereka ingin lihat ialah sesuatu kejayaan atau bukti yang lebih konkrit, bukan kata-kata sahaja.

Dari segi menyatupadukan orang Cina pula, peranan MCA sering diragu-ragukan oleh komuniti Cina. MCA sendiri bukan merupakan satu parti yang bersatu padu. Sebenarnya beberapa perselisihan telah berlaku dalam MCA yang melemahkan imej dan kekuatan parti itu. Dalam tahun 1958-59, misalnya, perselisihan telah berlaku antara tokoh-tokoh baru yang diketuai oleh Lim Chong Eu dengan tokoh-tokoh lama yang diwakili oleh Tan Siew Sin dan Ong Yoke Lin berhubung dengan persoalan-persoalan tertentu. Akhirnya perselisihan itu membangkitkan satu krisis MCA-Perikatan yang menyebabkan beberapa tokoh baru MCA termasuk Lim Chong Eu meletakkan jawatan dan meninggalkan parti itu.

Perpecahan dalam MCA berlaku sekali lagi dalam tahun 1971, apabila parti itu melancarkan satu gerakan penyusunan semula. Dalam gerakan tersebut, kedudukan beberapa orang tokoh lama terancam oleh tokoh-tokoh baru. Akibatnya beberapa orang tokoh baru termasuk Lim Kheng Yaik, Tan Tiong Hong dan Paul Leong dipecat dari MCA oleh tokoh-tokoh lama.

Baru-baru ini MCA sekali lagi menghadapi krisis. Dalam perhimpunan agungnya yang ke-27, Presiden MCA Lee San

Choon telah dicabar oleh timbalannya Michael Chen. Lee San Choon berjaya mengekalkan jawatannya. Tetapi ada tanda-tanda yang menunjukkan bahawa MCA kini telah berpecah kepada dua puak yang bertentangan, satu puak yang menyokong Lee San Choon dan satu puak lagi terdiri daripada penyokong-penyokong Michael Chen.

Perselisihan-perselisihan seperti yang disebutkan di atas bukan sahaja melemahkan pucuk pimpinan parti itu, bahkan juga mengurangkan lagi keyakinan dan sokongan orang Cina terhadapnya.

Dalam keadaan sedemikian, adalah sukar bagi MCA menyatukan komuniti Cina. Ketidakmampuan MCA menyatukan orang-orang Cina amat jelas ditunjukkan oleh munculnya Gerakan Penyatuan Cina dalam tahun 1971. Gerakan menyatupadukan orang Cina dianjurkan oleh seorang peguam dan dari mula-mula lagi pihak penganjur telah menegaskan bahawa ia tidak kait-mengait dengan MCA. Sambutan dari semua lapisan komuniti Cina amat hebat. Buat pertama kali orang Cina seolah-olah telah menyedari bahawa mereka perlu bersatu untuk menghadapi segala cabaran tahun-tahun 70an.

Perhimpunan yang diadakan di Kuala Lumpur telah melahirkan satu Jawatankuasa Perhubungan Cina untuk Perpaduan Negara yang memajukan satu pengisytiharan yang mengandungi enam perkara. Di antara perkara lain pengisytiharan itu menyeru orang Cina bersatu demi memberikan sumbangan yang lebih berkesan kepada perpaduan negara. Pengisytiharan itu juga mengikrarkan taat setia orang Cina yang tidak berbelah bagi terhadap negara dan bekerjasama dengan kaum lain demi mengekalkan peluang yang sama untuk semua kaum dalam pembangunan ekonomi, sosial dan politik negara.

Selepas perhimpunan di Kuala Lumpur, perhimpunan yang serupa juga diadakan di Ipoh, Seremban dan Pulau Pinang. Sambutan orang Cina terhadap gerakan tersebut amat menghairahkan. Gerakan itu dianggap sebagai alat penyatu orang-orang Cina. Malah ada pemerhati percaya bahawa gerakan itu akhirnya akan mengambil alih tempat MCA yang kalah teruk dalam pilihanraya 1969. Tetapi gerakan itu tidak panjang

usianya. Ia berakhir di Pulau Pinang di mana ia mengadakan perhimpunan yang terakhir, kira-kira tiga bulan sahaja selepas penubuhannya.

Bagi orang Cina, MCA lah yang bertanggungjawab terhadap kegagalan Gerakan Penyatuan Cina. Para pemimpin MCA yang mempunyai kepentingan tertentu takut pada gerakan tersebut yang mendapat sambutan yang begitu baik dari kaum Cina. Mereka bimbang gerakan itu akan akhirnya menghancurkan parti dan kedudukan mereka. Sebabnya ialah gerakan itu menekankan perpaduan Cina tetapi bukan di bawah pimpinan MCA.

Sebagai satu langkah untuk mengekalkan kepimpinan mereka, tokoh-tokoh MCA cuba mengambil alih gerakan tersebut – mungkin dengan harapan untuk menyatukan orang Cina di bawah bendera MCA. Percubaan ini ternyata gagal, seperti yang terbukti dalam perhimpunan di Pulau Pinang, yang dipercayai adalah anjuran MCA dan ia hanya dapat menarik sebilangan kecil orang Cina, kebanyakannya penyokong-penyokong MCA. Walau bagaimanapun, MCA telah sekurang-kurangnya berjaya mensabotaj Gerakan Penyatuan Cina.

Kejayaan yang dicapai oleh Gerakan Penyatuan Cina dalam peringkat awal jelas menunjukkan sebahagian besar orang Cina tidak lagi mempunyai keyakinan terhadap MCA. Mereka mahukan kepimpinan alternatif. Campur tangan MCA yang menyebabkan gagalnya gerakan itu membuktikan bahawa masih terdapat golongan tertentu dalam parti itu yang sudi mengambil apa tindakan juga – meskipun tindakan itu memecahbelahkan orang Cina – asalkan ia dapat mengekalkan kepentingan diri mereka.

Sejak penubuhannya MCA memang sering dikritik oleh orang Cina. MCA kerap juga menghadapi dilema dalam sesuatu isu yang tertentu. Ia perlu memuaskan tuntutan-tuntutan orang Cina dan pada masa yang sama ia perlu juga menjaga kepentingan UMNO dan negara. Kedua-dua kepentingan kadang-kadang bertentangan dan pada ketika itulah MCA terperangkap dalam dilema dan menjadi serba salah.

Adalah tidak adil sekiranya kita menafikan sama sekali sumbangan MCA dari segi memperjuangkan kepentingan orang Cina. MCA sebagai satu parti utama Cina sudah mencapai kejayaan dalam batasan-batasan yang tertentu. Tetapi sebagai satu pertubuhan politik, MCA tentu sekali masih boleh memperbaiki imejnya dan menarik lebih banyak sokongan dari orang Cina. Ia juga masih boleh memperkuat kedudukan dan pengaruhnya dalam Kerajaan Barisan Nasional.

Walau bagaimanapun, kenyataan yang tidak dapat kita nafikan ialah MCA tidak mewakili seluruh rakyat berketurunan Cina. Orang Cina kini mempunyai parti-parti alternatifnya. Mereka, misalnya, boleh menyokong GERAKAN atau DAP. Ini adalah satu hakikat yang disedari dan diakui oleh pemimpin-pemimpin MCA sendiri.

Di samping itu, MCA tidak berjaya menyatukan komuniti Cina. Ada kalangan berpendapat bahawa selagi MCA tidak berani memperjuangkan kepentingan Cina, maka selagi itulah ia tidak dapat menyatupadukan kaum Cina. Ada pula yang menyatakan bahawa perselisihan atau kurangnya kerjasama di antara MCA dengan ketiga-tiga pertubuhan utama Cina adalah kesilapan taktik MCA, kerana ketiga-tiga pertubuhan utama itu mempunyai pengaruh yang luas dalam komuniti Cina. Selagi MCA tidak berjaya mendapatkan kerjasama dan sokongan pertubuhan-pertubuhan itu, maka selagi itulah ia tidak mewakili orang Cina dalam pengertian sebenar dan tidak dapat menyatupadukan orang Cina.

Berdasarkan perbincangan di atas, jika kita menerima andaian bahawa perpaduan Cina merupakan salah satu syarat penting ke arah pewujudan perpaduan negara, maka peranan MCA dalam hal ini amat mengecewakan. MCA telah gagal menyatupadukan kaum Cina.

Namun ini tidak bermakna MCA tidak memainkan peranan langsung dalam memupuk kerjasama dan harmoni antara kaum. MCA nampaknya selalu berusaha mewujudkan kerjasama dengan UMNO. Dan kejayaannya sedikit sebanyak terbukti dari penyertaannya dalam Perikatan dan Barisan Nasional. Dalam beberapa hal yang tertentu, MCA terpaksa bertolak

ansur untuk menjaga kepentingan negara. Ada kalanya tolak ansur itu dilihat oleh orang Cina sebagai satu kelemahan parti itu.

Dari segi memupuk harmoni dan persefahaman antara kaum, kedudukan MCA agak jelas. Sejak dari zaman Tan Cheng-Lock, Presidennya yang pertama, parti itu telah menjadikan pencapaian persefahaman dan harmoni antara kaum sebagai salah satu matlamat utama. Tujuan tersebut memang murni. Tetapi memandangkan kurangnya keyakinan dan sokongan dari orang Cina, sama ada MCA dapat mencapainya dalam jangka pendek atau jangka panjang masih menjadi suatu tanda tanya.

Dewan Masyarakat Mac, 1980

3. **Motif Michael Chen Masuk Gerakan**

Goh Teck

Sebelum 2hb Jun 1981, ada ura-ura yang menyatakan bahawa Datuk Michael Chen telah berhubung dengan Presiden Kebangsaan Gerakan, Dr. Lim Kheng Yaik untuk membincangkan soal kemasukan Datuk Michael Chen ke dalam Parti Gerakan.

Walau bagaimanapun, berita itu telah tersebar luas pada ketika itu dan Datuk Michael Chan masih tetap menafikan hasratnya untuk melompat masuk ke Parti Gerakan lantaran beliau mengatakan bahawa jiwa beliau masih tinggal di dalam Parti MCA.

Akan tetapi kata-kata Datuk Michael Chen pada masa itu tidak dapat benar-benar meyakinkan masyarakat Cina. Ini kerana kebanyakan anggota masyarakat Cina menganggap Datuk Michael Chen sebagai tokoh politik yang amat lincah dalam kancah pergolakan politik Cina Malaysia.

Ternyata tidak berapa lama selepas itu, apa yang diperkatakan oleh Datuk Michael Chen bahawa jiwanya masih tinggal di dalam Parti MCA itu tidak dapat diperkotakan.

Menurut para pemerhati politik, kemasukan Datuk Michael Chen ke dalam Parti Gerakan memang ada banyak sebab-musababnya. Yang pertama berpunca daripada kegagalan Datuk Michael Chen merebut kerusi Presiden dalam Perhimpunan Agung MCA pada tahun 1979. Beliau ditewaskan oleh Datuk Lee San Choon, Presiden MCA sekarang.

Pepatah Cina yang tepat sekali diterapkan di sini, iaitu "kalau bukanlah awak kalah, akulah yang kalah dalam segala-galanya."

Sebab yang kedua, kata pemerhati politik lagi ialah pihak Datuk Michael Chen dan pengikut-pengikutnya berasa tidak puas hati tentang sistem pemilihan calon Presiden MCA yang

dilancarkan itu. Maka pengikut-pengikut yang tulus ikhlas kepada Michael Chen lalu dengan radangnya membawa kes pengundian Presiden MCA tersebut ke Mahkamah Tinggi, mendakwa adanya berlaku ketidakadilan dalam proses pengundian itu.

Apabila pengumuman keputusan Mahkamah Tinggi itu secara muktamad menyatakan bahawa dakwaan atau tuduhan penyokong-penyokong atau pengikut-pengikut Datuk Michael Chen itu tidak berasas dengan fakta-fakta yang kukuh dan meyakinkan, sudah tentu mereka itu dengan sendirinya gagal di dalam pembicaraan di Mahkamah Tinggi.

Dengan demikian, secara mendadak berlaku pula peristiwa yang mengecutkan iaitu bahawa 61 orang anggota MCA telah dipecat daripada partinya oleh Presiden MCA, Datuk Lee San Choon, dengan alasan bahawa mereka itu telah melanggar peraturan-peraturan disiplin Parti MCA.

Ketua Setiausaha Kerja MCA, Senator Tan Chang Soon menyatakan bahawa 61 orang anggota MCA yang disingkirkan daripada partinya itu adalah mereka yang melanggar norma-norma disiplin Parti MCA yang tegas.

"Mereka itu sentiasa mengutuk dan menghalang perkembangan atau memandang rendah terhadap lima projek MCA yang agung itu yang sedang diusahakan dengan gigih dalam pelaksanaannya," kata Senator Tan.

Katanya lagi, setiap anggota MCA seharusnya berdiri teguh di dalam partinya sama ada sebagai anggota bagi cawangan MCA daerah, negeri ataupun sebagai anggota Jawatankuasa Perhubungan Negeri, kerana MCA mempunyai tugas yang banyak lagi berat untuk dilancarkan.

"Seterusnya kami tidak boleh memperlambat-lambatkan usaha dan sumbangan kami untuk kepentingan rakyat jelata kita," tambah beliau.

Menurut pemerhati politik selanjutnya, kesemua anggota MCA yang disingkirkan itu adalah penyokong-penyokong kuat Datuk Michael Chen, termasuk Tan Sri Lee Siok Yew dan bekas Senator Datuk Wong Seng Chow. (Sebelum pilihan-raya berlangsung pada 22hb April 1982, Datuk Wong telah kembali ke pangkuan Parti MCA dan kini menjadi Senator lagi.) Mereka ini mempunyai pengaruh yang kuat dan memainkan peranan yang penting di kalangan masyarakat Cina.

Dengan kehilangan kesemua penyokong yang kuat itu, maka lantas kewibawaan kuasa politik Datuk Michael Chen di dalam Parti MCA itu telah tergugat dan dengan sendirinya lenyaplah dari semasa ke semasa. Inilah merupakan sebab ketiga.

Tegasnya, kedudukan Datuk Michael Chen di dalam Parti MCA itu telah turut merosot kerana sepatutnya beliau dapat menduduki kerusi penting di dalam Majlis Tertinggi atau sebagai anggota Jawatankuasa Pusat. Namun kedua-duanya itu tidak berjaya dicapainya.

Datuk Michael Chen pernah berkata: "Seandainya rakyat jelata masih berkehendakkan khidmat dan sumbangan saya, tentulah saya akan tinggal di dalam Parti MCA. Sebaliknya, jikalau rakyat jelata tidak berkehendakkan saya lagi, maka saya sendiri akan bersara. Akan tetapi ada kemungkinan besar bahawa mereka itu akan mengikut jejak langkah saya ke mana sahaja saya pergi."

Dengan perkataan lain, Datuk Michael Chen bercita-cita besar ingin membawa pengikut-pengikutnya untuk memasuki parti politik yang lain agar dapat memperjuangkan landasan-landasan politik Malaysia yang bertunjangan kepentingan rakyat Malaysia yang terdiri daripada pelbagai kaum. Parti yang dipilihnya itu ialah Parti Gerakan.

Datuk Michael Chen memang tahu bahawa Perhimpunan Agung MCA yang akan diadakan pada bulan September, 1981, tidak akan mendatangkan implikasi-implikasi atau kesan-kesan yang baik terhadapnya.

Dan ini memang sekali akan menjejaskan nama baik, nasib masa hadapan dan taraf kedudukannya di dalam dunia politik Malaysia jika beliau bertanding sebagai Presiden MCA lagi, lantaran sayap-sayap kiri dan kanannya yang kukuh dan tegap itu telah terputus dengan arus aliran darahnya yang cergas dan tidak dapat bergerak dengan cepat dan lancar tetapi sebaliknya telah kaku beku sekali.

Lantaran itu, Datuk Michael Chen merupakan tokoh politik Malaysia mutakhir ini yang persis hampir-hampir lumpuh di dalam Parti MCA dan tidak dapat bernafas dengan tenang serta tidak sanggup menyuarakan atau mengutarakan gagasan pandangannya yang bisa mendatangkan kesan-kesan yang baik sama ada demi kepentingan partinya ataupun untuk kepentingan diri sendiri.

Supaya Datuk Michael Chen itu masih dapat bergerak dengan cergas dan pantas, beliau segera dengan bijaknya memasuki Parti Gerakan kerana sempat bertemu dan berbicara dengan Dr. Lim Kheng Yaik. Kini Datuk Michael Chen sudah dalam Parti Gerakan, tetapi apakah motifnya dalam membantu memperkembangkan Parti Gerakan yang dipimpin oleh Dr. Lim Kheng Yaik?

Memang tidak dapat dinafikan bahawa Datuk Michael Chen merupakan tokoh politik yang berkaliber dan berpandangan tajam dan jauh di dalam dunia pergolakan politik Malaysia. Ini adalah disebabkan oleh pengaruh pemikiran politiknya yang telah berakar umbi di dalam benak masyarakat Cina ketika beliau memegang jawatan sebagai Timbalan Presiden MCA, juga merangkap Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Sebelum kemasukan Datuk Michael Chen ke dalam Parti Gerakan, sebenarnya sudah banyak timbul pregeseran di antara tokoh-tokoh politik Gerakan, misalnya di antara Dr. Lim Kheng Yaik dengan Dr. Tan Tiong Hong. Ini juga diikuti oleh beberapa orang tokoh Gerakan dari Wilayah Persekutuan yang diketuai oleh Pengerusi Gerakan Wilayah Persekutuan, iaitu Dr. Tan Tiong Hong yang membantah sikap pimpinan baru, Dr. Lim Kheng Yaik.

Oleh yang demikian, sebagai Presiden Kebangsaan Gerakan, Dr. Lim Kheng Yaik ingin mempertahankan kepimpinannya, lalu beliau mengambil tindakan yang tegas terhadap mereka yang terlibat seumpama pengerusi dan setiausahanya. Justeru kerana itu, Dr. Tan Tiong Hong dengan sedaya upaya mencuba untuk menyelamatkan mereka, tetapi tidak berjaya. Maka inilah yang menyebabkan Dr. Tan Tiong Hong meletakkan jawatannya.

Bagaimanapun, Dr. Lim Chong Eu telah menasihati pemimpin Gerakan Dr. Lim Kheng Yaik supaya cuba memujuk Dr. Tan Tiong Hong tinggal di dalam partinya. Tetapi malangnya percubaan itu telah terlewat. Lebih-lebih lagi, Dr. Tan Tiong Hong tidak menaruh kepercayaan kepada pucuk pimpinan baru itu lalu mengambil langkah memasuki MCA semula pada bulan Mei, 1981. Dan MCA menyambut Dr. Tan dengan kemegahan dan kemeriahan sekali.

Ini jelas kepada kita bahawa di dalam pergolakan politik pimpinan Gerakan itu masih timbul kekecohan dan huru-hara, justeru itu Datuk Michael Chen yang berfikiran waras dan berpandangan politik yang tajam dengan segera menanggung di air keruh di dalam kekecohan atau kucar-kacirnya Parti Gerakan itu.

Ini adalah kerana Datuk Michael Chen tahu bahawa beliau tidak akan berkesempatan untuk bertanding di Ulu Selangor. Kawasan Parlimen yang dipunyainya dahulu itu kerana kawasan pertandingannya itu akan diberikan kepada orang lain yang juga mempunyai 'potensi pengaruh yang kuat' di dalam politik MCA di kawasan tersebut.

Begitu juga halnya ketika kekuasaan politik Datuk Michael Chen di dalam MCA sudah jelas kian hari kian merosot disebabkan oleh penarikan diri beliau keluar dari kabinet pada tahun 1979. Di samping itu beliau juga sudah kehilangan segala kewibawaan kuasa politik di dalam Jawatankuasa Pusat MCA.

Oleh itu, dengan bijaknya, Datuk Michael Chen turut segera mencuba mengambil peluang yang maha penting itu

untuk menggantikan Dr. Tan Tiong Hong di dalam Parti Gerakan dan sudah tentu beliau berpeluang untuk bertanding di kawasan Parlimen Kepong pada pilihanraya umum yang dijangka akan diadakan pada tahun 1982. (Pada pilihanraya 1982, Datuk Michael Chen telah dipilih oleh partinya untuk bertanding di kawasan Bruas untuk menggantikan kawasan Kepong yang dijangkakan itu dan beliau menang dengan keputusan yang di luar dugaan). Pada ketika itu, Datuk Michael Chen mungkin telah dipilih sebagai Timbalan Presiden Kebangsaan Gerakan, kata pemerhati politik lagi. (Kini Datuk Michael Chen telah dilantik sebagai Naib Presiden oleh Dr. Lim Kheng Yaik, Presiden Parti Gerakan.)

Menurut pandangan pemerhati politik, kemasukan Datuk Michael Chen ke Parti Gerakan ini, ada hubungannya dengan hasrat beliau untuk menggantikan Datuk Paul Leong. Inilah taktik-taktik yang telah dimulakan sejak awal-awal lagi di dalam pakatan-pakatan antara Datuk Michael Chen dengan Dr. Lim Kheng Yaik, kerana Datuk Michael Chen memperoleh penyokong-penyokong atau pengikut-pengikut yang lebih banyak daripada Datuk Paul Leong.

Alasan-alasan yang kukuh dan meyakinkan itu akan lebih memperkukuhkan kedudukan Parti Gerakan lagi dalam komponen Parti Barisan Nasional. Dengan sebab itulah peluang Datuk Michael Chen untuk masuk ke dalam kabinet dan menjadi menteri, juga tidak akan menjadi persoalan besar. Ini disebabkan oleh perjuangan politik Datuk Michael Chen di kalangan masyarakat Cina tidak mencetuskan sesuatu akibat buruknya terhadap pucuk pimpinan masyarakat Melayu, terutamanya UMNO.

Utusan Malaysia 6hb Ogos, 1981

4. Perhimpunan Agung MCA ke-29: Tiada Perlumbaan Merebut Kerusi Penting

Goh Teck

Perhimpunan Agung MCA-29 yang akan berlangsung pada 19 dan 20 September ini mendapat perhatian besar daripada masyarakat Cina dan juga di kalangan pemerhati politik Malaysia.

Menurut pucuk pemimpin MCA baru-baru ini, tidak akan berlaku apa-apa perlumbaan dalam merebut kerusi yang penting – Presiden, Timbalan Presiden dan empat Naib Presiden.

Ini adalah supaya memperkukuhkan kepentingan parti khasnya dan menyatupadukan seluruh anggota MCA tanpa mendatangkan akibat buruknya seperti rebutan kewibawaan kuasa dalam Parti MCA itu sendiri.

Akan tetapi, dipercayai bahawa ada calon-calon dari peringkat bahagian dan negeri MCA akan merebut kerusi Timbalan Presiden disebabkan oleh anggapan mereka bahawa pemilihan dan pengundian itu merupakan suatu proses yang liberal dan berdasarkan prinsip-prinsip demokrasi.

Jadi, siapakah yang akan bertanding untuk merebut kerusi Presiden dan Timbalan Presiden MCA Malaysia? Adakah Datuk Richard Ho sebagai Timbalan Presiden MCA kini, juga merangkap Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat akan bertanding untuk merebut kerusi Presiden MCA sepertimana yang telah dilakukan oleh Datuk Michael Chen pada tahun 1979?

Pada awal-awal dua bulan yang lalu, ramai pemerhati politik menyatakan bahawa Datuk Richard Ho akan mengikut jejak langkah Datuk Michael Chen. Akan tetapi, apa yang diutarakan oleh Datuk Richard Ho dalam ucapannya baru-baru ini, tidak sepertimana yang difikirkan oleh pemerhati politik tersebut.

Menurut Datuk Richard Ho, ahli-ahli MCA haruslah memikirkan bahawa MCA merupakan suatu parti yang mem-

punyai taraf kedudukannya yang paling unggul sekali dalam usaha memperkembangkan menaifatnya atau kebaikan masyarakat Malaysia. Walaupun berbagai-bagai masalah berat yang dihadapi, namun MCA kini telah membina suatu kumpulan pucuk pemimpin yang boleh diyakinkan dalam melancarkan kepimpinannya.

"Selain dari itu, MCA juga telah melaksanakan langkah-langkah yang gigih demi kepentingan masyarakat Cina Malaysia dan untuk kepentingan negara pada keseluruhannya," kata beliau.

Beliau menambah lagi, memang tidak dapat dinafikan bahawa MCA telah berjaya dalam melaksanakan lima projek yang besar seperti Wisma MCA – Bangunan Baru Ibu Pejabat MCA, Kolej Tunku Abdul Rahman, Multi-Purpose Holdings Berhad, Pertubuhan Kebudayaan Cina Malaysia dan Kempen Keanggotaan MCA.

Dengan perkataan lain, Datuk Richard Ho telah menaruh keyakinan kepada pucuk pimpinan Presiden MCA, Datuk Lee San Choon. Dan diketahui umum bahawa Datuk Richard Ho ini sungguh-sungguh berusaha dalam menjalankan tugasnya sebagai menteri.

Lantaran itu, apakah kerusi Timbalan Presiden MCA itu juga akan ditanding atau direbut oleh anggota MCA yang mempunyai kedudukan yang penting di dalam partinya itu?

Menurut para pemerhati politik, calon-calon yang mempunyai potensial yang menonjol akan merebut kerusi Timbalan Presiden MCA, misalnya Datuk Dr. Neo Yee Pan, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Encik Tan Koon Swan, Pengerusi Wilayah Persekutuan, Datuk Lee Kim Sai, Ketua Pemuda MCA Malaysia, Datuk Chan Siang Sun, Timbalan Menteri Pelajaran, Datuk Lew Sip Hon, Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian dan Encik Lim Kean Siew, Ketua MCA Pulau Pinang.

Datuk Lee San Choon sebagai Presiden MCA Malaysia pernah mengatakan bahawa adalah baiknya tidak ada berlaku

perlumbaan dalam merebut tiga bahagian kerusi yang penting di dalam parti supaya tenaga pucuk pimpinan itu dapat dikekalkan untuk bertanding dalam pilihanraya yang akan datang.

Datuk Neo Yee Pan sebagai Naib Presiden juga pernah menyatakan bahawa Parti MCA telah membincangkan dengan sedalam-dalamnya bahawa kerusi Presiden, Timbalan Presiden dan Naib Presiden itu seharusnya tidak diadakan perlumbaan.

Dengan adanya cadangan tersebut, parti dapat diperkukuhkan dan perpaduan dapat diwujudkan.

Beliau menambah lagi, ini adalah harapan pucuk pimpinan MCA sahaja, tetapi menurut perlembagaan parti, setiap anggota MCA yang sah itu berhak dicalonkan dan tidak ada sesiapa pun mempunyai kewibawaannya untuk menghalang soal pencalonan itu.

Ketua Pemuda MCA Malaysia, Datuk Lee Kim Sai dengan sendirinya diangkat sebagai Naib Presiden berdasarkan kedudukannya dalam Parti MCA.

Di antara Naib-naib Presiden kini, Datuk Lee Kim Sai merupakan tokoh politik MCA yang pertama dalam membuat kenyataan bahawa tidak mahu bertanding untuk merebut kerusi Timbalan Presiden. Ini adalah kerana Datuk Lee mempunyai pandangan yang waras agar tidak memecahbelahkan kedudukan parti. Ini memang hasrat Datuk Lee dalam memperkukuhkan perpaduan parti supaya dapat mencapai matlamatnya.

Datuk Lee Kim Sai juga merupakan tokoh politik yang berkaliber dan berani membawa isu-isu yang dihadapi oleh masyarakat Cina supaya dapat diselesaikannya.

Beliau pernah mengatakan bahawa Kebudayaan Nasional adalah berteraskan Kebudayaan Melayu tetapi unsur-unsur kebudayaan kaum-kaum lain juga seharusnya dijadikan sebagai unsur-unsur Kebudayaan Nasional Malaysia.

Datuk Lee memang memainkan peranan yang penting sebagai Naib Presiden dalam menggembelngkan tenaga masyarakat Cina untuk mencapai perpaduan dan menyelesaikan tugas-tugas parti.

Sifat-sifat Datuk Lee yang murni demi mencapai perpaduan parti sungguh-sungguh benar dapat dipuji dan disanjung tinggi, apatah lagi sumbangan beliau dalam parti, kepada bangsa dan negara. Lantaran itu beliau mendapat sokongan penuh daripada rakyat jelata terutamanya anggota Pemuda MCA, kata pemerhati politik.

Beliau dicalonkan untuk bertanding sebagai Ketua Pemuda MCA Malaysia pada tahun 1979 dan beliau menang tanpa bertanding. Begitu juga halnya keadaan yang sama dijangkakan bahawa beliau akan menang tanpa bertanding pada 18hb. September, 1981 dan mengekalkan kerusi Naib Presiden dengan sendirinya.

Naib Presiden, Datuk Chan Siang Sun merupakan tokoh politik MCA yang terkenal baik di kalangan masyarakat Cina, India mahupun di kalangan masyarakat Melayu lantaran beliau memegang jawatan sebagai Timbalan Menteri Pelajaran sejak tahun 1974 hingga ke masa kini.

Datuk Chan juga sebagai ahli Parlimen MCA yang tidak pernah kalah sejak tahun 1959 di kawasan Bentong. Ini jelas bahawa Datuk Chan memperoleh sokongan mutlak daripada rakyat jelata. Di samping itu beliau memperoleh perhubungan rapat dan kerjasama terutamanya dalam komponen parti Barisan Nasional.

Bukan setakat itu sahaja, perhubungan beliau dengan masyarakat tempatan juga sungguh rapat sekali dan sering bekerjasama dengan masyarakat tempatan. Sejak beliau menjadi Timbalan Menteri Pelajaran, telah menumpukan perhatiannya kepada perkembangan dan kemajuan pelajaran khasnya kepada sekolah-sekolah jenis kebangsaan yang sering dianggap kekurangan dari segi perkembangan dan kemudahan infrastruktur dan sebagainya.

Perhatian khas juga beliau tumpukan dalam meninggikan taraf pengajaran dan pembelajaran di sekolah-sekolah jenis kebangsaan. Dan dari segi tenaga pengajar kebanyakannya adalah guru terlatih supaya dapat membawa kesan-kesan yang baik. Guru-guru ini juga diberikan layanan, perkhidmatan, kebajikan, berdasarkan sukatan pelajaran dan kurikulum.

Beliau merupakan politikus yang mempunyai sifat sederhana, liberal, dan mudah bercampur gaul dengan sesiapa pun. Oleh itu, beliau selalu bersedia mendengar kesusahan yang dihadapi oleh masyarakat Cina, India dan Melayu. Inilah pegangan beliau, berkehendakkan suatu masyarakat majmuk hidup dalam keadaan yang penuh persefahaman supaya dapat menyemaikan semangat perpaduan negara.

Beliau pernah memegang jawatan sebagai Ketua Pemuda MCA Malaysia sejak tahun 1975 hingga 1979, manakala pada tahun 1979, beliau berjaya merebut kerusi Naib Presiden dan mendapat tempat kedua dalam pengundiannya.

Naib Presiden, Datuk Lew Sip Hon, pernah memegang jawatannya tersebut selama tiga penggal (6 tahun) mulai tahun 1973 hingga 1979. Pada tahun 1971 hingga 1973, beliau telah memegang jawatan sebagai Timbalan Setiausaha Agung.

Sejak tahun 1967, beliau telah berjaya melancarkan cawangan MAJU, kebanyakannya anggota itu terdiri daripada golongan intelektual. Mulai tahun 1973, hingga kini, beliau telah dipilih sebagai Ketua Majlis Kolej Tunku Abdul Rahman.

Kini beliau memegang beberapa jawatan penting; iaitu Presiden Biro Pelajaran MCA, Presiden Biro Ekonomi MCA dan Presiden Biro Pengumuman MCA. Kesemua presiden biro adalah di taraf peringkat kebangsaan.

Pada Perhimpunan Agung MCA yang lalu, beliau memperoleh undi yang paling tinggi sekali dalam merebut kerusi Naib Presiden. Selain dari itu, beliau juga menjadi penasihat kepada berbagai-bagai jenis persatuan Cina, bilangannya lebih daripada empat puluh buah persatuan.

Naib Presiden, Datuk Mak Hon Kam sebagai pengasas Syarikat Kerjasama Peak Hua dan menyusun semula MCA Perak sehingga menjadi sebuah pertubuhan yang paling besar di negeri itu, sebaik sahaja beliau pulang daripada pengajian tinggi di Australia di mana beliau mendapat ijazah arkitektual.

Keadaan Negeri Perak pada masa itu tidak begitu memuaskan dan kaum Cina pun dalam keadaan huru-hara selepas pengalaman tragedi 13 Mei. Beliau telah menghadapi cabaran dalam mengelolakan politik Negeri Perak supaya memberi satu hala yang tepat kepada kaum Cina. Oleh kerana niat beliau yang begitu gigih, beliau telah mendapat sokongan daripada pemimpin-pemimpin di Negeri Perak.

Adalah diketahui bahawa pada perhimpunan agung tahun ini (1981) beliau dicalonkan sekali lagi sebagai Naib Presiden. Ini merupakan peluang yang baik bagi beliau meneruskan perjuangan dalam kalangan politik demi kepentingan masyarakat Cina dalam konteks keMalaysiaan.

Sebagai ahli Dewan Rakyat, beliau telah berjaya merapatkan kerjasama dan perasaan muhibbah di antara Parti-parti Komponen Barisan Nasional terutama sekali di kawasan pilihanraya beliau.

Ini jelas ternyata dari beberapa rancangan yang telah dijalankan di kawasan pilihanraya umum di mana penduduk-penduduk telah menikmati kemudahan infrastruktur seperti jalan, api dan bekalan air.

Selain dari itu, di mana peruntukan kerajaan tidak ada, beliau telah mengelolakan penduduk-penduduk untuk bekerjasama secara bergotong royong untuk mencapai matlamat tersebut.

Seorang wanita MCA paling terkenal baik di kalangan masyarakat Cina, India mahupun di kalangan masyarakat Melayu; iaitu Datin Paduka Rosemary Chong.

Beliau dilantik sebagai Presiden Wanita MCA bagi bahagian Negeri Selangor oleh bekas Presiden MCA, Tun Tan Siew Sin. Mulai masa itulah beliau sungguh giat dalam kegiatan perkembangan kebajikan Wanita MCA di dalam Negeri Semenanjung Malaysia, iaitu sebelah buah negeri. Justeru kerana itu, pada tahun 1975, beliau telah dipilih sebagai Presiden Wanita MCA bagi mempergiatkan perkembangan kebajikan Wanita MCA di dalam sebelas buah negeri itu.

Kebetulan pada tahun yang sama, beliau telah dipilih sebagai calon untuk bertanding dalam pilihanraya kecil di kawasan Selayang, Selangor dan berjaya merebut kerusi itu sebagai ahli Parlimen. Ini merupakan tahun yang bersejarah dalam Parti MCA yang berusia 26 tahun telah melahirkan seorang Wanita MCA yang pertama menduduki kerusi sebagai ahli Parlimen.

Pada tahun 1978, Datin Paduka Rosemary Chong juga telah dipilih sebagai ahli Parlimen lantaran menang dalam pertandingan pilihanraya umum di kawasan baharu, iaitu Ulu Langat. Ini menunjukkan bahawa kebolehan beliau dalam memimpin Wanita MCA dan juga mendapat sokongan daripada rakyat jelata dalam kawasan pertandingannya.

Pada tahun 1980, beliau telah dilantik sebagai Setiausaha Parlimen kepada Kementerian Kesihatan. Sepanjang perjuangan beliau dalam soal-soal atau masalah-masalah yang dihadapi oleh kaum wanita memang dapat kelihatan ditangani atau dikurangkan. Misalnya pemberian gaji yang saksama dan adil kepada kaum wanita sepertimana diterima oleh kaum lelaki. Satu contoh lagi, pembaharuan sijil perkahwinan kepada kaum wanita yang bukan Bumiputera, iaitu monogami di mana seorang suami hanya boleh mempunyai seorang isteri sahaja. Ini adalah demi kepentingan masa hadapan mereka.

Jelaslah kepada kita bahawa usaha dan sumbangan beliau memang bermakna sekali, justeru itu diyakinkan bahawa tiada Wanita MCA yang lain sanggup bertanding untuk merebut kerusi Presiden Wanita MCA pada 18hb. September, 1981. Maka dengan sendirinya beliau diangkat sebagai Naib Presiden berdasarkan taraf kedudukannya sebagai Presiden Wanita.

Setiausaha Agung MCA, Tan Sri Chong Hon Nyan juga pernah membuat pengumuman bahawa tidak mahu bertanding untuk merebut kerusi Timbalan Presiden kerana beliau tidak ingin melihat adanya perubahan besar di dalam pucuk pimpinan MCA kini.

Justeru itu, memandangkan sumbangan-sumbangan dan usaha-usaha yang dicurahkan oleh pemimpin-pemimpin MCA kini, memang tidak ada calon MCA yang hebat mahu tampil ke hadapan untuk mencabar kerusi Presiden, Timbalan Presiden dan Naib Presiden.

Bagaimanapun, pertandingan hebat akan berlaku di antara anggota MCA untuk merebut kerusi Jawatankuasa Pusat MCA yang jumlahnya dua puluh.

Menurut pandangan pemerhati politik, bahawa Wanita MCA akan menghantar dua orang calon, iaitu Cik Lim Sean Lean, ahli Jawatankuasa Pusat MCA dan Cik Yau Shuk Ming, Timbalan Presiden Negeri Selangor.

Selain dari itu, akan terdapat banyak calon yang baharu masuk ke Parti MCA, iaitu Chan Teck Chan, Seow Hum Khim, Chin Nyok Soo, Wong Hoong Keat dan Dr. Tan Tiong Hong.

Adalah diketahui bahawa Setiausaha Agung Pemuda MCA, Encik Chew Hock Thye juga akan bertanding untuk merebut kerusi tersebut. Begitu juga Dr. Gan Kong Seng yang baharu dilantik sebagai Senator akan memperoleh peluang yang besar dan Encik Kee Yong Wee, sebagai Timbalan Pengerusi Wilayah Persekutuan juga akan merebut kerusi tersebut.

Dipercayai bahawa Datuk Chin Hon Ngian, Encik Tan Koon Swan, Encik Lim Kean Siew, Encik Tan Ching Gan, Cik Lim Sean Lean, Senator Datuk Choo Ching Hwa, Datuk Lee Boon Peng, Dr. Ling Liong Sik, Tan Sri Chong Hon Nyan, Datuk Teo Ah Khiang dan Datuk Loh Fook Yen akan mengekalkan kerusinya yang sedia ada sekarang.

Pada natijahnya, memang tidak ada pertandingan hebat dalam keadaan Perhimpunan Agung MCA yang ke-29 kerana kerusi penting diyakinkan tidak ada calon-calon yang layak. Manakala rebutan kerusi Jawatankuasa Pusat MCA itu memang akan berlaku pada 19hb. dan 20hb. September, 1981 kerana ada muka-muka baharu yang lebih berhasrat dan berkaliber untuk menggantikan orang lama yang tidak dapat bergiat sepertimana yang dikehendaki oleh masyarakat Cina Malaysia kini.

Utusan Malaysia 11hb September, 1981

5. MCA Memasuki Era Baharu

Dr. Ting Chew Peh

Pilihanraya Umum 1982 menunjukkan sekali lagi sokongan rakyat terhadap Barisan Nasional (BN) sejak ia ditubuhkan kira-kira 10 tahun dahulu. Dalam Pilihanraya Parlimen, BN berjaya memenangi 132 kerusi dari jumlah 154 kerusi dalam Dewan Rakyat. Parti-parti pembangkang cuma memperolehi 14 kerusi, iaitu sembilan bagi DAP dan lima lagi PAS, dan calon-calon bebas berjaya memenangi lapan kerusi (lima di Sabah dan tiga di Sarawak).

BN juga menguasai semua Dewan Undangan Negeri di Semenanjung Malaysia dengan majoriti yang besar (Pilihanraya Negeri belum lagi diadakan di Sabah dan Sarawak kali ini).

Sekiranya ada parti komponen BN yang paling gembira dan puas hati dalam pilihanraya ini, maka parti itu adalah MCA. Parti itu berjaya memenangi 24 kerusi parlimen dari 28 yang dipertandingkan (berbanding dengan 17 kerusi dalam tahun 1978). Pada peringkat negeri, MCA memenangi 55 kerusi dari 62 kerusi yang dipertandingkan (bertanding dengan 44 kerusi dari 60 yang dipertandingkan dalam tahun 1978).

Kejayaan MCA, khasnya di kawasan-kawasan yang dianggap sebagai 'kubu' DAP, sungguh tidak dijangka dan memeranjatkan ramai orang termasuk setengah pemimpin-pemimpin MCA sendiri.

Beberapa faktor telah dikemukakan untuk menerangkan kejayaan MCA. Pertama, dalam beberapa tahun kebelakangan ini, MCA telah melancarkan beberapa projek yang sedikit sebanyak menguntungkan kaum Cina dalam bidang ekonomi, pelajaran dan kebudayaan. Projek-projek itu termasuk penubuhan *Multi-Purpose Holdings Berhad*, Kolej Tunku Abdul Rahman, dan Pertubuhan Kebudayaan Cina Malaysia.

Kedua, cogankata MCA dalam pilihanraya kali ini ialah "*breakthrough*" dalam perwakilan politik bagi kaum Cina, dengan menyeru kepada pengundi-pengundi Cina membuat

keputusan sama ada mereka mahu diwakili oleh MCA atau DAP. Seruan itu sedikit sebanyak mendapat sambutan positif dari komuniti Cina yang berpendapat MCA perlu diberikan satu peluang.

Faktor yang ketiga ialah pertukaran imej MCA, iaitu daripada imej dahulu sebagai 'parti tauke' kepada parti yang dipimpin oleh para profesional. Kualiti pemimpin dan calon MCA yang makin meningkat, dan ketekunan mereka juga sedikit sebanyak menarik sokongan dari para pengundi Cina.

Satu faktor lagi yang membantu MCA ialah keputusan Presiden parti itu untuk bertanding di kawasan Seremban yang secara tradisi menjadi 'kubu' DAP. Selama ini pemimpin-pemimpin MCA sering dituduh tidak berani bertanding di kawasan di mana pengundi Cina menjadi majoriti. Keputusan Presiden MCA bertanding di 'kubu' DAP itu bukan sahaja sedikit sebanyak mengubah imej itu, tetapi lebih penting dari itu, tindakan itu meninggikan semangat perjuangan ahli-ahli MCA dan penyokong-penyokongnya.

Tidak ketinggalan ialah kempen MCA yang begitu agresif dan organisasi yang rapi pada peringkat bawah. Ini, ditambah pula dengan kedudukan kewangan parti itu, dapat memikat dan mempengaruhi hati setengah pengundi.

Penerangan-penerangan di atas ada kebenarannya. Tetapi tidak dapat dinafikan bahawa secara tidak langsung DAPlah yang banyak menyumbang ke arah kejayaan MCA. Ini disebabkan dalam kebanyakan kes, prestasi DAP berhubung rapat dengan MCA. Kekalahan DAP sering bererti kemenangan MCA.

Dalam pilihanraya ini, DAP, lawan utama MCA, telah diletakkan dalam keadaan yang tidak menguntungkan, malah merugikan parti itu.

Salah satu faktor yang melemahkan DAP ialah perselisihan yang berlaku antara pemimpin-pemimpinnya pada tahun 1981. Perselisihan itu menyebabkan beberapa orang tokoh meninggal-

kan parti itu untuk menyertai MCA dan GERAKAN. Dengan itu secara tidak langsung kekecohan DAP menguatkan MCA. Kekecohan dalam parti itu juga menjejaskan keyakinan dan kepercayaan orang ramai terhadapnya.

Kekurangan isu penting merupakan satu punca lagi yang merugikan DAP. Dalam pilihanraya yang sudah-sudah DAP berjaya mempergunakan isu-isu yang tertentu untuk mendapatkan sokongan rakyat. Kali ini nampaknya tiada isu yang benar-benar 'signifikan' yang boleh menawan hati pengundi. Isu 3R pernah dibangkitkan, tetapi disebabkan oleh sekatan-sekatan yang tertentu, DAP tidak dapat mempergunakan isu-isu secara berkesan.

Satu faktor lagi yang dipercayai mengakibatkan kekalahan DAP di beberapa kawasan ialah kekurangan calon yang berkualiti. Ini diperburukkan lagi oleh strategi parti itu untuk menukarkan calon dari satu kawasan ke kawasan yang lain. Menukar-nukar calon tanpa menghiraukan hasrat dan perasaan para pengundi adalah strategi yang tidak bijak, walaupun bukan mengencilkan kemantapan politik para pengundi.

Tuduhan BN bahawa DAP mempunyai pakatan atau 'berkhalwat' dengan PAS juga ada kesan yang negatif di kalangan penyokong-penyokong DAP, yang amat takut kepada PAS kerana pendirian yang melampau.

Bagi MCA, kemenangan yang cemerlang patut dibanggakan kerana sejak pilihanraya 1969, inilah kali pertama parti itu diberikan sokongan yang begitu kuat dari pengundi-pengundi Cina. MCA boleh dikatakan sudah memasuki satu era yang baru dalam perjuangannya. Dari segi jumlah kawasan yang dimenangi adalah benar bahawa MCA telah sedikit sebanyak mencapai *breakthrough* dalam perwakilan politik, kerana banyak kawasan yang dahulunya menjadi 'kubu' DAP kini sudah jatuh ke tangan parti itu.

Kekalahan DAP dipercayai ada hubungannya dengan penyertaan pejuang-pejuang pelajaran Cina dalam BN. Buat kali pertama dua orang pejuang pelajaran Cina bertanding menentang calon DAP di kawasan Parlimen atas tiket BN.

Perlawanan itu sengaja disifatkan oleh setengah kalangan BN sebagai perlawanan antara DAP dengan pejuang-pejuang pelajaran Cina, malah perletakan calon-calon DAP di kawasan Kepong dan Tanjung di Pulau Pinang 'ditafsir' oleh pejuang-pejuang pelajaran Cina sebagai satu tindakan menentang pelajaran Cina. 'Penafsiran' demikian sudah menjejaskan prestasi DAP.

Satu perkara yang amat menarik dalam pilihanraya 1982 ialah pertandingan antara Presiden MCA Datuk Lee San Choon dengan Presiden DAP Dr. Chen Man Hin di Seremban. Dalam perlawanan itu, Presiden MCA menewaskan Presiden DAP dengan kelebihan undi sebanyak 845 sahaja.

Penyokong-penyokong MCA mendakwa bahawa kemenangan Datuk Lee adalah satu *breakthrough* MCA dalam arena politik. Dakwaan itu ada kebenarannya, memandangkan kenyataan bahawa kawasan Seremban sudah menjadi kubu kuat parti pembangkang sejak tahun 1969. Tetapi berdasarkan jumlah undi yang diperolehi, prestasi Datuk Lee tidak dapat dibanggakan. Di kawasan tersebut, pengundi-pengundi Cina cuma menjadi kira-kira 60% dari jumlah pengundi. Berdasarkan andaian umum bahawa kebanyakan undi yang diperolehi oleh DAP adalah undi Cina, maka jumlah undi sebanyak 23,258 yang diperolehi oleh Datuk Lee kebanyakannya *bukan* dari pengundi-pengundi Cina. Dengan perkataan lain, Datuk Lee tidak mendapat sokongan kuat dari pengundi-pengundi Cina. Datuk Lee menang kerana sokongan dari pengundi-pengundi Melayu dan India.

Oleh yang demikian, populariti Datuk Lee di Seremban masih boleh dipersoalkan meskipun beliau berjaya menawan kawasan tersebut.

Sekiranya kemenangan MCA di kawasan Seremban boleh disifatkan sebagai *breakthrough*, maka itu cuma satu *breakthrough* yang kecil.

Nampaknya pengundi-pengundi Cina di Seremban masih mempunyai banyak *reservation* terhadap Datuk Lee. Mengatakan bahawa Datuk Lee sudah benar-benar mewakili orang-orang Cina di Seremban masih jauh dari hakikat.

Kemenangan MCA yang cemerlang juga tidak bererti bahawa MCA kini menjadi wakil dan jurucakap tunggal komuniti Cina, seperti yang didakwa oleh setengah pihak. GERAKAN dan DAP tetap mempunyai pengaruh masing-masing di kalangan kaum Cina. Selagi kedua-dua parti itu terus kekal, maka selagi itulah MCA tidak dapat digelar sebagai wakil tunggal kaum Cina.

Dari sudut pandangan MCA, kemenangan parti itu kali ini mempunyai makna yang cukup besar. Dari satu segi, usaha, ketekunan dan tungkus lumus para pemimpinnya beberapa tahun kebelakangan ini tidak tersia-sia. Dari segi yang lain, seruan parti itu untuk menyatupadukan kaum Cina dan mengukuhkan kedudukan politik mereka sudah sedikit sebanyak mendapat sambutan baik. Pada keseluruhannya orang Cina sudah memberikan sokongan yang menggalakkan kepada MCA. Ini pasti merupakan pertanda baik bagi MCA khususnya dan BN amnya.

Dengan kemenangan kali ini, MCA sudah mendapat mandat baru dari komuniti Cina, tetapi hasratnya untuk mencapai penyatuan politik kaum Cina lebih sukar dipenuhi. Banyak faktor dalam komuniti Cina yang menjadi penghalang kepada usaha tersebut. Perbezaan dari segi ideologi politik, dialek dan latar belakang pelajaran, semua memainkan peranan yang tertentu. Dan satu penghalang yang paling utama ialah setakat ini belum muncul lagi seorang pemimpin Cina yang berkaliber, yang benar-benar dihormati dan disanjung tinggi oleh komuniti Cina seluruhnya. Kini wujud terlalu ramai pemimpin *segmental* dalam komuniti Cina, yang masing-masing menganggap dirinya yang paling layak memimpin orang Cina.

Dengan kejayaan yang dicapainya dalam pilihanraya kali ini, MCA boleh dikatakan sudah melangkah ke depan sedikit dan memasuki satu era baru dalam perjuangan politiknya. Ini cuma satu permulaan. Nampaknya para pengundi Cina telah menunjukkan kepercayaan mereka terhadap parti itu. Terpulanglah kepada para pemimpin MCA untuk mengotakan janji-janji yang dibuat semasa kempen pilihanraya, dan mengekalkan atau memperbaiki kedudukan yang ada sekarang.

6. **Pergolakan dalam MCA** **Membimbangkan Masyarakat Cina**

Dr. Ting Chew Peh

Di bawah sistem demokrasi, bertanding untuk merebut sesuatu jawatan dalam sesebuah parti politik merupakan fenomena yang lazim. Masalahnya ialah selepas pertandingan yang hebat, kedua-dua pihak mungkin terbawa-bawa oleh emosi dan meneruskan permusuhan mereka sehingga timbul perpecahan dalam parti yang berkenaan.

Dalam sejarah perkembangannya, MCA telah beberapa kali menghadapi perpecahan selepas pilihanraya parti.

Perpecahan yang pertama boleh disusurgalurkan daripada pilihanraya parti itu dalam tahun 1958, bila golongan "Kaum Muda" yang diketuai oleh Dr. Lim Chong Eu mengalahkan Tan Cheng Lock, Presiden MCA yang memegang jawatan itu sejak parti itu ditubuhkan dalam tahun 1949.

Sebaik sahaja mengambil alih pucuk pimpinan MCA, Dr. Lim Chong Eu cuba membawa beberapa perubahan kepada MCA, termasuk corak hubungan parti itu dengan Perikatan. Malangnya hubungan Dr. Lim dengan Presiden UMNO ketika itu, Tunku Abdul Rahman Putra, tidak begitu erat. Menjelang pilihanraya umum 1959, tuntutan MCA untuk diperuntukkan sebanyak kira-kira 40 kerusi tidak dilayan oleh Perikatan. Permintaan MCA untuk menentukan calonnya sendiri dalam pilihanraya umum juga tidak dipersetujui oleh Perikatan.

Perkara-perkara tersebut, ditambah pula dengan perselisihan MCA dan perikatan dalam isu pelajaran, telah menghampakan Lim Chong Eu dan rakan-rakannya. Ramai tokoh meletakkan jawatan, di antaranya termasuk Yong Pung How, Too Joon Hing, Chin See Yin, Ng Ek Teong dan Quek Kai Dong.

Kesan daripada pergolakan dalam parti secara langsung telah melemahkan parti itu, dan ini amat nyata dicerminkan dalam keputusan pilihanraya umum 1959. Di kalangan 31 orang calon MCA, cuma 19 yang menang, dan kebanyakan mereka menang kerana undi Melayu.

Dalam permulaan tahun-tahun 1970an MCA sekali lagi ditimpa pergolakan — kali ini disebabkan oleh pergerakan reformasi. Dalam pergerakan itu, kedudukan beberapa tokoh lama diancam oleh golongan "Young Turk". Akhirnya, sebelum Perhimpunan Agung Parti diadakan, Tan Siew Sin selaku Presiden MCA mengambil tindakan memecat tokoh-tokoh yang disyaki terlibat secara aktif dalam pergerakan reformasi. Tokoh-tokoh yang dipecat termasuk Paul Leong, Lim Kheng Yaik, Tan Tiong Hong, Alex Lee, Teh Siew Eng dan Yong Su Hian.

Dalam pilihanraya MCA 1979, Datuk Michael Chen mencabar Datuk Lee San Choon dalam pertandingan merebut jawatan Presiden MCA. MCA sekali lagi menghadapi kegoncangan yang hebat. Kegagalan Michael Chen akhirnya mendorong beliau dan penyokong-penyokongnya meninggalkan MCA dan menyertai GERAKAN, sekali lagi melemahkan MCA.

Kini, selepas kira-kira 35 tahun penubuhannya, MCA mungkin sekali lagi menghadapi pergolakan dan perpecahan yang serius.

Kenyataan akhbar yang dikeluarkan oleh pemimpin-pemimpin MCA serta tanda-tanda lain menunjukkan dalam pilihanraya MCA bulan Julai ini, mungkin akan berlaku pertandingan yang hebat untuk merebut jawatan parti, khasnya jawatan Presiden dan Timbalan Presiden.

Meskipun pilihanraya parti belum lagi bermula, kenyataan-kenyataan akhbar yang tuduh-menuduh menunjukkan wujudnya dua puak yang utama, satu diketuai oleh Datuk Neo Yeo Pan, dan satu lagi dipimpin oleh Tan Koon Swan. Neo Yee Pan adalah Pemangku Presiden Kebangsaan MCA yang mengambil alih pucuk pimpinan parti itu sejak Mei lalu apabila Datuk Lee San Choon meletakkan jawatannya. Tan Koon Swan adalah salah seorang Naib Presiden dan Pengerusi MCA Wilayah Persekutuan.

Kedua-dua tokoh itu nampaknya mempunyai penyokong masing-masing dalam Jawatankuasa Pusat. Pemimpin-pemimpin yang dianggap tergolong dalam puak Neo termasuklah

Pemangku Timbalan Presiden Datuk Mak Hon Kam, Menteri Pengangkutan, Tan Sri Chong Hon Nyan, Menteri Kesihatan Datuk Chin Hong Ngian, dan Pengerusi MCA Pulau Pinang Lim Kean Siew.

Di antara penyokong-penyokong Tan Koon Swan termasuklah Ketua Pemuda MCA Datuk Lee Kim Sai, Timbalan Menteri Kewangan Datuk Ling Liong Sik, Naib Presiden MCA Datuk Chan Siang Sun, ahli Jawatankuasa Pusat Wong Mook Leong dan Chan Teck Chan.

Masyarakat Cina, termasuk ramai ahli MCA, bimbang pertempuran kedua-dua puak nanti akan akhirnya memecah-belahkan parti itu, seperti yang telah beberapa kali berlaku dalam pemilihan parti masa lalu. Tidak ada jaminan bahawa pihak yang menang itu tidak akan mengenyepikan pihak yang kalah, dan mengasingkan mereka daripada jawatan parti yang penting. Ada juga kemungkinan pihak yang kalah itu terlalu hampa sehingga berasa tidak bererti lagi tinggal dalam parti.

Pada hakikatnya penyokong-penyokong Tan Koon Swan menuduh bahawa strategi memencilkan dan mengasingkan mereka sudah bermula sejak Datuk Neo mengambil alih pucuk pimpinan parti dalam Mei lalu. Menurut penyokong-penyokong Tan, tokoh-tokoh utama dalam puak Tan, seperti Lee Kim Sai, Kee Yong Wee, Wong Mook Leong dan Tan sendiri semuanya tidak ditawarkan jawatan penting dalam kelapan-lapan jawatankuasa kecil parti yang ditubuhkan oleh Datuk Neo sejak beliau memegang jawatan Pemangku Presiden.

Strategi pemencilan demikian, menurut setengah pemerhati politik, meskipun berkesan mengukuhkan kedudukan puak Neo dalam parti, tetapi ia juga berfungsi melemahkan seluruh parti, kerana tokoh-tokoh yang tidak ditawarkan jawatan itu merupakan tokoh yang telah terbukti kebolehan dan keberkesanan mereka di bawah pucuk pimpinan Datuk Lee San Choon. Memencilkan mereka adalah satu kerugian bagi parti.

Dalam kempen tuduh-menuduh, puak Tan juga "membentangkan" beberapa kelemahan Datuk Neo sebagai pemimpin MCA.

Pertama, kata puak Tan, Datuk Neo terlalu asyik dengan merebut kuasa peribadi, sehingga beliau selama ini tidak mengemukakan apa-apa teori dan rancangan yang meyakinkan tentang isu politik, ekonomi dan kebudayaan. Ucapannya tidak berisi dan berulang-ulang — tetap berkisar di sekitar persoalan yang lama, seperti menyeru kaum Cina bersatu padu, jangan bersikap dingin terhadap politik dan sebagainya.

Kedua, sejak Datuk Neo mengambil alih jawatan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan daripada Datuk Michael Chen dalam tahun 1979, tiada rancangan yang menyeluruh untuk menyelesaikan masalah-masalah yang dihadapi oleh penduduk-penduduk Kampung baru Cina.

Ketiga, kekalahan calon MCA dalam pilihanraya kecil Raub dan Seremban juga dijadikan satu persoalan. Sebagai Pemangku Presiden MCA, Datuk Neo dituduh tidak mengatur strategi secara bersungguh-sungguh untuk menghadapi kedua-dua pilihanraya kecilnya. Beliau perlu memikul sebahagian besar tanggungjawab dalam kekalahan tersebut.

Selain daripada itu, Datuk Neo juga dituduh tidak mengambil berat terhadap beberapa persoalan yang mengganggu fikiran kaum Cina, seperti isu Kebudayaan Nasional, isu berhubung dengan pengeluaran kebenaran untuk Tarian Singa, Papan Tanda Perniagaan, dan pembatasan semula kawasan pilihanraya. Malah dalam krisis pindaan Perlembagaan, Datuk Neo dituduh tidak bersikap tegas dan tidak memberi apa-apa sumbangan yang konkrit untuk menyelesaikan krisis itu.

Sementara itu, penyokong-penyokong Datuk Neo juga tidak ketinggalan dalam menyerang Tan Koon Swan.

Lim Kean Siew, Pengerusi MCA Pulau Pinang dan penyokong kuat Datuk Neo, merupakan tokoh yang pertama menyerang Tan Koon Swan secara terbuka. Dalam satu kenyataan akhbar, beliau mensifatkan Tan Koon Swan sebagai "light-weight" dalam arena politik dan tidak layak melawan Datuk Neo untuk merebut jawatan Presiden MCA. Tan juga disifatkan sebagai orang yang tidak mempunyai ideologi politik yang istimewa. Menurut Lim Kean Siew lagi, Tan Koon Swan ingin

meletakkan jawatannya dalam *Multi-Purpose Holdings Berhad* kerana dia mahu melarikan diri ketika Syarikat itu sedang menghadapi pelbagai masalah dan merosot prestasinya.

Penyokong-penyokong Dr. Neo juga mempergunakan dan mengheboh-hebohkan masalah yang dihadapi oleh Tan Koon Swan dalam perkahwinannya (Tan sudah memohon kepada mahkamah untuk menceraikan isterinya) dengan tujuan untuk menjejaskan imejnya. Isteri Tan yang ingin diceraikan adalah seorang cacat dan hakikat ini sedikit sebanyak menarik simpati daripada orang ramai. Dengan menghebohkan perkahwinannya, lawan Tan Koon Swan berharap dapat menjejaskan kedudukannya sebagai pemimpin masyarakat Cina.

Tan Koon Swan adalah tokoh yang amat berjaya dan terkemuka dalam bidang ekonomi dan pernah digelar oleh orang-orang Cina sebagai "Tao Chu Kung Moden" (tokoh perniagaan yang paling terkemuka dalam sejarah negeri China). Beliau merupakan pengasas utama *Multi-Purpose Holdings Berhad* (MPHB), yang menjadi satu pendorong kepada orang-orang Cina menceburkan diri dalam perniagaan moden. Barangkali kerana terlalu berjaya dalam bidang ekonomi dan politik, maka kejayaan itu dijadikan satu isu politik oleh lawan politiknya. Datuk Neo serta pengikut-pengikutnya menegaskan bahawa kegiatan ekonomi perlu dipisahkan daripada kegiatan politik. Kedua-duanya tidak boleh dicampuradukkan.

Kini, dua perkara menjadi fokus perselisihan pemimpin-pemimpin MCA. Pertama ialah isu anggota palsu. Kedua berhubung dengan sistem mengundi dalam parti.

Isu keanggotaan palsu mula-mula dibongkarkan oleh sebuah akhbar tempatan Cina, *Ta Chung Pao* (Berita Awam). Menurut akhbar itu, nama anggota-anggota palsu diambil daripada senarai pemilih, Rukun Tetangga dan persatuan dialek Cina. Kegiatan 'mencipta' atau mewujudkan anggota palsu begitu berleluasa sehingga nombor kad pengenalan orang-orang India dan Melayu juga digunakan. Nombor-nombor kad pengenalan itu kemudian diberikan nama-nama Cina palsu. Kegiatan mencipta anggota palsu dipercayai bermula dari MCA Bahagian Petaling, kemudian merebak ke negeri-

negeri yang lain. Jumlah anggota-anggota palsu tidak dapat dipastikan. Ada pihak yang mendakwa jumlahnya dalam lingkungan 30,000 – 40,000, manakala ada pula pihak yang lain berpendapat jumlahnya jauh lebih besar daripada 40,000.

Dari segi perwakilan, implikasi dan kesan anggota-anggota palsu cukup besar. Cuma seorang wakil sahaja dipilih daripada tiap-tiap 100 anggota untuk menyertai Perhimpunan Agung Parti. 40,000 anggota bererti 400 wakil, dan sesiapa yang mendapat sokongan kumpulan wakil ini pasti akan mempunyai kelebihan besar dalam pertandingan.

Isu anggota palsu menjadi satu persoalan yang hangat di kalangan ahli-ahli MCA.

Beberapa tokoh, terutama sekali Datuk Lee Kim Sai dan Dr. Ling Liong Sik telah mendesak Datuk Neo untuk menyiasatnya. Datuk Lee Kim Sai mensifatkan isu itu bukan saja “memalukan” MCA tetapi juga menjejaskan perwakilan politik kaum Cina. Kedua-dua tokoh tersebut juga mendesak supaya ibu pejabat MCA mengeluarkan senarai penuh keahlian MCA demi menyelesaikan masalah anggota palsu. Mula-mula ibu-pejabat MCA berjanji senarai penuh keahlian MCA akan dikeluarkan pada penghujung bulan Februari. Berita terakhir menyatakan senarai itu cuma boleh siap pada 15 Mac ini, disebabkan oleh apa yang disifatkan oleh Dr. Neo sebagai “masalah-masalah teknik”.

Isu anggota palsu nampaknya belum selesai. Datuk Lee Kim Sai dan Dr. Ling Liong Sik telah pun menyatakan bantahan mereka dengan keluar dari mesyuarat Jawatankuasa Pemandu Parti baru-baru ini. Dr. Ng Khek Kiung, Setiausaha MCA Bahagian Petaling telah dipecat dari parti. Beliau dipercayai tergolong dalam puak Tan Koon Swan dan mempunyai maklumat dan bukti tentang tokoh-tokoh yang bertanggungjawab dalam perbuatan anggota palsu.

Pada pihak yang lain, Datuk Neo dan Datuk Mak Hon Kam telah berjanji MCA akan menyiasat isu anggota palsu dan tindakan akan diambil terhadap pihak-pihak yang bertanggungjawab. Datuk Mak juga memberi amaran, sebagai Pengerusi

Jawatankuasa Disiplin Parti, beliau tidak akan teragak-agak mengambil tindakan disiplin terhadap ahli-ahli MCA sekiranya perbuatan mereka menjejaskan imej parti atau bertentangan dengan kehendak parti. Amaran ini, menurut tafsiran setengah pemerhati politik, dituju kepada penyokong-penyokong Tan Koon Swan, khususnya Datuk Lee Kim Sai dan Dr. Ling Liong Sik kerana tindakan mereka keluar dari mesyuarat Jawatankuasa Pemandu dan kenyataan-kenyataan akhbar mereka.

Sistem mengundi juga menjadi isu yang dipertikaikan oleh kedua-dua puak. Puak Neo ingin mengekalkan sistem mengundi seperti yang diamalkan dalam tahun 1979. Menurut sistem ini, semua wakil diberikan kertas undi pada waktu yang sama. Kemudian mereka dibenarkan duduk di tempat masing-masing atau pergi ke tempat khas untuk memilih calonnya.

Menurut penyokong-penyokong Tan Koon Swan, sistem demikian kurang sempurna — pemilihan tidak menjadi rahsia lagi sekiranya para wakil duduk sebelah menyebelah untuk memilih calon mereka. Mereka mencadangkan supaya pengundian dibuat mengikut giliran, misalnya tiap-tiap kali 50 wakil diberikan kertas undi. Mereka perlu meninggalkan Dewan Perhimpunan sebaik sahaja membuang undi.

Kedua-dua sistem ada kelebihan serta kelemahannya. Sistem lama menjimatkan masa tetapi terdedah kepada "*malpractice*". Sistem yang dicadangkan oleh penyokong-penyokong Tan Koon Swan adalah lebih sempurna dan demokratik sekiranya para wakil diperlukan menandakan kertas undi masing-masing di tempat yang dikhaskan — bukan di tempat duduk. Tetapi ternyata sistem ini mengambil masa yang lebih panjang.

Sistem mengundi baru ini tidak diterima oleh Jawatankuasa Pemandu. Dengan itu sistem lama akan diamalkan.

Demikian keadaannya dalam MCA sekarang. Kedua-dua puak tegur-menegur, tuduh-menuduh, dan serang-menyerang. Masing-masing mempunyai hujah dan alasannya. Nampaknya tiada pihak juga ingin bertolak ansur, dan pertandingan hebat

tidak dapat dielakkan.

Keadaan inilah yang membimbangkan ahli-ahli MCA khususnya dan masyarakat Cina umumnya. Mereka takut pertandingan hebat akan mengulangi sejarah MCA pada tahun 1979. Akibatnya, MCA berpecah belah. Oleh yang demikian, mereka lebih suka melihat pemimpin-pemimpin MCA mencari jalan penyelesaian untuk mengelakkan sebarang pertengkaran nanti.

Ada pula golongan Cina yang meragukan kejujuran sebilangan pemimpin MCA, di samping berasa bimbang terhadap keadaan berpecah belah dalam masyarakat Cina. Golongan ini berpendapat pemimpin-pemimpin MCA lebih mengutamakan, dan asyik dengan perebutan kuasa peribadi sehingga menjadikan tujuan asal penubuhan parti itu, iaitu pemeliharaan hak dan kepentingan kaum Cina, sesuatu yang *secondary*. Timbul juga keraguan di kalangan orang-orang Cina, sama ada pemimpin MCA itu berpolitik untuk kebajikan kaum Cina atau semata-mata demi kepentingan diri sendiri.

MCA, kata golongan tersebut, berkali-kali menyeru supaya orang Cina bersatu padu demi kebaikan bangsa dan negara. Malangnya MCA sendiri tidak menunjukkan teladan. MCA sendiri berpecah belah sehingga ada kalanya keutuhan parti pun terancam. Bagaimana pula dapat MCA menyatupadukan orang-orang Cina secara berkesan?

Pertandingan antara Datuk Neo dan Tan Koon Swan, sekiranya tidak dapat dielakkan, tentu sekali amat hebat. Sukar bagi kita meramalkan siapa akan muncul sebagai pemenang. Banyak faktor menentukan kemenangan seseorang calon. Kebolehan, populariti, sokongan sebenar, kematangan para wakil dan suasana pada masa mengundi semua boleh memainkan peranan.

Tan Koon Swan ternyata dapat mengatasi Datuk Neo dari segi popularitinya. Tetapi populariti semata-mata tidak memadai untuk mencapai kemenangan. Apa yang lebih penting dan menentukan ialah kekuatan dan sokongan sebenar. Perkara ini sukar dipastikan ketika ini. Walau bagaimanapun, beberapa perkara adalah jelas. Pertama, Datuk Neo mempunyai kelebihan

sebagai seorang "incumbent", iaitu beliau menguasai jentera pentadbiran parti. Sebagai "incumbent" beliau juga melantik kesemua setiausaha kerja Bahagian — jumlahnya kira-kira 135 orang, yang berhak dalam pemilihan nanti.

Di samping itu, Datuk Neo juga menguasai Jawatankuasa Disiplin Parti, yang dipengerusikan oleh Datuk Mak Hon Kam. Pada saat-saat terakhir menjelang Perhimpunan Agung Parti, tidak ada jaminan jawatankuasa itu tidak menyalahgunakan kuasanya dengan memecat penyokong-penyokong Tan Koon Swan demi melemahkan sokongannya. Kejadian demikian pernah berlaku dalam sejarah MCA.

Memandangkan hakikat di atas, maka tidaklah keterlaluan sekiranya dikatakan Tan Koon Swan akan menghadapi rintangan yang besar dalam usahanya merebut jawatan Presiden MCA.

Utusan Malaysia 7hb Mac, 1984

7. Perhimpunan Agung MCA ke-32

Goh Teck

Anggota-anggota Jawatankuasa Pusat MCA telah membuat keputusan sebulat suara bahawa Perhimpunan Agung MCA-32 yang biasanya dilangsungkan dalam bulan September itu dibawa ke depan tiga bulan iaitu pada 2 dan 3 Jun supaya dapat menyelaraskan perkembangan kedudukan politik negara ini. Oleh itu semua MCA cawangan dan bahagian haruslah mengadakan persidangan perwakilan tahunan masing-masing dalam tempoh bulan Mac dan April.

Akan tetapi, secara mendadak, Pemangku Presiden MCA, Datuk Dr. Neo Yee Pan mengumumkan bahawa Perhimpunan Agung MCA-32 akan ditunda pada 7, 8 Julai, manakala persidangan perwakilan bagi semua cawangan dan bahagian MCA akan ditunda pula, iaitu masing-masing mulai 24 Mac hingga 21 April dan 22 April hingga 20 Mei. Bagaimanapun, pengumuman tersebut akan dibawa ke Mesyuarat Jawatankuasa Pusat MCA untuk dipersetujui.

Menurut para pemerhati politik, keadaan kelam-kabut dalam menentukan tarikh Perhimpunan Agung MCA yang akan datang ini adalah disebabkan oleh ketidaksempurnaan dalam pentadbiran dan penyelarasan sehingga senarai ahli-ahli MCA tidak dapat disediakan dan memang ada sebab-musabab yang tertentu.

Menurut para pemerhati politik lagi, memang akan berlaku perlumbaan dalam merebut kerusi penting – Presiden, Timbalan Presiden dan empat Naib Presiden dalam Perhimpunan Agung MCA-32 yang akan datang ini kerana terdapat ketidakutuhan pucuk pimpinan MCA dalam memperjuangkan dasar-dasar Parti MCA. Maka timbulnya desakan anggota-anggota MCA dari seluruh ceruk rantau yang begitu gigih dan berkehendakkan suatu perubahan pucuk pemimpin MCA supaya boleh memper-tahankan dasar perjuangan Parti MCA yang rasional itu demi kestabilan Parti Komponen Barisan Nasional.

Ini adalah kerana Perletakan jawatan Presiden MCA Malaysia oleh Datuk Lee San Choon (ketika itu sebagai Menteri Pengangkutan) mulai bulan April, 1982, secara automatik menaikkan Datuk Dr. Neo Yee Pan, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan sebagai Pemangku Presiden MCA Malaysia. Begitu juga halnya Datuk Mak Hon Kam, Menteri Buruh dengan senangnya dijadikan Pemangku Timbalan Presiden berdasarkan citarasa dan kehendak Pemangku Presiden MCA tanpa sebarang pertandingan.

Oleh yang demikian, perantikan Pemangku Timbalan Presiden telah menimbulkan perasaan tidak senang hati di kalangan sebilangan besar anggota-anggota MCA dari seluruh negeri kerana kesedaran politik mereka telah dipertingkatkan. Mereka beranggapan bahawa mereka mahukan pemimpin MCA yang berkaliber, bercitarasa dan mengamalkan prinsip "pimpinan berkumpulan" dalam Parti MCA yang boleh memainkan peranan yang lebih bermakna dan berkesan demi kepentingan rakyat, bangsa dan negara. Walau bagaimanapun, mandat pucuk pimpinan MCA telah diberikan kepada Pemangku Presiden dan Pemangku Timbalan Presiden MCA dan dalam tempoh pelaksanaan tugas mereka hampir setahun itu, ada yang berpendapat bahawa mereka tidak mempergunakannya dengan sebaik-baiknya sehingga martabat dan image Parti MCA semakin hari semakin merosot.

Menurut perkembangan laporan akhbar-akhbar tempatan terutama akhbar-akhbar Cina telah menunjukkan bahawa pucuk pimpinan Parti MCA yang baharu itu tidak mengambil inisiatif untuk mengumpulkan segala tenaga dan kebijaksanaan serta kearifan fikiran anggota-anggota MCA untuk melaksanakan perjuangan "pimpinan berkumpulan" dalam parti, sebaliknya memulaikan pemimpin-pemimpin yang berkaliber dalam menggembelikan tenaga dan fikiran yang waras demi kepentingan perjuangan dasar-dasar Parti MCA. Justeru kerana itu, ada pemimpin MCA bahagian dan negeri ataupun ahli-ahli Jawatankuasa Pusat berasa tidak puas hati dan terasa tersisih dek tindakan tersebut. Mereka berpendapat bahawa pucuk pimpinan MCA itu telah terkeluar dari landasan-landasan

Parti MCA sehingga teretusnya polimek di akhbar-akhbar tempatan dan masing-masing menjelaskan kedudukan dalam pucuk pimpinan MCA untuk mempertahankan *status quo* mereka.

Setiausaha Agung MCA, Tan Sri Chong Hon Nyan merupakan tokoh politik MCA yang pertama membuat kenyataan bahawa kemungkinan beliau akan meletakkan jawatan kerana usianya. Beliau pernah berkata, penyertaannya dalam bidang politik sudah melebihi 30 tahun dan rambutnya sekarang pun sudah berubah menjadi dua warna. Beliau berasa peluangnya patutlah diberikan kepada pemimpin muda yang berkaliber.

“Walau bagaimanapun, tunggulah. Saya masih mempunyai masa untuk berfikir panjang kerana hari penamaan calon untuk Perhimpunan Agung MCA-32 yang akan datang itu masih jauh lagi”, tambah beliau.

Menurut beliau lagi, apa yang penting sekarang ialah penggabungan tenaga pemimpin muda yang berkaliber dan pemimpin-pemimpin yang berpengalaman supaya dapat menyatupadukan anggota-anggota MCA dan bukan memecah-belahkan mereka.

“Seseorang pemimpin tidak boleh menilai kebolehannya dalam cermin. Oleh itu, pemimpin yang bertanggungjawab akan menggabungkan tenaga dan merancang sesuatu untuk ahli-ahli dalam dua tahun akan datang dan bukan untuk menjatuhkan seseorang”, tegas beliau lagi.

Dengan secara langsung ulasan Tan Sri Chong merupakan tamparan yang hebat terhadap pucuk pimpinan Parti MCA yang kini tidak disenangi oleh segolongan anggota-anggota MCA yang ingin mendesak kewibawaan kuasa dalam Parti MCA supaya dapat mengubahsuaikan kedudukan parti yang tidak stabil dan keadaan yang kucar-kacir dalam partinya itu sendiri. Lantaran itu, penyokong-penyoiong Parti MCA yang kuat itu ingin melihat partinya menuju ke arah yang lebih cerah lagi kukuh. Maka ada ura-ura menyatakan bahawa desakan-

desakan ini akan mencetuskan pucuk pimpinan baharu yang lebih berkaliber untuk mengendalikan Parti MCA supaya tiada penyelewengan dasar-dasarnya dan dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan lagi.

Menurut khabar dari Parti MCA, pertarungan antara Datuk Dr. Neo Yee Pan dengan Encik Tan Koon Swan memang tidak dapat dielakkan dalam Perhimpunan Agung MCA-32. Dalam hubungan perlumbaan rebutan kerusi penting ini dinyatakan bahawa Ketua Pergerakan Pemuda MCA Malaysia Datuk Lee Kim Sai diangkat sebagai Naib Presiden berdasarkan kedudukannya dalam Parti MCA yang merangkap Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri telah bergabung dengan Encik Tan Koon Swan, Naib Presiden MCA yang juga pengerusi eksekutif dan pengarah urusan (operasi) Multi Purpose Holdings Berhad.

Menurut pemerhati politik, perlumbaan dalam merebut kerusi penting dalam Parti MCA akan datang ini nescaya akan berlaku lantaran terdapat sebilangan besar ahli-ahli Jawatankuasa Pusat MCA yang berdiri teguh di belakang kumpulan Encik Tan Koon Swan dan Datuk Lee Kim Sai. Ini juga termasuk Datuk Lew Sip Hon sebagai Naib Presiden duta ke Amerika Syarikat, Datuk Chan Siang Sun sebagai Naib Presiden Parti MCA juga merangkap Timbalan Menteri Penerangan dan Datuk Lee Boon Ping bekas Setiausaha Parlimen kepada Kementerian Kesihatan sebagai ahli Jawatankuasa Pusat MCA dan Datuk Dr. Ling Liong Shik, Timbalan Menteri Kewangan sebagai ahli Jawatankuasa Pusat MCA.

Penyokong-penyokong kuat tersebut dikatakan mempunyai banyak pengikutnya dari seluruh ceruk rantau Malaysia, apatah lagi Encik Tan Koon Swan dan Datuk Lee Kim Sai mempunyai martabah dan image yang tinggi dan baik dalam masyarakat Cina khususnya dan negara kita amnya. Siapakah yang merupakan tokoh utama dalam usaha mengembangkan ekonomi Parti MCA – Tan Koon Swan? Bukan setakat itu sahaja, Encik Tan juga mempunyai hubungan rapat dan baik dengan segenap lapisan masyarakat Cina. Kebolehannya dan juga landasan-

landasan pemikirannya memperoleh sokongan-sokongan daripada masyarakat Cina kerana citarasanya secocok dengan kehendak masyarakat Cina. Oleh itu mereka menganggap bahawa Encik Tan merupakan tokoh politik yang sesuai sekali untuk merebut kerusi Presiden MCA Malaysia.

Begitu juga halnya, Datuk Lee Kim Sai merupakan tokoh politik yang berkaliber dan berani membawa isu-isu yang dihadapi oleh masyarakat Cina supaya dapat diselesaikannya. Justeru kerana itu, Datuk Lee bukan sahaja paling kesohor atau terkenal di dalam masyarakat Cina tetapi juga dihormati oleh masyarakat Melayu dan India. Di antara Naib-naib Presiden kini, Datuk Lee Kim Sai merupakan tokoh politik MCA yang pertama dalam membuat kenyataan bahawa beliau akan bertanding untuk merebut salah satu kerusi dalam Perhimpunan Agung MCA-32. Ini adalah kerana Datuk Lee Kim Sai mempunyai pandangan yang waras agar dapat menggembelingkan tenaga masyarakat Cina untuk mencapai perpaduan dan menyelesaikan tugas-tugas parti. Tegasnya, kedudukan Parti MCA tidak akan dipecahbelahkan. Ini memang hasrat Datuk Lee Kim Sai dalam memperkukuhkan perpaduan parti supaya mencapai matlamatnya.

Sifat-sifat Datuk Lee yang suci lagi murni ini supaya dapat mencapai perpaduan parti sungguh-sungguh benar dapat dipuji dan disanjung tinggi oleh masyarakat Cina, apatah lagi sumbangan beliau dalam parti kepada bangsa dan negara. Lantaran itu, beliau memperoleh sokongan penuh daripada rakyat jelata terutamanya anggota-anggota Pergerakan Pemuda MCA. Berdasarkan sumbangan dan usaha yang dicurahkan oleh Datuk Lee kepada Parti MCA, maka anggota-anggota Pemuda MCA inilah yang akan memberikan segala sokongan mutlak kepada beliau untuk merebut kerusi parti dan juga mempertahankan image serta prestasi partinya, kata pemerhati politik.

Menurut pemerhati politik lagi, ketidakutuhan dalam ke pimpinan Datuk Dr. Neo Yee Pan dan Datuk Mak Hon Kam dalam MCA telah jelas kelihatan apabila pilihanraya kecil bagi kawasan Negeri Bukit Kepayang telah kalah di tangan DAP.

Berikutan juga kekalahan di tangan DAP dalam pilihanraya kecil bagi kawasan Negeri Raub dan kawasan Parlimen Seremban. Kegagalan ini memang seharusnya disoal oleh setiap anggota MCA. Kenapa Datuk Dr. Neo dan Datuk Mak tidak berkebolehan untuk mengekalkan kemenangan MCA pada tahun 1982? Kesemua ini telah menunjukkan bahawa begitu lemahnya pimpinan MCA di bawah Datuk Dr. Neo dan Datuk Mak yang mana masing-masing memegang kerusi Pemangku Presiden dan Pemangku Timbalan Presiden MCA Malaysia. Merekalah patut memberikan ganti rugi kepada masyarakat Cina kerana tidak menstabilkan kedudukan MCA dalam Parti Komponen Barisan Nasional, kata pemerhati politik lagi.

Menurut siaran akhbar tempatan, satu sebab lagi yang menunjukkan kelemahan kepimpinan Datuk Dr. Neo Yeo Pan ialah ketika Datuk Samy Vellu dijemput oleh UMNO untuk menjadi penyokong yang kedua terhadap usul pindaan perlembagaan di Parlimen baharu-baharu ini iaitu pada bulan Februari 1984. Sejak merdeka, MCA selalunya dijadikan penyokong yang kedua dan pada kali ini telah berubah sehingga menyebabkan Parti MCA telah hilang maruahnyanya. Tegasnya, Datuk Neo juga telah terlibat dengan kehilangan maruahnyanya sendiri. Ini merupakan suatu tamparan hebat kepada Parti MCA. Kenapa ini sampai terjadi?

Para pemerhati politik berkata, "Kekalahan berturut-turut dalam pilihanraya kecil tersebut adalah disebabkan oleh kepimpinan Datuk Dr. Neo dan Datuk Mak itu tidak disenangi oleh masyarakat Cina. Kerana usaha dan sumbangan yang masyarakat Cina kehendakkan itu tidak kelihatan. Lebih-lebih lagi masyarakat Cina menganggap bahawa kepimpinan mereka berdua tidak dapat menunjukkan keberkesanan dan penyelarasan di bawah pimpinan 2M agar dapat memperkukuhkan semangat perjuangan dalam Parti Komponen Barisan Nasional".

Menurut laporan akhbar Berita Awam (*Ta Chung Pau*), bahawa terdapat ahli-ahli MCA yang bukan dari bangsa Cina sebaliknya adalah orang India dan Melayu. Ini merupakan taktik dari penyokong-penyokong Datuk Neo supaya dapat

memperolehi lebih banyak pengundian di dalam Perhimpunan Agung MCA-32. Adanya dakwaan ahli palsu ini tentulah menimbulkan tandatanya di hati ahli-ahli MCA.

Menurut para pemerhati politik, kenyataan-kenyataan benar yang terpampang di dada akhbar menunjukkan bahawa pucuk pimpinan MCA di bawah pimpinan Datuk Lee San Choon bekas Presiden MCA Malaysia, telah menubuhkan beberapa biro yang mustahak demi perkembangan partinya, iaitu Biro Kebudayaan diketuai oleh seorang peguam Encik Ng Cheng Kiat, Biro Pelajaran diketuai oleh seorang peguam lagi Encik Wong Mook Leong, Biro Perkhidmatan Awam diketuai oleh Senator Kee Yong Wee dan Pusat Latihan Kader diketuai oleh Datuk Lee Kim Sai. Akan tetapi, apabila tibanya masa di bawah pimpinan Datuk Dr. Neo Yee Pan sebagai Pemangku Presiden sekarang, maka beliau telah pun memberhentikan perkhidmatan ketua-ketua biro tersebut. Lantaran itu timbullah ketidaksenangan hati yang kebanyakannya terdiri daripada anggota-anggota Jawatankuasa Pusat MCA, kata pemerhati politik lagi.

Bagaimana dan mengapa berlakunya polimek di antara pucuk pimpinan Parti MCA dan ahli-ahli MCA? Polimek ter-cetus kerana Datuk Mak Hon Kam yang pertama dalam membuat kenyataan di akhbar tempatan lalu menafikan bahawa di bawah pimpinan Datuk Dr. Neo Yee Pan tidak merampas kesempatan Encik Tan Koon Swan dan Datuk Lee Kim Sai untuk memainkan peranan yang bermakna. Datuk Mak menambah lagi, Datuk Lee Kim Sai adalah diperkenalkan oleh Datuk Dr. Neo Yee Pan kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir bin Mohamad supaya dapat memegang jawatan Timbalan Menteri, tambahan pula Encik Tan Koon Swan juga diberikan jawatan penting untuk mengelolakan Multi-Purpose Holdings Berhad yang merupakan salah satu dalam 10 projek MCA.

Dengan kenyataan Datuk Mak Hon Kam dalam akhbar itu telah membangkitkan perasaan marah di dalam masyarakat Cina termasuk anggota-anggota Pergerakan Pemuda MCA.

Mereka beranggapan bahawa kenyataan tersebut adalah tidak adil terhadap kedudukan pucuk pimpinan MCA – Encik Tan Koon Swan dan Datuk Lee Kim Sai masing-masing sebagai Naib Presiden MCA, kata pemerhati politik. Berikutnya pula terdapat kenyataan dibuat oleh Encik Lim Kean Siew, Ketua MCA Pulau Pinang menuduh Encik Tan Koon Swan dan Datuk Lee Kim Sai adalah peserta "*Light-Weight*" dalam bertanding dengan Datuk Dr. Neo dan sebaliknya menganggap dirinya yang layak. Kenyataan ini juga telah menyinggung perasaan masyarakat Cina terutamanya ahli-ahli MCA menganggap Encik Lim bersifat berani untuk mengangkuh-angkuhkan dirinya sendiri.

Polimek timbul juga dari Encik Chan Teck Chan, ahli Jawatankuasa Pusat MCA yang mendesak pucuk pimpinan Parti MCA mengambil tindakan disiplin terhadap Encik Lim Kean Siew kerana tuduhannya terhadap Encik Tan Koon Swan berkaitan dengan MPH. Lantaran Datuk Oon Seng Lee dan Encik Ngau Boon Min dari MPH juga telah membuat kenyataan dan mengambil tindakan undang-undang terhadap Encik Lim Kean Siew iaitu berjaya untuk mendapatkan Perintah Mahkamah untuk menahan tuduhannya yang palsu itu kerana ianya akan menyekat perkembangan ekonomi MPH.

Ekoran daripada polimek itu, Encik Chin Hon Ngian, Menteri Kesihatan juga turut serta dalam membuat kenyataan untuk menyokong Datuk Dr. Neo dan Datuk Mak, lalu menegaskan bahawa Encik Wong Mook Leong dan Datuk Lee Kim Sai masih tetap lagi diberikan tugas-tugas yang penting dan dilantik untuk mengelolakan projek-projek yang sama iaitu Pusat Latihan Kader dan Biro Pelajaran. Ini telah membuktikan bahawa Datuk Dr. Neo tidak memulaukan mereka.

Akan tetapi, pada hari yang berikutnya, Encik Wong Mook Leong mengatakan bahawa sebenarnya tuduhan Chin Hon Ngian itu tidak benar. Beliau beranggapan bahawa beliau mempunyai tanggungjawab untuk menjelaskan kedudukan perkara yang sebenarnya. "Saya haruslah membuat penjelasan, Datuk

Dr. Neo Yee Pan tidak melantik saya untuk memegang sebarang jawatan dalam mesyuarat ahli-ahli Jawatankuasa Pusat MCA pada 8hb. Mei, 1983 tuduhan Datuk Chin Hon Ngian itu tidak betul", kata beliau lagi.

Datuk Lee Kim Sai, Ketua Pergerakan Pemuda MCA Malaysia juga membuat penjelasan bahawa Pusat Latihan Kader dan pelaksanaan kewibawaan kuasa tidak lagi dipegang oleh beliau sendiri. Beliau cuma diarah oleh Pemangku Presiden MCA untuk menjalankan tugas dalam menguruskan kerja-kerja pembinaan bangunan pusat latihan kader sahaja dan seluruh tugas latihan kader telah diambil alih oleh Datuk Loh Fook Yen. Oleh itu, tuduhan ahli Jawatankuasa Pusat MCA, Datuk Chin Hon Ngian yang mengatakan bahawa pusat latihan kader itu adalah di bawah pengendalian beliau, keputusan itu sebenarnya adalah bercanggah dengan kebenaran.

Datuk Lee menegaskan bahawa dirinya sebagai Ketua Pergerakan Pemuda MCA memegang jawatan Timbalan Menteri adalah berteraskan kebolehan dalam pengurusan kerjanya dan sumbangannya kepada parti, tidak seharusnya dianggap sebagai "memberi pertimbangan" dan "menaikkan pangkat" malahan dianggap orang diperkenalkan itu harus membalas budi adalah pandangan yang tidak betul. "Saya berasa bangga kerana dilantik oleh bekas Presiden MCA Datuk Lee San Choon untuk menjalankan tugas pusat latihan kader dan saya teringat juga oleh kerana kebetulan saya sebagai Ketua Pemuda MCA Malaysia, maka saya mencadangkan projek pusat latihan kader supaya dimasukkan dalam 10 projek MCA dan dipersetujui oleh Datuk Lee San Choon lalu dilantik sebagai Ketua Pusat Latihan Kader".

"Sejak 9hb. November, 1981 hingga 7hb. Mac, 1982, suatu kursus pilihanraya jangka waktu pendek telah dijalankan untuk melatih seramai 802 orang kader dan kemenangan parti yang cemerlang dalam pilihanraya 1982 memang merupakan akibat daripada pencapaian partinya pada masa itu. Kami tidak berani menganggap kejayaan itu kepunyaan kami sahaja tetapi kumpulan-kumpulan kader yang terlatih itu telah mem-

berikan tenaga yang kuat dan sumbangan yang besar dalam pilihanraya 1982, maka jasa dan bakti mereka memang tidak boleh dinafikan juga", jelas Datuk Lee lagi.

"Ini mungkin disebabkan oleh ramalan yang dibuat dalam akhbar berdasarkan kenyataan yang benar dan mengulaskan bahawa saya telah ditolak keluar dari pimpinan Pemangku Presiden MCA. Ini yang menyebabkan Datuk Mak Hon Kam dan Datuk Chin Hon Ngian masing-masing sebagai Pemangku Timbalan Presiden dan ahli Jawatankuasa Pusat MCA menunai-kan penerangan mereka. Berdasarkan keadilan bagi diri saya sendiri, saya mempunyai tanggungjawab untuk memberikan penjelasan terhadap penerangan mereka berdua supaya dapat menjamin fakta-fakta atau kenyataan itu difahamkan dengan betul", tegas Datuk Lee lagi.

Polimek berpanjangan lagi, kerana penjelasan Datuk Lee Kim Sai tidak disenangi oleh Datuk Mak Hon Kam lalu menjawab bahawa Datuk Lee tidak seharusnya menggunakan perkataan-perkataan seperti "memberikan pertimbangan" dan "menaikkan pangkat". Katanya lagi, Parti MCA adalah sebuah parti, bukan sebuah pertubuhan perniagaan, perkataan memberi pertimbangan dan menaikkan pangkat tidak harus digunakan.

Berhubungan dengan polimek dan penjelasan mereka dapat dibaca melalui akhbar tempatan. Siapa silap dan siapa benar akan ditentukan oleh para perwakilan Pusat MCA. Perwakilan ini harus berdasarkan anggota-anggota MCA yang benar-benar wujud dan bukan berdasarkan ahli-ahli palsu yang banyak tersebar luas di akhbar tempatan. Oleh itu didesak oleh para penyokong Encik Tan Koon Swan agar Ibu Pejabat MCA harus memberikan senarai ahli-ahli MCA sehingga kini masih tidak dapat diperolehi yang menyebabkan Perhimpunan Agung MCA-32 yang diadakan pada bulan 2hb. dan 3hb. Jun itu akan ditunda pada bulan 7hb. dan 8hb. Julai, 1984.

Jadi, siapakah yang akan bertanding untuk merebut kerusi Presiden dan Timbalan Presiden serta empat Naib Presiden Malaysia? Adakah Datuk Dr. Neo Yee Pan sebagai

Pemangku Presiden MCA akan bertanding untuk merebut kerusi Presiden MCA sepertimana yang telah dilakukan oleh Datuk Michael Chen pada tahun 1979? Begitu juga adakah Datuk Mak Hon Kam sebagai Pemangku Timbalan Presiden MCA akan bertanding pula untuk merebut kerusi Timbalan Presiden sepertimana yang telah dilakukan oleh Datuk Richard Ho pada tahun 1979. Ketika itu Michael Chen dan Richard Ho telah mendapat sokongan kuat daripada penyokong anggota MCA yang berpelajaran Inggeris.

Begitu juga halnya kali ini kumpulan yang terdiri daripada Datuk Dr. Neo dan Datuk Mak adalah dianggap juga mendapat sokongan daripada penyokong-penyokong anggota MCA yang berpelajaran Inggeris. Sekiranya mereka merebut kuasa dalam pucuk pimpinan tersebut, bolehkah mereka mengalami nasib sepertimana yang telah berlaku pada tahun 1979? Inilah terpulang kepada anggota-anggota MCA untuk menentukan keadaan itu! Sama-samalah kita tunggu dan saksikan.

Utusan Malaysia 15hb Mac, 1984.

8. MCA di Persimpangan Jalan

Yahya Ismail

Penyakit, sampar politik nampaknya kian berjangkit dalam Barisan Nasional. Kini 14 orang pemimpin MCA dipecat dari parti atas kudrat dan kuasa dua orang hakim yang direstui oleh Pemangku Presiden MCA sekarang. Kononnya MCA sudah diresapi 'hantu' dan nampaknya isu hantu ini sudah mula mendapat mangsanya.

Empat belas orang yang dipaksa memberi selamat tinggal pada MCA cuba mencabar kekuasaan yang wujud dalam parti mereka dan secara langsung cuba menggantikan kepimpinan parti sekarang melalui proses demokrasi. Rupa-rupanya sebelum isu hantu dalam MCA dibicarakan secara besar-besaran 14 orang penentang Dr. Neo Yee Pan dan rakan-rakannya sudah pun digeser dari parti.

Menurut laporan akhbar hanya dua orang tokoh MCA saja yang menjatuhkan hukum pemecatan 14 orang penentang pimpinan sekarang. Mereka ialah Datuk Mak Hon Kam dan Lim Kean Siew, orang besar yang pernah menjadi pemimpin Front Sosialis dua dekad yang silam. Walaupun 'jawatankuasa' ini hanya mengandungi dua orang namun tentulah mereka sudah seia dan sekata dengan 'big boss' yang cuba memimpin MCA dewasa ini.

Barangkali puak Dr. Neo Yee Pan beranggapan sekiranya tidak dipecat Tan Koon Swan, Datuk Lee Kim Sai dan Dr. Ling yang dianggap sebagai 'three musketeers' yang mengacau maka tentulah perkara hantu dalam parti akan menggugat kewibawaan mereka.

Jadi sebelum Tan Koon Swan dan kawan-kawan yang senasib berjaya untuk memanggil mesyuarat agung tergepar maka lebih baik dipecat terus dari menjadi anggota parti. Sekiranya mereka dipecat dari menjadi anggota, bagaimanakah mereka boleh mendesak diadakan mesyuarat agung tergepar lagi? Dengan perkataan lain, kuorum (*quorum*) sudah kurang dan yang tidak menjadi mangsa pula tidak berselera hendak mencabar pemimpin yang ada.

Soalnya mengapa Dr. Neo dan sahabat-sahabatnya takut menghadapi cabaran dari Tan Koon Swan dan golongannya itu? Inilah barangkali logik yang bermain dalam kepala Dr. Neo dan sahabat-sahabatnya.

Apakah dengan pemecatan Tan Koon Swan yang dianggap mewakili golongan taikun dalam MCA maka imej MCA sebagai 'tauke's club' bisa lenyap begitu saja? Kalangan orang Cina sendiri menganggap MCA sebagai '*Millionaire Chinese Association*'. Malah kewujudannya sebagai sebuah parti politik adalah beasaskan sebagai badan kebajikan yang ingin melanjutkan kegiatan loteri di tanahair ini.

Semua orang tahu Multi-Purpose adalah kepunyaan MCA. Semua orang tahu bahawa Tan Koon Swan adalah salah seorang tokoh jutawan dalam MCA yang berjaya menjadikan Multi-Purpose sebagai salah sebuah syarikat '*conglomerate*' terkemuka di Malaysia. Walaupun setengah tokoh MCA cuba meniadakan hubungan antara parti itu dengan Multi-Purpose namun imej tauke itu tidak dapat dilenyapkan juga. Kini, setelah memberi selamat tinggal pada politik nasional dan MCA. Datuk Lee San Choon dilantik menjadi Pengerusi baru Multi-Purpose!

Barangkali juga Datuk Dr. Neo Yee Pan agak kurang yakin tentang penerimaan sebahagian besar dari ahli-ahli MCA terhadapnya sebagai Presiden baru menggantikan Datuk Lee San Choon. Barangkali beliau dan golongannya menganggap ketokohan dan kekayaan Tan Koon Swan bisa mempengaruhi sebilangan besar dari para wakil ke persidangan tahunan kelak untuk menolak naik Tan Koon Swan sebagai Presiden MCA yang baru. Wang bisa membeli budi dan jasad seseorang hatta kesetiaan juga.

Tidaklah hairan kalau Lim Kean Siew menjadi tokoh penting dalam percaturan politik MCA dewasa ini. Dr. Neo, Datuk Mak, Tan Sri Chong Hon Nyan bukan golongan taikun dalam MCA. Mereka adalah orang profesional yang ingin menghapuskan imej bisnes MCA. Di sinilah barangkali pengalaman dan pandangan Lim Kean Siew amat berguna untuk 'membersihkan' MCA dari pengaruh para taikun dan jutawan.

Buat ketika ini belum tentu kedudukan Dr. Neo Yee Pan lebih stabil setelah pemecatan 14 orang tokoh MCA itu. Reaksi dari ahli-ahli yang menentang kepimpinannya sudah mula kelihatan. Perang urat saraf dari kedua pihak terus berlaku untuk memujuk kesetiaan ahli-ahli MCA menyebelahi golongan masing-masing. Untuk pusingan pertama nampaknya Dr. Neo masih kuat dan sanggup menghadapi gelombang taufan yang melanda MCA itu.

Walaupun 14 orang diberi masa seminggu untuk merayu terhadap pemecatan mereka namun besar kemungkinan mereka tidak ditarik balik ke dalam parti itu sekiranya mereka terus menggugat dan mencabar pemimpin-pemimpin yang ada. Orang seperti Tan Koon Swan, Datuk Lee Kim Sai dan Dr. Ling juga mempunyai maruah dan harga diri. Sekiranya mereka meminta maaf dan sanggup berganding bahu dengan Dr. Neo Yee Pan bermakna imej mereka tetap akan tercemar sebagai pemimpin.

Apakah alternatifnya? Membawa perkara ahli-ahli 'hantu' dan mencabar kepimpinan Dr. Neo ke mahkamah untuk meminta pertimbangan adil dari hakim. Apakah pihak mahkamah bisa menerima aduan dari mereka yang sudah dipecat dari parti untuk menimbang aduan tersebut? Barangkali pakar undang-undang dan peguam sahaja yang boleh memberi tafsiran yang lebih baik tentang hal ini.

Tetapi sekiranya Tan Koon Swan dan kawan-kawannya menubuhkan sebuah parti politik Cina yang baru maka kedudukan MCA akan menjadi lemah. Ia akan mengalami krisis seperti yang pernah tercetus dalam tahun enam puluh dulu bila Dr. Lim Chong Eu keluar dari MCA dan menubuhkan UDP (*United Democratic Party*) kerana isu bahasa kebangsaan dan pelajaran Cina. Krisis MCA sekarang adalah berlainan sifat dan isunya di mana tokoh-tokoh terkemuka dipecat dari parti oleh kerana menentang pemimpin-pemimpin sekarang atas isu 'ahli-ahli hantu' yang kononnya berjumlah berpuluh ribu orang. Dengan perkataan lain, krisis sekarang lebih tertumpu pada '*power struggle*' untuk menguasai pucuk pimpinan MCA dan bukan isu-isu nasional yang dipertikaikan.

Pemecatan beberapa orang anggota kabinet dan wakil rakyat dalam MCA secara tidak langsung memberi '*embarrass-*

ment' kepada Dr. Mahathir, Perdana Menteri. Apakah Dr. Mahathir akan meminta Datuk Lee Kim Sai, Dr. Ling Liong Sik, Tan Koon Swan mengosongkan kerusi masing-masing sebagai Timbalan Menteri dan wakil rakyat tidak dapatlah diduga. Besar kemungkinan Dr. Neo akan meminta PM menggantikan kedua Timbalan Menteri itu dengan orang-orang MCA yang ditunjuk oleh MCA. Tan Koon Swan mungkin menjadi ahli bebas mewakili Damansara buat seketika waktu.

Sungguhpun ada preseden (*precedent*) dalam kabinet di mana seorang anggota kabinet, Datuk Leo Moggie, pernah keluar dari SNAP dan menubuhkan parti Dayak yang baru namun parti yang baru itu diterima pula sebagai anggota baru BN. Dengan perkataan lain, ia masih mempunyai parti sebagai tempat berteduh dan partinya mendapat restu pula dari BN.

Pada hemat saya Datuk Lee Kim Sai dan Dr. Ling Liong Sik akan digugurkan dari kabinet tetapi masih tetap menjadi anggota Parlimen sebagai ahli bebas sehingga habis tempoh perkhidmatan mereka. Besar kemungkinan tidak akan ada pilihanraya kecil kerana pucuk pimpinan MCA sekarang tidak sanggup menimbulkan krisis yang lebih gawat sekiranya mereka bertindak demikian. Kalau 14 ahli yang dipecat ini melompat ke Gerakan maka besar kemungkinan mereka akan diterima oleh parti komponen BN itu. Dalam Gerakan juga terdapat beberapa orang bekas tokoh MCA yang tersingkir. Tetapi pengaruh dan kewibawaan mereka sebagai tokoh politik tidaklah sehebat mereka dalam MCA.

Harian Nasional 24hb Mac, 1984



Datuk Dr. Neo Yee Pan, Pemangku Presiden MCA merangkap Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Beliau mengumumkan Encik Tan Koon Swan disingkirkan daripada jawatan Pengerusi MCA Wilayah Persekutuan dan Datuk Lee Kim Sai daripada jawatan Pengerusi MCA Negeri Selangor kira-kira 10.30 pagi 19 Mac 1984. Kedua-dua jawatan itu masing-masing digantikan oleh Datuk Dr. Tan Tiong Hong dan Datuk Mak Hon Kam.



Datuk Mak Hon Kam, Pemangku Timbalan Presiden merangkap ahli Jawatankuasa Disiplin MCA dan juga Menteri Buruh. Beliau mengumumkan Jawatankuasa Disiplin memecat 14 orang ahli MCA termasuk Encik Tan Koon Swan, Datuk Lee Kim Sai, Datuk Dr. Ling Liong Sik dan Senator Kee Yong Wee iaitu kira-kira 2.30 petang tanggal 19 Mac 1984.



Y.B. Encik Tan Koon Swan, Naib Presiden MCA merangkap Pengerusi Jawatankuasa Perhubungan Wilayah Persekutuan dan ahli Parlimen Damansara telah dipecat dari parti pada 19 Mac 1984.




Y.B. Datuk Lee Kim Sai, Presiden Pergerakan Pemuda MCA Malaysia merangkap Naib Presiden, Pengerusi Jawatankuasa Perhubungan Negeri Selangor, ahli Parlimen Ulu Selangor dan juga sebagai Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri telah dipecat dari parti pada 19 Mac 1984.



Y.B. Datuk Dr. Ling Liong Sik, ahli Jawatankuasa Pusat MCA dan ahli Parlimen Mata Kuching merangkap Timbalan Menteri Kewangan telah dipecat dari parti pada 19 Mac 1984.



Y.B. Senator Kee Yong Wee, ahli Jawatankuasa Pusat MCA dan Timbalan Pengerusi Perhubungan Wilayah Persekutuan telah dipecat dari parti pada 19 Mac 1984.



Encik Wong Mook Leong, seorang peguam telah dilantik sebagai ahli Lembaga Perpaduan Negara sejak tertubuhnya pada 1974 hingga sekarang iaitu kira-kira sepuluh tahun dan kini memegang jawatan Bendahari Barisan Nasional Negeri Selangor. Beliau juga adalah ahli Jawatankuasa Pusat MCA selama 3 penggal tapi telah dipecat dari parti pada 19 Mac 1984.



Encik Ng Cheng Kiat, seorang peguam dan ahli Jawatankuasa Pusat MCA selama 2 penggal telah dipecat dari parti pada 19 Mac 1984.



Encik Chan Teck Chan, ahli Jawatankuasa Pusat MCA dan bekas pembantu khas kepada Presiden MCA telah dipecat dari parti pada 19 Mac 1984.




Encik Wang Choon Wing, Setiausaha Pengelolan MCA Wilayah Persekutuan dan pernah kalah di tangan DAP dalam pilihanraya umum 1982 bagi kawasan Bandar Kuala Lumpur serta kini memegang jawatan Bendahari Barisan Nasional Wilayah Persekutuan. Beliau juga adalah ahli Exco Pergerakan Pemuda MCA Malaysia tapi telah dipecat dari parti pada 19 Mac 1984.



Encik Wong Hock Aun, Setiausaha Pengelolaan Pergerakan Pemuda MCA Negeri Selangor telah dipecat dari parti pada 19 Mac 1984.



Dr. Ng Khek Kiung, Setiausaha MCA Bahagian Petaling telah dipecat dari parti pada 19 Mac 1984.




Encik Chen Tse Yuen, Ketua Biro Politik MCA Bahagian Petaling telah dipecat dari parti pada 19 Mac 1984.



Encik Wong Chew, ahli Jawatankuasa MCA Bahagian Petaling telah dipecat dari parti pada 19 Mac 1984.



Encik Quek Jin Teck, ahli Jawatankuasa MCA Bahagian Damansara telah dipecat dari parti pada 19 Mac 1984.



Encik Lee Kee Fong, Pengerusi MCA Cawangan Batu Gajah telah dipecat dari parti pada 19 Mac 1984.



Datuk Lee Kim Sai mengesahkan bagaimana dapat mengesan ahli-ahli palsu kepada para pemberita dari luar negeri dan dalam negeri pada 20 Mac 1984 setelah dipecat dari parti pada tanggal 19 Mac 1984.

(Dari kanan: Wong Mook Leong, Dr. Ng Khek Kiung, Tan Koon Swan, Chan Teck Chan, Wong Choon Wing dan Ng Peng Hay.)



Petisyen mengenai perhimpunan agung luar biasa daripada 1,499 orang perwakilan diserahkan oleh dua orang peguam profesional kepada Timbalan Setiausaha Agung merangkap Setiausaha Pengelolaan MCA, Datuk Loh Fook Yen pada 23 Mac 1984. (Dari kiri: Kon Yun Hong, Datuk Loh Fook Yen, Peguam Datuk Kok Wee Kiat, Peguam V. Krishnan, Hing Ching Yoke, Ong Ka Ting dan Lim Kui Sang.)



Encik Pang Tong Yong, bekas Setiausaha Kerja MCA memberitahu para pemberita bahawa terdapat *malpractices* yang melahirkan ahli-ahli palsu dalam parti.



14 orang tokoh MCA yang telah dipecat itu, melambai-lambaikan tangan mereka kepada para penyokong setelah perwakilan pusat telah mengembalikan kedudukan mereka yang asal itu.



Tan Sri Chong Hon Nyan, Setiausaha Agung MCA merangkap Menteri Pengangkutan.



Datuk Chin Hon Ngian, seorang peguam dan ahli Jawatankuasa Pusat MCA merangkap Menteri Kesihatan.

9. Bolehkah MCA Menyelesaikan Krisisnya?

Dr. Ting Chew Peh

Nampaknya pergolakan dalam MCA kini sudah memasuki suatu tahap yang baru. Pemangku Presiden MCA Datuk Neo Yee Pan dan Pemangku Timbalan Presiden Datuk Mak Hon Kam telah mempergunakan "senjata" yang paling berkesan dalam MCA, iaitu memecat seramai 14 tokoh parti. Tokoh-tokoh yang dipecat itu termasuk Naib Presiden Tan Koon Swan, Ketua Pemuda Datuk Lee Kim Sai, anggota Jawatankuasa Pusat Dr. Ling Liong Sik, Senator Kee Yong Wee dan Wong Mook Leong.

Pemecatan tersebut memang sudah dijangka oleh Tan Koon Swan dan Datuk Lee Kim Sai, kedua-duanya diberitakan akan bertanding untuk merebut jawatan Presiden dan Timbalan Presiden masing-masing dalam Perhimpunan Agung MCA dalam bulan Julai depan. Tetapi apa yang tidak dijangka ialah tindakan pemecatan itu datangnya begitu awal dan mendadak, tanpa amaran secara rasmi.

Sebenarnya tindakan memecat ahli-ahli bukan sesuatu yang baru dalam sejarah perkembangan MCA. Dalam tahun 1973, Tun Tan Siew Sin telah memecat seramai 158 ahli MCA, termasuk tokoh-tokoh seperti Lim Kheng Yaik, Paul Leong dan Alex Lee, apabila kepimpinannya dalam parti dicabar. Pada tahun 1981, Datuk Lee San Choon memecat seramai 61 ahli MCA, semuanya penyokong Datuk Michael Chen, tokoh yang menentang Datuk Lee dalam pertandingan jawatan Presiden dalam tahun 1979.

Berbanding dengan pemecatan-pemecatan yang lalu, pemecatan kali ini boleh dikatakan paling serius, dalam erti kata tokoh-tokoh yang dipecat itu termasuk dua orang Naib Presiden dan lima orang ahli Jawatankuasa Pusat. Namun tujuan pemecatan itu tetap sama: untuk melumpuhkan golongan pencabar dan seterusnya mengekalkan keadaan *status quo*.

Dengan perkembangan yang terbaru ini, maka konflik di antara puak Tan Koon Swan dengan puak Neo Yee Pan yang dahulunya bercorak terpendam kini meningkat menjadi

ketara dan terbuka. Kedua-dua pihak nampaknya akan berjuang habis-habisan untuk mengalahkan lawannya. Timbul juga persoalan sekarang dari kalangan ahli-ahli MCA khasnya dan masyarakat Cina amnya sama ada krisis yang dihadapi oleh parti itu dapat diselesaikan secara memuaskan.

Tindakan pemecatan kali ini cukup menggemparkan seluruh masyarakat Cina. Pelbagai reaksi menyusuli tindakan itu. Ada yang meragu-ragu sama ada Jawatankuasa Disiplin (yang dilantik oleh Presiden parti dan terdiri daripada seorang pengerusi dan dua orang ahli sahaja) berkuasa memecat ahli-ahli Jawatankuasa Pusat yang dipilih oleh para perwakilan dalam perhimpunan agung.

Ada pula yang merasakan tindakan tersebut terlalu tergesa-gesa, tanpa memberi peluang kepada ahli-ahli yang berkenaan untuk mempertahankan diri, menerangkan kepada Jawatankuasa Disiplin mengapa mereka tidak patut dipecat.

Ada pula pihak yang begitu kecewa dan marah dengan tindakan Datuk Mak Hon Kam (Pengerusi Jawatankuasa Disiplin) sehingga menuduh MCA tidak mematuhi prinsip demokrasi. Ada pula yang mengutuk Datuk Neo dan Datuk Mak sebagai diktator. (*dictator*)

Reaksi daripada pelbagai lapisan masyarakat Cina menunjukkan orang-orang Cina amat mengambil berat terhadap pergolakan dalam MCA. Reaksi yang begitu meluas kali ini juga berkait rapat dengan ketokohan dan pengaruh beberapa orang yang dipecat itu. Tan Koon Swan, Lee Kim Sai, Wong Mook Leong, Kee Yong Wee dan lain-lain merupakan tokoh-tokoh yang telah menunjukkan ketokohan dan kebolehan masing-masing dalam MCA khasnya dan masyarakat Cina amnya. Mereka merupakan beberapa orang pemimpin MCA yang dihormati oleh masyarakat Cina. Ramai orang Cina menaruh harapan besar kepada mereka supaya dapatlah mereka membuat sesuatu untuk membela nasib kaum Cina. Oleh sebab itu memecat golongan ini dari MCA tidak berbeza sangat dengan menghancurkan harapan orang Cina. Tidak hairanlah ramai orang Cina berasa kecewa dan hampa terhadap tindakan Datuk Neo dan Datuk Mak.

Pergolakan dalam MCA kali ini berkait rapat dengan khabar angin puak Tan Koon Swan untuk mencabar pucuk pimpinan yang diketuai oleh Neo Yee Pan. Tan Koon Swan merupakan tokoh yang agak popular dan pengaruh serta sokongannya dalam parti agak meluas. Walaupun Tan Koon Swan belum menyatakan secara terang-terang bahawa beliau dan Datuk Lee Kim Sai akan bertanding merebut jawatan Presiden dan Timbalan Presiden parti, ramai pemerhati politik yakin kedua-duanya akan berbuat demikian. Keyakinan tersebut diperkukuh lagi berikutan dengan perletakan jawatan Tan sebagai pengerusi eksekutif *Multi-Purpose Holdings Berhad*. Perletakan jawatan itu ditafsirkan sebagai usaha Tan untuk menumpukan lebih banyak lagi masa dan tenaga dalam kegiatan politik. Barangkali inilah yang membimbangkan Neo Yee Pan dan penyokong-penyokongnya. Pemecatan adalah satu cara yang paling berkesan untuk melumpuhkan golongan pencabar.

Keanggotaan palsu juga menjadi suatu fokus perselisihan kedua-dua puak. Puak Tan Koon Swan berkali-kali mendesak pucuk pimpinan menyiasat isu tersebut demi menjaga imej dan nama baik parti.

Pihak Neo pula berjanji akan mengadakan penyiasatan dan mengambil tindakan terhadap orang-orang yang bertanggungjawab dalam perbuatan itu. Malangnya tiada sebarang tindakan positif yang diambil untuk menyelesaikan isu tersebut, walaupun Datuk Neo sendiri mengakui masalah anggota palsu telah wujud sejak 20 tahun dahulu.

Rasa tidak puas hati terhadap cara Datuk Neo mengendalikan isu anggota palsu telah mendorong Tan Koon Swan dan 13 orang ahli Jawatankuasa Pusat membuat keputusan mengemukakan petisyen kepada Setiausaha Agung parti pada 17 Mac, 1984 supaya satu perhimpunan agung luar biasa diadakan bagi menyiasat masalah anggota palsu (dua orang ahli menarik diri pada saat yang terakhir). Dua hari kemudian, tindakan memecat mereka diambil. Tidak hairan Datuk Lee Kim Sai mengeluh bahawa tujuan beliau ialah menangkap 'hantu' (anggota palsu) tetapi dalam proses berbuat demikian, dicekik pula oleh 'hantu'.

Sekali imbas, petisyen dan pemecatan merupakan dua

perkara yang berasingan. Kalau satu diikuti dengan yang lain, maka itu cuma satu kebetulan sahaja. Tetapi ada pihak yang tidak bersetuju dengan pandangan demikian. Mereka berpendapat tindakan pemecatan merupakan percubaan yang agak putus asa (*desperate*) untuk mematahkan usaha mengadakan perhimpunan agung.

Nampaknya penafsiran yang kedua itu ada asasnya. Setakat ini, pucuk pimpinan MCA masih kurang jelas sikapnya terhadap permintaan 13 ahli Jawatankuasa Pusat parti untuk mengadakan perhimpunan agung luar biasa. Datuk Mak pernah mengatakan perhimpunan agung luar biasa itu cuma boleh diadakan sekiranya ada sesuatu isu yang penting untuk diselesaikan.

Maksud kenyataan Mak tidak begitu jelas. Ada pihak yang berpendapat bahawa kenyataan ini membawa implikasi seolah-olah anggota palsu bukannya suatu isu yang penting. Sejauh manakah isu anggota palsu merupakan isu yang penting adalah sesuatu yang boleh dipertikaikan. Tetapi memandangkan tuduhan yang begitu serius tentang wujudnya anggota-anggota palsu, maka pucuk pimpinan MCA tentunya tidak dapat menyelesaikan isu itu dengan menutup mata, atau menganggapnya sebagai perkara yang remeh-temeh sahaja. MCA sepatutnya membuat sesuatu yang positif untuk menyelesaikan kontroversi tersebut, misalnya menubuhkan satu jawatankuasa penyiasatan yang khas.

Menurut perlembagaan MCA, satu perhimpunan agung luar biasa patut diadakan sekiranya diminta oleh sekurang-kurangnya satu pertiga daripada ahli Jawatankuasa Pusat. Petisyen yang ditandatangani oleh 13 ahli Jawatankuasa Pusat itu sudah memenuhi syarat itu. MCA adalah sebuah parti demokratik. Tidak ada justifikasi mengapa pucuk pimpinannya cuba "memutarbelitkan" perlembagaannya dan menghalang hasrat ahli-ahlinya melangsungkan satu perhimpunan agung luar biasa, melainkan pucuk pimpinan ada sesuatu untuk disembunyikan.

Menurut laporan akhbar, ahli-ahli Jawatankuasa Pusat tidak dibenarkan oleh Datuk Neo untuk menyemak senarai

anggota-anggota baru parti. Tindakan Neo ini bukan sahaja sukar dipertahankan, tetapi juga memperkuatkan sangkaan bahawa anggota-anggota palsu benar-benar wujud dan Datuk Neo ingin melindungi pihak-pihak yang bertanggungjawab terhadapnya.

Kini, satu pertanyaan yang besar dalam kepala ahli-ahli MCA khususnya dan orang-orang Cina amnya ialah: bolehkah krisis MCA, iaitu masalah berhubung dengan pemecatan 14 orang ahlinya, diselesaikan? Bolehkah ahli-ahli yang dipecat itu diterima kembali ke pangkuan MCA?

Barangkali boleh dijangka bahawa pihak Neo dan Mak akan berusaha sedaya upaya untuk mengekalkan pemecatan yang dilakukan. Sekiranya perlu, lebih ramai ahli akan dipecat untuk memastikan sokongan dan pengaruh puak Tan Koon Swan berkurangan. Bagi Neo dan Mak, memulihkan keanggotaan Tan Koon Swan dan rakan-rakannya melibatkan risiko politik yang terlalu besar dan bertentangan dengan kepentingan politik mereka. Tidak ada sebab mereka berbuat demikian kecuali majoriti perwakilan mendesaknya.

Pada pihak yang lain, penyokong tokoh-tokoh yang dipecat, termasuk ramai orang Cina yang bukan ahli MCA, mengharapkan supaya pucuk pimpinan boleh menarik balik tindakan pemecatan demi mengelakkan perpecahan parti.

Tetapi harapan sahaja tidak memadai untuk "menyelamatkan" orang-orang yang dipecat. Apa yang lebih penting ialah tindakan. Dalam hubungan ini, menurut berita yang terakhir, satu petisyen yang ditandatangani oleh kira-kira 1500 orang atau 62% daripada jumlah perwakilan telah dikemukakan kepada Datuk Loh Fook Yen, Setiausaha Pengelolaan MCA. Petisyen itu meminta pucuk pimpinan MCA supaya diadakan satu perhimpunan agung luar biasa. Di antara perkara yang lain, perhimpunan agung luar biasa yang dicadangkan itu akan membincangkan usul memulihkan keanggotaan 14 orang tokoh yang dipecat itu dan penubuhan satu jawatankuasa *ad hoc* untuk menyemak dan mengesahkan senarai ahli-ahli MCA.

Dengan perkembangan yang terbaru ini, pucuk pimpinan

MCA kini terpaksa menghadapi dua pilihan. Pilihan pertama ialah cuba menolak petisyen yang dikemukakan. Pilihan kedua ialah mengadakan perhimpunan agung luar biasa seperti yang didesak oleh para perwakilan.

Kemungkinan memilih langkah pertama tidak besar. Perlembagaan MCA menyatakan dengan jelas bahawa satu perhimpunan agung luar biasa diadakan sekiranya diminta oleh satu pertiga daripada para perwakilannya. Namun demikian, pucuk pimpinan boleh mematahkan perhimpunan agung luar biasa itu dengan memujuk sebilangan besar perwakilan menarik balik petisyen mereka sehingga jumlah tandatangan kurang daripada satu pertiga yang diperlukan oleh perlembagaan parti. Sekiranya pemujukan tidak berjaya -- kemungkinan besar tidak akan berjaya jika reaksi para perwakilan di akhbar-akhbar Cina tempatan boleh dijadikan satu pertanda -- dan pucuk pimpinan masih berazam mematahkan perhimpunan itu, maka mereka tidak ada cara lain melainkan menggunakan taktik yang kotor, seperti ugutan atau pemecatan secara beramai-ramai.

Langkah demikian pasti memarahkan masyarakat Cina, dan kesan negatifnya akan terasa dalam pilihanraya umum pada tahun 1987. Calon-calon MCA, menurut setengah-setengah pemerhati, akan ditolak oleh pengundi-pengundi Cina, dan parti itu mungkin mengalami nasib yang buruk dalam sejarahnya -- barangkali lebih buruk daripada keadaan "hidup segan mati tidak" yang melanda parti itu pada tahun 1969.

Pilihan yang kedua adalah lebih wajar, adil dan patut dibuat kerana itulah kehendak dan hasrat kira-kira 62% dari jumlah perwakilan. Sekiranya MCA masih mahu menganggap diri dan dianggap oleh orang-orang Cina sebagai parti demokrasi, dan mewakili orang-orang Cina, maka pilihan yang kedua itu bijak dibuat dan terpaksa dibuat juga.

Pilihan kedua memberikan satu jalan kepada MCA, iaitu melalui perhimpunan agung luar biasa, untuk menyelesaikan krisis dan kontroversi yang dihadapinya. Sebenarnya perhimpunan agunglah yang merupakan badan tertinggi dalam parti. Pucuk pimpinan MCA, khasnya Datuk Neo dan Datuk Mak, perlu ada kepercayaan terhadap kematangan para per-

wakilan dan perhimpunan agung dalam mencari penyelesaian.

Memandangkan begitu berkobarnya semangat dan reaksi orang-orang Cina sekarang, pilihan pertama pasti akan memburukkan lagi imej MCA. Akhirnya masyarakat Cina akan hilang kepercayaan dan menolak MCA sama sekali.

Pilihan yang kedua itu merupakan satu-satunya langkah yang memberikan harapan untuk menyelamatkan parti itu daripada musnah, walaupun tidak dapat memulihkan sepenuhnya kepercayaan orang-orang Cina terhadapnya.

Walau apa sekalipun pilihan dibuat, pergolakan politik dalam MCA dijangka tidak akan berhenti dalam tempoh beberapa bulan dari sekarang, malah akan menjadi lebih rancak lagi. Sama-sama kita tunggulah perkembangan selanjutnya.

Utusan Malaysia 29hb Mac, 1984

10. Krisis MCA: Satu Ujian terhadap Amalan Prinsip Demokrasi

Lim Hin Fui

Ramai yang menganggap krisis yang berlaku dalam MCA pada akhir-akhir ini merupakan satu lagi kejadian perebutan kuasa dalam rumahtangga. Pada masa-masa yang lalu, telah menjadi "tradisi" di mana pucuk pimpinan MCA akan memecat orang-orang yang akan mencabar mereka. Dalam tahun 1973, Tun Tan Siew Sin memecat seramai 158 ahli MCA yang tergolong dalam puak Dr. Lim Kheng Yaik, Paul Leong dan Alex Lee bagi menjaga kepentingan sendiri. Pada tahun 1981 pula, Datuk Lee San Choon pula memecat seramai 61 ahli MCA yang menyokong Datuk Michael Chen untuk mengekalkan status quonya. Pada tahun ini, tradisi MCA ini telah diteruskan oleh pucuk pimpinan.

Apa yang menarik perhatian ramai ialah pemecatan pada kali ini telah mencetuskan suatu krisis besar dalam Parti MCA. Pemecatan seramai 14 anggota MCA kali ini termasuk Naib Presiden Tan Koon Swan, Naib Presiden dan Ketua Pemuda MCA Datuk Lee Kim Sai, anggota-anggota Jawatankuasa Pusat MCA Dr. Ling Liong Sik, Senator Kee Yong Wee, Wong Mook Leong, Ng Cheng Kiat, Chan Teck Chan dan tujuh orang tokoh MCA yang lain.

Masalah yang dihadapi oleh pucuk pimpinan MCA tidak berakhir dengan pemecatan kerana mereka yang dipecat itu nampaknya akan berlawan bermati-matian. Soalnya adakah krisis MCA ini cuma merupakan perebutan kuasa yang biasa berlaku di mana-mana sahaja? Pada saya, krisis ini adalah lebih dari perebutan kuasa dalam MCA. Malahan, ianya merupakan satu ujian terhadap prinsip demokrasi yang diamalkan dalam MCA secara khasnya dan di masyarakat Malaysia secara amnya. Apakah corak demokrasi yang diperlukan oleh ahli-ahli MCA?

Salah satu persoalan yang dikemukakan dalam krisis MCA ini ialah adakah prinsip demokrasi diamalkan secara adil dan saksama dalam pemecatan keempat belas orang tokoh politik itu? Adakah Jawatankuasa Disiplin MCA (yang dilantik oleh

presiden parti dan terdiri dari seorang pengerusi dan dua orang ahli sahaja) telah mengamalkan demokrasi dalam pemecatan itu?

Seperti yang dilaporkan, hanya dua orang dari jawatankuasa tersebut yang memutuskan pemecatan itu. Kebetulan pula kedua-duanya adalah tergolong dalam puak Neo Yee Pan. Ramai yang menganggap bahawa keputusan pemecatan itu merupakan penyalahgunaan kuasa. Dikatakan puak Neo terpaksa memecat puak Tan Koon Swan yang kononnya akan mencabar mereka dalam merebut pimpinan pada Perhimpunan Agung MCA yang akan datang. Keduanya, haruskah MCA menambahkan bilangan anggota Jawatankuasa Disiplin supaya keputusan yang lebih adil dapat dicapai berhubung dengan soal disiplin dalam parti? Dari perkembangan yang kita ikuti, krisis MCA tidak tamat dengan pemecatan yang dipadang serius itu. Nampaknya puak Tan Koon Swan sedang bertungkus lumus supaya mereka dapat memulihkan keanggotaan mereka dalam MCA. Sebagai tindak balas, golongan Tan telah berjaya dalam pengumpulan sebanyak 1,499 tandatangan atau 62% daripada jumlah perwakilan MCA dan seterusnya dikemukakan kepada Setiausaha Pengelolaan MCA.

Petisyen ini telah meminta MCA mengadakan suatu perhimpunan agung luar biasa pada 29 April 1984.

Agenda yang dikemukakan dalam permintaan perhimpunan agung luar biasa tersebut termasuk:

- (1) Dengan cara pengundian secara rahsia untuk meluluskan pembantahan terhadap keputusan Jawatankuasa Disiplin MCA yang memecat empat belas orang ahli MCA, mengumumkan pemecatan tersebut adalah tidak berkuasa dan dengan segera memulihkan jawatan-jawatan yang dipegang oleh mereka sebelum pemecatan itu.
- (2) Melalui pengundian secara rahsia untuk membentuk satu jawatankuasa ad hoc yang terdiri dari seorang pengerusi dan enam orang ahli dengan fungsi-fungsi dan kuasa berikut:-
 - (i) Menyiasat segala hal yang berkait dengan kemasukan

ahli-ahli baru dalam tahun-tahun 1982 dan 1983 dan menentukan kesahan keahlian dan memastikan senarai keahlian MCA sehingga 31 Disember, 1983;

(ii) Jika perlu, mencadangkan kepada Perhimpunan Agung MCA langkah-langkah dan prosedur-prosedur (termasuk perubahan-perubahan kepada peraturan-peraturan atau prosedur-prosedur yang sedia wujud) yang harus diambil untuk menghalang kejadian semula kesilapan-kesilapan atau kepalsuan tersebut.

(iii) Mengawal dan jika perlu mentadbir segala pilihan anggota-anggota jawatankuasa MCA pada semua peringkat.

Kuasa penuh untuk menjalankan dengan berkesan penyiasaan, keputusan dan pentadbiran yang disebutkan.

(3) Melantik saudara Datuk Tan Peng Khoon atau orang lain yang dilantik oleh perhimpunan agung sebagai pengerusi dan Datuk Tang Cheng Swee, Datuk Chan Keong Hon, Encik Peter Chin Gan Oon, Dr. Gan Kong Seng, Encik Wong Mook Leong dan Encik Ng Cheng Kiat atau orang-orang lain yang dilantik oleh perhimpunan agung sebagai ahli-ahli jawatankuasa ad hoc.

(4) Memutuskan bahawa segala pilihan jawatankuasa MCA di semua cawangan dan bahagian yang ditetapkan dari bulan Mac hingga bulan Mei 1984 tahun ini ditangguhkan (*suspended*) atau jika pilihan tersebut telah dijalankan maka semuanya dibatalkan dan pilihan-pilihan dapat bermula dalam masa 30 hari selepas jawatankuasa "*ad-hoc*" telah menfinalisasikan senarai keahlian MCA sehingga 31 Disember, 1983.

(5) Memutuskan segala tindakan yang perlu diambil untuk melaksanakan persetujuan-persetujuan yang dicapai tersebut.

Menurut pihak puak Tan, langkah yang diambil untuk mengadakan satu perhimpunan agung luar biasa adalah mengikut peraturan yang termaktub dalam perlembagaan MCA. Menurut perlembagaan MCA (artikel 34.3), satu perhimpunan agung luar biasa boleh diadakan sekiranya diminta oleh satu

pertiga daripada para perwakilan.

Apabila petisyen itu disampaikan kepada pucuk pimpinan Parti MCA, puak Neo telah memberi beberapa reaksi yang telah menyinggung perasaan anggota MCA yang menandatangani petisyen itu secara khasnya dan masyarakat Cina secara amnya. Sebaik sahaja petisyen diterima, Setiausaha Agung MCA Tan Sri Chong Hon Nyan telah menyatakan secara tidak langsung bahawa permintaan untuk mengadakan perhimpunan agung luar biasa mungkin ditolak. Menurut beliau, perhimpunan agung yang dicadangkan itu adalah sama dengan penolakan terhadap pimpinan Neo Yee Pan secara khasnya dan seterusnya akan menghancurkan MCA. Oleh itu, mereka sanggup berkorban apa sahaja untuk "menyelamatkan MCA" dari dihancurkan.

Dilaporkan bahawa puak Neo juga mengatakan bahawa cuma Pemangku Presiden dan Jawatankuasa Pusat yang berkuasa menentukan sama ada perhimpunan agung luar biasa itu dapat diadakan atau tidak.

Kemudiannya, menurut laporan akhbar Cina, Dr. Tan Tiong Hong (anggota puak Neo) pula mengatakan bahawa petisyen yang meminta mengadakan perhimpunan agung luar biasa itu tidak mewakili hasrat 500,000 anggota MCA. Dilaporkan juga bahawa beliau juga berjumpa dengan sebilangan guru Cina (khasnya mereka yang menandatangani petisyen itu) dan "menasihatkan" mereka supaya menarik diri dari petisyen tersebut.

Selain dari itu, puak Neo juga telah mengemukakan beberapa kes di mana antara mereka yang menandatangani petisyen itu telah berbuat demikian kerana dipaksa, diugut atau diancam. Seterusnya dikatakan pihak puak Neo telah menggunakan taktik kotor di mana mereka menuduh puak Tan sebagai mereka yang memainkan perasaan perkauman.

Ini adalah kerana puak Tan telah mengkritik puak Neo yang tidak menjalankan tugas dan tanggungjawab dengan baik dan meyakinkan terhadap masyarakat Cina Malaysia. Akibatnya, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Musa Hitam telah memberi amaran kepada golongan yang berkenaan secara tidak

langsung supaya menjaga kestabilan politik negara.

Kenyataan dan tuduhan-tuduhan dari puak Neo telah menimbulkan perasaan marah di kalangan anggota MCA dan masyarakat Cina secara amnya. Pertamanya, kenyataan Setiausaha Agung MCA yang "menolak" permintaan petisyen tersebut telah menyinggung perasaan sebahagian besar anggota perwakilan yang menandatangani petisyen.

Mereka menaruh perasaan tidak puas hati kerana sebagai Setiausaha Agung MCA, Tan Sri Chong Hon Nyan tidak berhak membuat kenyataan tersebut. Menurut laporan akhbar Cina, ramai yang berasa tindakan setiausaha agung yang akan menghancurkan MCA. Ada juga tidak puas hati kerana dikatakan mereka diancam supaya menandatangani petisyen tersebut.

Ini memberi implikasi bahawa keikhlasan dan kejujuran mereka telah dipersoalkan oleh pucuk pimpinan. Apa lagi jika memandangkan tandatangan-tandatangan tersebut disaksikan oleh orang-orang kenamaan. Di Pulau Pinang, seramai 97 orang anggota yang menandatangani petisyen itu telah berkumpul di tempat kediaman Lee Jong Ki untuk menegaskan pendirian mereka yang menandatangani petisyen tersebut dengan rela hati dan bukan dipaksa atau diancam. Ada pula anggota perwakilan yang sanggup mengesahkan tandatangan mereka di ibu pejabat MCA. Kedua, tindakan Dr. Tan Tiong Hong yang dikatakan cuba "mengugut" atau memberi "galakan" kepada guru-guru supaya menarik diri dari petisyen tersebut telah dikritik oleh masyarakat Cina dan anggota MCA. Beliau dikatakan telah menyalahgunakan kuasa sebagai Timbalan Menteri Pelajaran untuk menyelesaikan soal yang berkait dengan parti.

Pada umumnya masyarakat Cina berharap perwakilan yang menandatangani petisyen untuk mengadakan perhimpunan agung luar biasa itu berpegang teguh kepada pendirian asal mereka. Masyarakat Cina secara amnya juga telah mengkritik cara tidak demokratik yang digunakan oleh pucuk pimpinan MCA kini yang cuma mementingkan diri sendiri.

Telah juga terdapat cawangan-cawangan MCA yang me-

luluskan usul tidak percaya kepada pimpinan Neo Yee Pan. Manakala, perwakilan yang meminta mengadakan perhimpunan agung luar biasa telah meningkat lebih dari 1,600 orang iaitu melebihi dua pertiga dari jumlah perwakilan. Ada yang menyatakan kesal kerana Timbalan Perdana Menteri telah salah faham terhadap pendirian puak Tan. Pada mereka puak Tan cuma hendak membuat sesuatu untuk membawa kebaikan kepada komuniti Cina dan negara. Sementara itu, segolongan ahli akademik juga telah menyerukan bahawa politik orang Cina Malaysia harus dibina di atas rasionaliti dan demokrasi untuk menjaga kepentingan bangsa dan negara.

Dari apa yang berlaku sehingga kini ialah tidak dapat dinafikan bahawa krisis MCA ini merupakan satu-satu yang menguji prinsip demokrasi yang diamalkan oleh MCA. Jenis demokrasi manakah yang akan dipilih oleh ahli-ahli MCA - puak Neo atau puak Tan? Ini merupakan satu cabaran yang dihadapi oleh ahli-ahli MCA.

Bagaimanakah krisis ini dapat diselesaikan? Pada saya, beberapa kemungkinan boleh berlaku. Kemungkinan pertama ialah bagi puak Neo berusaha dengan rajin dan seterusnya berjaya dalam memujuk sebilangan besar perwakilan yang telah menandatangani petisyen itu menarik dari petisyen tersebut.

Ini bermaksud puak Neo perlu memujuk sekurang-kurangnya setengah dari dua pertiga perwakilan yang telah menandatangani petisyen itu. Mereka perlu berbuat demikian dengan cepat supaya menghapuskan peluang puak Tan mengadakan perhimpunan agung luar biasa pada hujung bulan April ini.

Memandangkan kemungkinan besar puak Neo akan gagal berbuat demikian, maka seterusnya mereka mungkin mengamalkan "tradisi" MCA sekali lagi untuk mengekalkan status quo. Maka sudah tentu ramai dari anggota perwakilan akan dipecat dari MCA. Tradisi ini mungkin diteruskan sehingga tidak ada orang yang akan menentang mereka dalam merebut kuasa dalam pucuk pimpinan. Adakah ahli-ahli MCA akan merestui tindakan ini?

Puak Neo juga boleh menggunakan taktik "delay" atau

melambat-lambatkan proses menyiasat sama ada tandatangan petisyen itu benar atau tidak. Dengan cara ini mereka berharap dapat menanggukkan permintaan untuk mengadakan perhimpunan agung luar biasa itu hingga satu masa yang di mana keadaan tidak akan menjejaskan kedudukan mereka dalam parti.

Menurut perhitungan sebuah akhbar Cina, sekiranya ibu pejabat MCA memanggil seorang perwakilan setiap hari untuk mengesahkan tandatangan ianya akan mengambil masa selama lima tahun.

Salah satu kemungkinan ialah bagi puak Neo menerima permintaan petisyen dalam mengadakan satu perhimpunan agung luar biasa. Kemungkinan ini adalah tipis sekali memandangkan puak Neo cuba mempertahankan bermati-matian status quo mereka dalam parti. Jika perhimpunan agung tersebut diadakan, ini bermakna pimpinan puak Neo akan digulingkan sama ada secara langsung atau tidak langsung. Bagi puak Tan pula, mereka nampaknya terus berusaha supaya perhimpunan agung luar biasa itu diadakan. Jika mereka berjaya mengadakan perhimpunan agung tersebut, jalan akan terbuka bagi golongan yang dipecat itu pulang ke parti. Seterusnya mereka akan mencabar pimpinan puak Neo yang dikatakan telah mengecewakan MCA dan masyarakat Cina dalam proses pembangunan negara.

Dalam arena pergolakan politik, apa juga boleh berlaku. Krisis MCA ini cuma dapat diselesaikan oleh ahli-ahlinya. Orang-orang lain boleh bersimpati dengan puak Tan, tetapi mereka tidak dapat menyelamatkan golongan yang dipecat itu. Cuma ahli-ahli MCA yang dapat menyelamatkan golongan itu.

Soalnya, adakah ahli-ahli MCA akan terus membiarkan pucuk pimpinan yang mempengaruhi dan seterusnya menentukan nasib mereka? Ataupun pada kali ini mereka yang akan menentukan nasib parti? Masa akan membuktikan di mana letaknya keadilan dan demokrasi sebenar. Sama-sama kita saksikan.

Utusan Malaysia 10hb April, 1984

11. Dilema Neo Yee Pan: Mengundur diri atau teruskan

Dr. Ting Chew Peh

Sekiranya pemecatan 14 orang tokoh MCA, termasuk 7 orang ahli Jawatankuasa Pusat, menandakan permulaan krisis MCA, maka penggantungan dan pembekuan lebih daripada 80 cawangan parti itu membawa implikasi bahawa krisis itu makin menghebat. Kini, dengan perletakan jawatan Datuk Loh Fook Yen sebagai Timbalan Setiausaha Agung serta Setiausaha Pengelolaan, dan Datuk Choo Ching Hwa sebagai Bendahari Agung, krisis parti itu telah memasuki tahap yang lebih meruncing lagi.

Datuk Loh dan Datuk Choo dalam kenyataan akhbar yang berasingan menyatakan mereka meletakkan jawatan kerana tidak puas hati terhadap cara Pemangku Presiden Dr. Neo Yee Pan mengendalikan urusan parti, khasnya tindakan memberhentikan Datuk Tan Peng Khoon sebagai ahli Jawatankuasa Pusat (Datuk Tan merupakan tokoh lama MCA yang dihormati dan agak besar pengaruhnya terutama sekali di Johor). Datuk Choo juga menyatakan rasa sedih dan kesal kerana pucuk pimpinan MCA tidak mengambil berat seruan 13 orang ahli Jawatankuasa Pusat baru-baru ini supaya bekas Presiden MCA Datuk Lee San Choon menjadi "orang tengah" untuk menyelesaikan krisis parti.

Beberapa perkembangan yang rapat hubungannya dengan krisis MCA, dan barangkali memperhebatkannya, ialah:

- (i) Selepas pemecatan 14 orang tokoh MCA, penyokong-penyokong Tan Koon Swan dan Datuk Lee Kim Sai berjaya menggembelingkan seramai 1499 orang perwakilan untuk menandatangani satu petisyen yang meminta supaya diadakan satu perhimpunan agung luar biasa. Agenda perhimpunan agung luar biasa ialah untuk memulihkan keanggotaan 14 tokoh yang dipecat itu dan menubuhkan satu Jawatankuasa Khas demi menyasat isu keanggotaan palsu.
- (ii) penggantungan dan pembekuan cawangan-cawangan

yang dipercayai menyokong perjuangan Tan Koon Swan dan Datuk Lee Kim Sai.

(iii) 4 orang ahli Parlimen dan 30 orang ahli Dewan Undangan Negeri MCA (dari jumlah 54 orang) membuat kenyataan akhbar bahawa mereka tidak dapat berkhidmat di bawah pucuk pimpinan MCA sekarang sekiranya seruan mereka tentang pemulihan keanggotaan 14 orang tokoh yang dipecat itu dan penyiasatan teliti isu keanggotaan palsu tidak diambil perhatian.

(iv) kekecohan dalam Pemuda MCA.

Jawatankuasa Pusat Pemuda MCA memanggil suatu mesyuarat tergempar pada 2 April, 1984 jam 2.30 petang. Ahli-ahli yang menyokong Datuk Neo diberitahu lebih awal, sedangkan penyokong-penyokong Tan Koon Swan cuma diberitahu 4 jam sebelum mesyuarat, menyebabkan ramai ahli dari negeri lain tidak sempat menghadiri mesyuarat. Beberapa ahli mendakwa mereka menerima telegram beberapa jam selepas mesyuarat itu tamat.

(v) 13 orang ahli Jawatankuasa Pusat mengeluarkan kenyataan bersama menyeru dan menyokong bekas Presiden MCA Datuk Lee San Choon tampil ke hadapan untuk membantu menyelesaikan krisis MCA.

(vi) Isu anggota palsu

Setakat ini puak Tan Koon Swan dan Lee Kim Sai telah membuktikan bahawa anggota-anggota palsu benar-benar wujud. Mereka telah menemui kira-kira 22,000 anggota palsu di seluruh negara.

(vii) Amaran Dr. Neo bahawa perhimpunan agung luar biasa yang bukan dikendalikan oleh Setiausaha Agung Parti adalah tidak sah dan para perwakilan yang menghadirinya akan menghadapi akibatnya.

(viii) Makin banyak cawangan dan bahagian telah meluluskan usul tidak percaya terhadap kepimpinan Datuk Neo.

Dengan perkembangan yang terbaru ini, maka timbul dua persoalan utama di kalangan pemerhati politik khasnya dan masyarakat Cina amnya. Pertama, adakah pucuk pimpinan MCA, khasnya Dr. Neo, benar-benar jujur dalam menyelesaikan krisis parti itu? Kedua, bolehkah pemecatan ahli, penggantungan dan pembekuan bahagian dan cawangan menyelesaikan krisis dan memelihara imej MCA?

Kedua-dua persoalan di atas berkait rapat. Kedua-duanya sukar dijawab.

Pertama, kejujuran seseorang pemimpin politik tidak mudah diukur. Pemimpin politik pandai "berlakon" dan berpura-pura. Sikap dan tindakan yang kelihatan jujur mungkin disengajakan atau merupakan kepura-puraan sahaja. Sebaliknya orang yang dituduh tidak jujur mungkin jujur sebenarnya.

Dalam sesebuah parti yang mematuhi prinsip demokrasi seperti MCA, maka satu cara untuk mengukur kejujuran seseorang pemimpin politik ialah sama ada pemimpin itu mematuhi kehendak dan hasrat majoriti ahli-ahlinya. Dalam pergolakan MCA kali ini – sekiranya laporan akhbar dan petisyen para perwakilan boleh dijadikan panduan—ternyata majoriti ahli-ahli MCA berhasrat menyelesaikan krisis MCA melalui dua cara, iaitu memulihkan keanggotaan ahli-ahli yang dipecat itu dan menyiasat isu anggota palsu.

Kalau Dr. Neo dan rakan-rakan seperjuangannya benar-benar jujur, memahami dan mematuhi prinsip demokrasi, tidak ada sebab mengapa mereka masih pekak terhadap seruan majoriti ahli-ahli parti itu.

Berhubung dengan persoalan kedua di atas, pemecatan ahli dan penggantungan cawangan serta bahagian nampaknya merupakan langkah-langkah yang agak putus asa, negatif, dan tidak berkesan langsung dalam meredakan krisis. Malah ada

tanda-tanda yang menunjukkan tindakan penggantungan dan pembekuan itu memarahkan ahli-ahli MCA dan memperhebatkan lagi krisis. Kebanyakan cawangan yang digantung tidak puas dengan keputusan pucuk pimpinan dan tidak mengakuinya sebagai sah. Banyak cawangan yang digantung itu masih meneruskan kegiatannya seperti biasa. Ada pula yang mendakwa cawangan mereka digantung sebaik sahaja pemilihan selesai, kerana ahli-ahli jawatankuasa yang baru dipilih itu dipercayai tergolong ke dalam puak Tan Koon Swan.

Pucuk pimpinan MCA menegaskan tindakan memecat ahli dan menggantung cawangan adalah untuk menjaga kepentingan, imej, dan nama baik MCA.

Namun reaksi ahli-ahli MCA dan masyarakat Cina yang menyusuli tindakan pemecatan dan penggantungan itu menunjukkan imej MCA tidak sedikitpun diharumkan atau diperbaiki. Sebaliknya imejnya terjejas. Tindakan memecat tokoh-tokoh yang berkaliber dan menggantung cawangan-cawangan yang aktif memberikan khidmat cuma berfungsi menghampakan orang-orang Cina dan memperhebatkan lagi rasa tidak puas dan prasangka mereka terhadap MCA. Sekiranya Dr. Neo muncul sebagai pemenang akhir-akhirnya dalam krisis ini, kemungkinan besar MCA akan mengalami malapetaka yang mendukacitakan – barangkali lebih mendukacitakan berbanding dengan keadaannya dalam pilihanraya umum 1969.

Perkembangan dalam MCA kini menunjukkan makin ramai ahli dan pemimpinnya tidak puas hati dengan tindak-tanduk pucuk pimpinan, khasnya dalam mengendalikan isu anggota palsu, pemecatan, penggantungan dan perhimpunan agung luar biasa.

Mengenai isu anggota palsu, Dr. Neo sendiri pernah mengatakan bahawa masalah tersebut telah wujud dalam parti sejak 20 tahun dahulu, dan bukannya masalah serius. Penyokong kuatnya Dr. Tan Tiong Hong pula mengatakan anggota palsu cuma berjumlah 10 orang sahaja, bukan 70,000 – 80,000 orang seperti yang didakwa oleh puak Tan Koon Swan.

Tentang pemecatan 14 orang tokoh, Dr. Neo menegaskan

bahawa pelanggaran disiplin adalah pelanggaran disiplin. Pemecatan tiada kait-mengait dengan pemilihan parti.

Tentang tindakan pembekuan beberapa cawangan, beliau pula berkata: "Ini adalah hal ehwal Jawatankuasa Disiplin. Tidak kena-mengena dengan saya."

Akhirnya tentang perhimpunan agung luar biasa, sikap serba salah jelas kelihatan dalam reaksi pucuk pimpinan MCA sekarang.

Setiausaha Agung MCA Tan Sri Chong Hon Nyan semasa menolak petisyen untuk melangsungkan perhimpunan agung luar biasa mengatakan ia akan menyebabkan hancurnya MCA. Perhimpunan agung luar biasa, katanya, juga bererti usul tidak percaya terhadap pucuk pimpinan, khususnya Pemangku Presiden.

Beberapa hari selepas kenyataan tersebut dibuat, Tan Sri Chong menafikan bahawa beliau pernah mengatakan perhimpunan agung luar biasa tidak dapat diadakan. Katanya pucuk pimpinan masih mempertimbangkan sama ada perlu diadakan perhimpunan agung luar biasa itu. Kini, beliau mengatakan pula bahawa pucuk pimpinan MCA masih dalam proses menyemak tandatangan dalam petisyen tersebut.

Dr. Tan Tiong Hong pula mengatakan 1499 orang perwakilan (iaitu 62% dari jumlah perwakilan) yang menandatangani petisyen adalah bilangan kecil. Mereka tidak boleh mewakili 500,000 ahli MCA.

Dr. Neo mengatakan sekiranya didapati ada satu tandatangan dalam petisyen itu palsu, maka seluruh petisyen itu akan menjadi tidak sah.

Kata-kata di atas menunjukkan pucuk pimpinan bukan sahaja takut kepada perhimpunan agung luar biasa, tetapi juga sedaya upaya cuba mengekalkan *status quo* dengan memutarbelitkan kenyataan dan menggunakan hujah-hujah yang tidak logikal dan kurang meyakinkan. Mereka juga seolah-olah tidak langsung menghiraukan atau memahami prinsip demokrasi.

Berita-berita yang terakhir menyatakan bekas Presiden Datuk Lee San Choon kini sedang berusaha sebagai "orang tengah" untuk menyelesaikan krisis parti. Menurut sumber-sumber yang dapat dipercayai, di antara beberapa cadangan yang dimajukan oleh Datuk Lee ialah:

- (i) untuk meredakan emosi yang berkobar-kobar, Dr. Neo diminta meletakkan jawatan sebagai Pemangku Presiden dan jawatan itu dipangku oleh Datuk Lee untuk sementara waktu sehingga berlangsungnya pemilihan dalam perhimpunan agung;
- (ii) Memulihkan keanggotaan ahli-ahli yang telah dipecat dan menghidupkan semula semua cawangan yang dibeku;
- (iii) Menyiasat isu anggota palsu secara menyeluruh; dan
- (iv) Menetapkan semula tarikh pemilihan bagi semua peringkat.

Formula tersebut diberitakan telah mendapat persetujuan dari pihak Tan Koon Swan dan penyokong-penyokongnya. Pihak Neo belum lagi memberi jawapan yang positif.

Memandangkan keadaan sekarang, Dr. Neo nampaknya menghadapi tekanan bukan sahaja dari dalam parti, bahkan juga dari luar parti. Pendapat umum masyarakat Cina rata-rata lebih memihak dan bersimpati dengan pihak Tan Koon Swan. Sejak Dr. Neo dilantik sebagai Pemangku Presiden, masyarakat Cina umumnya tidak begitu yakin terhadap kebolehannya dan imejnya di kalangan orang Cina pun tidak begitu tinggi. Inilah satu perkara yang tidak boleh dipandang ringan oleh Dr. Neo sekiranya beliau benar-benar berhasrat menjadi pemimpin Cina yang dihormati.

Pada saat ini, krisis parti yang makin meruncing itu sudah meletakkan Dr. Neo dalam suatu keadaan dilema: sama ada mengundurkan diri atau tidak.

Sekiranya Dr. Neo mengundurkan diri, jawatannya sebaik-

baiknya dipangku oleh seorang tokoh yang adil, berkecuali, dihormati dan diterima oleh kedua-dua puak yang berselisih itu. Kemungkinan besar ahli-ahli yang dipecat itu akan dibenarkan kembali ke pangkuan MCA. Isu keanggotaan palsu akan juga diselesaikan. Presiden baru MCA akan dipilih dalam perhimpunan agung para perwakilan nanti. Nampaknya inilah hasrat dan kehendak majoriti ahli-ahli MCA.

Jika Dr. Neo memilih tidak mahu mengundurkan diri, krisis MCA pasti akan berterusan. Dijangka lebih ramai lagi tokoh yang tidak bersetuju dengan taktik dan tindak-tanduk Dr. Neo akan meletakkan jawatan, dan lebih ramai lagi tokoh yang menentanginya akan dipecat. Bilangan cawangan yang dibeku akan juga bertambah. Akhir-akhirnya cuma tinggal Dr. Neo dan beberapa orang tokoh yang tidak mendapat sokongan ramai dalam MCA. Bolehkah Barisan Nasional menerima MCA dalam keadaan demikian? Dr. Neo yang menuduh pihak Tan Koon Swan menghancurkan MCA mungkin sendiri memusnahkan parti itu.

Pihak Tan Koon Swan juga dijangka akan meneruskan usaha untuk melangsungkan perhimpunan agung luar biasa pada 29-4-1984. Perhimpunan itu—sekiranya berjaya diadakan—pasti tidak diakui oleh pihak Neo. Maka pertikaian kedua-dua pihak itu akan dibawa ke Mahkamah. Barangkali isu anggota palsu juga akan diadukan kepada pihak pendaftar pertubuhan. Dalam keadaan demikian, cuma mahkamah yang akan menentukan nasib MCA.

Setakat ini, tidak ada sebarang tanda yang menunjukkan Dr. Neo akan mengundurkan diri. Nampaknya beliau akan berjuang habis-habisan untuk mengekalkan kedudukannya dalam parti dan kabinet. Sikapnya yang berkeras itu juga menunjukkan beliau tidak begitu menghiraukan seruan dan hasrat majoriti ahli-ahli MCA.

Dalam setengah-setengah demokrasi masyarakat maju, satu ciri yang menonjol ialah hasrat dan kehendak majoriti yang menentukan nasib seseorang pemimpin. Itulah intisari demokrasi. Sekiranya didapati seseorang pemimpin tidak lagi mendapat keyakinan dan kepercayaan majoriti pengikut-pengikutnya, maka pemimpin itu terpaksa mengundurkan diri.

Itu suatu amalan biasa.

Dalam kes MCA, ternyata majoriti ahli-ahli MCA tidak lagi menaruh kepercayaan terhadap Dr. Neo sebagai Pemangku Presiden. Mengapa pula Dr. Neo tidak menghiraukannya? Mengapa beliau masih berpegang teguh kepada jawatannya? Barangkali Dr. Neo jahil tentang prinsip demokrasi? Atau demokrasi MCA lain jenisnya dengan demokrasi Barat?

Utusan Malaysia 23hb April, 1984

12. Petisyen mengenai Perhimpunan Agung Luar Biasa MCA

Douglas Tay

Kejayaan puak Naib Presiden MCA Encik Tan Koon Swan mendapatkan 1,600 orang perwakilan untuk mendesak pucuk pimpinan mengadakan perhimpunan agung luar biasa menakjubkan ramai orang, termasuk Pemangku Presiden Datuk Dr. Neo Yee Pan sendiri.

Bagaimanapun, kejayaan tersebut juga menimbulkan persoalan yang penting, iaitu kenapakah perhimpunan agung luar biasa begitu mudah diminta diadakan oleh perwakilan-perwakilan MCA?

Pada 20 Mac lalu, salah satu pihak yang bertelingkah dalam MCA, puak Tan Koon Swan telah melancarkan kempen mengutip tandatangan satu pertiga daripada perwakilan perhimpunan agung parti untuk menyokong petisyen yang meminta parti mengadakan perhimpunan agung luar biasa pada hari Ahad depan di Hotel Hilton, Kuala Lumpur.

Mengikut Fasal 34.3 Perlembagaan MCA, perhimpunan agung luar biasa boleh diadakan dengan permintaan sekurang-kurangnya satu pertiga daripada para perwakilan perhimpunan. Ini bermakna kira-kira 800 orang daripada 2,400 orang perwakilan boleh membuat permintaan demikian.

Akan tetapi, dalam tempoh 48 jam, puak Tan Koon Swan telah memperoleh sokongan 1,600 orang atau kira-kira dua pertiga daripada para perwakilan untuk petisyen itu. Rekod ini sesungguhnya sangatlah menakjubkan.

Menteri Luar Tan Sri Ghazali Shafie pernah mensifatkan rekod itu sebagai "satu miracle", sementara Datuk Dr. Neo yang turut terperanjat, tidak mahu mengakuinya.

Katanya, beliau terpaksa menyiasat tandatangan-tandatangan yang dikemukakan dalam petisyen itu sama ada tulen atau tidak. Secara senyap-senyap pula, dalam majlis dialog

dengan ahli-ahli MCA, beliau malah memberitahu bahawa kerja seumpama itu tidak terbuat oleh orang-orang MCA.

"Orang-orang MCA tidak mempunyai keupayaan seperti itu. Ini mestilah kerja orang-orang puak kiri", tambahnya. Komennya ini dipetik dan disiarkan dalam sebuah akhbar Cina tempatan.

Puak Tan Koon Swan mengemukakan petisyen tersebut setelah 14 orang tokoh, termasuk beliau, Ketua Pemuda Datuk Tee Kim Sai anggota Jawatankuasa Pusat Datuk Dr. Ling Liong Sik dan lain-lain, dipecat dari parti.

Tujuan petisyen itu ialah untuk mendesak pucuk pimpinan mengadakan satu perhimpunan agung luar biasa untuk membincangkan beberapa perkara dan membuat ketetapan.

Antara ketetapan-ketetapan yang termasuk dalam agenda perhimpunan itu ialah:

- Mendesak parti mengambil balik 14 orang tokoh yang dipecat itu.

- Menubuhkan sebuah jawatankuasa ad hoc yang terdiri daripada enam orang anggota dengan tujuan untuk menyiasat anggota-anggota palsu yang didakwa wujud dalam parti dan

- Mengisytiharkan mana-mana mesyuarat cawangan atau bahagian yang berlangsung sebelum perhimpunan agung luar biasa ini tidak sah dan mesyuarat cawangan, bahagian dan seterusnya bolehlah diadakan setelah penyiasatan anggota palsu selesai.

Puak Tan Koon Swan nampaknya bergembira dengan kejayaan mereka mengemukakan petisyen tersebut, tetapi pihak yang berkuasa dalam parti, Datuk Dr. Neo dan penyokong-penyokongnya menegaskan perhimpunan agung luar biasa hanya boleh diadakan dengan kebenaran dan notis pucuk pimpinan parti.

Setiausaha Agung MCA, Tan Sri Chong Hon Nyan misalnya menyatakan bahawa pihak perwakilan boleh mengemuka-

kan petisyen untuk meminta perhimpunan agung luar biasa diadakan, tetapi notis mengenai perhimpunan itu hanya boleh dikeluarkan oleh beliau 30 hari sebelum tarikh perhimpunan.

Perwakilan-perwakilan yang meminta perhimpunan agung luar biasa itu telah menetapkan tarikh 29 April 1984 sebagai hari perhimpunan. Oleh kerana notis 30 hari perlu diberikan sebelum perhimpunan agung luar biasa dilangsungkan, pihak yang meminta itu telah mengeluarkan notis tersebut pada 29 Mac lalu, dalam bentuk surat kepada setiap orang perwakilan dan juga menerusi iklan notis dalam akhbar-akhbar Cina.

Para perwakilan terpaksa mengeluarkan notis sendiri memandangkan pihak pucuk pimpinan parti yang ditentang itu enggan mengeluarkan notis seumpama itu.

Di samping itu, puak Tan Koon Swan berpendapat bahawa notis tersebut sepatutnya boleh dikeluarkan oleh sesiapa sahaja, dengan maksud bahawa tidak ada siapa yang boleh menghalang permintaan para perwakilan.

Sementara itu, sambil bersikap berhati-hati dalam soal petisyen itu dengan tidak menolaknya, Datuk Dr. Neo dan penyokong-penyokongnya juga menyatakan bahawa pihaknya mendapati beberapa tandatangan perwakilan dalam petisyen itu tidak sama dan tidak sah malah dakwanya, ada tandatangan yang bukan kepunyaan perwakilan.

Sikap puak Datuk Dr. Neo terhadap petisyen itu tidak dapat terelak daripada kecaman-kecaman hebat yang datang dari puak Koon Swan. Datuk Dr. Neo pemangku timbalannya, Datuk Mak Hon Kam, setiausaha agungnya dan lain-lain yang berkuasa telah didesak supaya meletakkan jawatan segera.

Sebabnya, kata puak Koon Swan, keputusan dua pertiga daripada para perwakilan perhimpunan MCA itu menunjukkan bahawa ahli-ahli parti tidak lagi menaruh keyakinan terhadap kepimpinan mereka.

"Sekiranya mereka benar-benar mengamalkan prinsip demokrasi, mereka sepatutnya sudah lama meletakkan jawatan

dan gulung tikar dari Wisma MCA", kata penyokong-penyokong kuat Tan Koon Swan.

Datuk Dr. Neo dan puaknya tetap berdiri teguh di tempat duduk mereka tanpa mengira betapa hebat datangnya kritikan atau kecaman itu. Mereka masih yakin bahawa tindak-tanduk mereka tidaklah terpesong daripada perlembagaan parti.

Dalam pertelingkahan dua puak, sekiranya tidak ada pihak yang mahu mengalah atau berkompromi, maka pertelingkahan itu akan berterusan dan malah akan menjadi semakin buruk dan serius. Beginilah keadaan dalam MCA sekarang.

Semua pemerhati (di luar MCA) masing-masing menunggu perhimpunan agung luar biasa pada 29 April ini di Hotel Hilton. Soal sah atau tidak perhimpunan itu tidak begitu dihiraukan kerana hanya mahkamah yang dapat menentukan perkara itu.

Sekiranya, dan sekiranya perhimpunan agung luar biasa seumpama itu berjaya diadakan dengan sah, maka kejayaan itu adalah untuk puak Tan Koon Swan. Puak Datuk Dr. Neo sudah tentu terpaksa gulung tikar dari Wima MCA, kerana dua pertiga daripada para perwakilan telah menunjukkan dengan jelas bahawa kepimpinannya tidak diyakini meskipun belum sampai tahap "tidak dikehendaki."

Seperti yang disebut tadi, kenapakah perhimpunan agung luar biasa yang mempunyai implikasi serius itu dapat diadakan dengan mudah oleh MCA, iaitu hanya sokongan satu pertiga daripada para perwakilan diperlukan?

Apabila disemak, perlembagaan UMNO Malaysia dan Parti Gerakan Rakyat Malaysia tidak membenarkan perhimpunan agung luar biasa diminta oleh para perwakilan semudah peruntukan perlembagaan MCA.

Fasal 12.5 (iii) Perlembagaan UMNO menetapkan bahawa perhimpunan khas (luar biasa) boleh diadakan dengan "permintaan bertulis oleh sekurang-kurangnya satu perdua (50 peratus) daripada bahagian-bahagian yang telah mengadakan mesyuarat perwakilan bahagian khasnya atas masalah yang

sama.”

Bagi Parti Gerakan pula, Fasal 129 (c) menetapkan bahawa perhimpunan seumpama itu boleh diadakan “dengan adanya permintaan bersama sekurang-kurangnya oleh 50 peratus daripada bahagian-bahagian parti.”

Untuk kedua-dua parti UMNO dan Gerakan, sekurang-kurangnya 50 peratus daripada bahagian-bahagian parti perlu menyokong petisyen yang mahu diadakan oleh mana-mana kumpulan perwakilan dan bukan oleh Presiden atau Majlis Tertinggi/Jawatankuasa Pusat.

Oleh itu, mana-mana pemimpin yang ingin menganjurkan perhimpunan agung luar biasa untuk menentang pucuk pimpinan parti dengan menghasut para perwakilan akan menghadapi kesulitan.

Dalam MCA, perhimpunan agung luar biasa boleh diminta oleh 800 orang perwakilan sahaja dan 800 orang ini boleh jadi datang daripada 10 bahagian parti yang besar-besar. Dengan itu, sesiapa yang ingin mendapatkan para perwakilan mengemukakan permintaan seperti itu mempunyai peluang kejayaan yang lebih besar daripada parti UMNO atau Gerakan.

Kerana peruntukan itulah pucuk pimpinan MCA sekarang ini menghadapi cabaran hebat. Hidup mati mereka dalam arena politik bergantung kepada nasib perhimpunan agung luar biasa Ahad depan, iaitu sama ada ia sah atau tidak menurut perlembagaan dan undang-undang am.

Mingguan Malaysia 22hb April, 1984

13. Lepas Perhimpunan Agung Luar Biasa, Apa lagi?

Dr. Ting Chew Peh

Akhirnya Perhimpunan Agung Luar Biasa MCA berlangsung dalam suasana aman tenteram pada 6hb. Mei, 1984. Perhimpunan itu, yang pertama kali dalam sejarah MCA dan diminta oleh seramai 1,499 orang perwakilan (dari jumlahnya seramai 2,523 orang), dan dihadiri oleh seramai 1,616 orang perwakilan, telah meluluskan beberapa ketetapan, di antaranya termasuk:

- Memulihkan keanggotaan 14 orang tokoh yang dipecat oleh Jawatankuasa Disiplin, dan memulihkan jawatan mereka dalam parti.
- Menubuhkan satu Jawatankuasa Khas untuk menyiasat isu anggota palsu. Jawatankuasa tersebut dipengerusi-kan oleh Datuk Lee Boon Peng dan terdiri daripada enam orang ahli.
- Menghentikan semua pemilihan cawangan dan bahagian yang dijadualkan berlangsung antara bulan Mac dan Mei tahun ini. Pemilihan yang telah berlangsung dalam tempoh tersebut dibatalkan. Semua pemilihan bahagian dan cawangan akan berlangsung dalam tempoh sebulan sebaik sahaja Jawatankuasa Khas menyelesaikan tugasnya.
- Membatalkan semua perlantikan yang dibuat oleh Pemangku Presiden atau Jawatankuasa Pusat, dan mengisytiharkannya sebagai tidak sah.
- Membatalkan semua pemecatan dan pembekuan yang dilakukan selepas 18 Mac, 1984 dan mengisytiharkannya sebagai tidak sah.
- Membekukan segala kuasa yang diberikan oleh artikel 127 Perlembagaan MCA sehingga pemilihan semua peringkat parti selesai.

Bagi tokoh-tokoh yang dipecat, yang diketuai oleh Tan Koon Swan, perlangsgungan perhimpunan itu merupakan satu langkah ke hadapan untuk menyelesaikan krisis yang melanda MCA sejak beberapa bulan dahulu. Namun, seperti yang dijangka, pucuk pimpinan MCA yang diwakili oleh 4 orang Menteri (Datuk Neo Yee Pan, Tan Sri Chong Hon Nyan, Datuk Mak Hon Kam dan Datuk Chin Hon Ngian) yang berkali-kali menegaskan bahawa perhimpunan agung luar biasa itu tidak sah dan bertentangan dengan perlembagaan MCA, tidak mengiktirafkan sebarang ketetapan yang dibuat dalam perhimpunan tersebut. Ini bererti, mulai sekarang, sudah seolah-olah muncul dua MCA – satu diketuai oleh Tan Koon Swan dan satu lagi dipimpin oleh Neo Yee Pan. Ini juga bermakna krisis MCA tidak berakhir dengan berlangsungnya perhimpunan agung luar biasa yang banyak menimbulkan percanggahan pendapat antara kedua-dua puak yang berselisih itu. Malah krisis itu kini memasuki satu tahap yang baru, yang barangkali lebih meruncing lagi.

Sejak awal-awal lagi, sudah wujud tanda-tanda bahawa pucuk pimpinan takut kepada perhimpunan agung luar biasa itu. Mula-mula mereka cuba menolaknya, dengan alasan perhimpunan itu tidak berbeza dengan usul tidak percaya terhadap pucuk pimpinan parti dan akan menghancurkan parti itu. Kemudian mereka menuduh ada di antara tandatangan petisyen untuk meminta perhimpunan agung itu palsu (walaupun setakat ini mereka belum lagi membuktikan tuduhan mereka).

Seterusnya mereka mengatakan sebarang perhimpunan agung luar biasa yang bukan dipanggil oleh Setiausaha Agung atau Jawatankuasa Pusat parti tidak sah di sisi perlembagaan parti. Mereka juga mengatakan perhimpunan agung luar biasa yang asalnya dijadualkan pada 29 April, 1984 telah dibatalkan oleh pihak polis dan oleh sebab itu perhimpunan yang ditangguhkan ke 6 Mei, 1984 itu tidak sah lagi.

Akhir-akhir ini pucuk pimpinan memberi hujah bahawa perhimpunan agung luar biasa itu tidak mempunyai kuasa perwakilan kerana "ahli-ahli yang memilih mereka tidak lagi menerima mereka sebagai perwakilan."

Sementara itu, tokoh-tokoh yang dipecat itu mendakwa

perhimpunan agung luar biasa itu dipanggil mengikut artikel 34.3 dalam perlembagaan MCA, yang mengatakan "perhimpunan agung luar biasa boleh diadakan sekiranya diminta secara bertulis oleh sekurang-kurangnya satu pertiga dari jumlah perwakilan."

Jika dibandingkan hujah kedua-dua pihak tentang sah atau tidak sahnya perhimpunan agung luar biasa itu, mengikut amalan lazim, ternyata apa yang dilakukan oleh 1,499 perwakilan itu adalah sah dari segi perlembagaan parti serta prinsip demokrasi. Sekali imbas hujah-hujah yang dikemukakan oleh pucuk pimpinan juga berasas. Namun jika diteliti satu persatu, didapati kesemuanya tidak meyakinkan dan sukar berdiri teguh. Malah hujah-hujah itu bertukar dari semasa ke semasa sehingga memberi impresi kepada orang ramai bahawa pucuk pimpinan sengaja ingin memutarbelitkan isu yang dipertikalkan dan sedaya upaya untuk mengelirukan ahli-ahli MCA.

Sebagai contoh, mula-mula pucuk pimpinan menolak perhimpunan agung luar biasa itu dengan alasan ia tidak dipanggil oleh Setiausaha Agung atau Presiden parti. Kemudian mereka menolak penangguhan perhimpunan itu kerana pihak polis telah tidak membenarkan berlangsungnya perhimpunan agung luar biasa yang asal itu. Akhirnya, mereka mengatakan bahawa para perwakilan yang menghadiri perhimpunan itu tidak ada kuasa perwakilan lagi.

Timbul persoalan di sini mengapa pucuk pimpinan terpaksa bertukar pendirian dan memberi pelbagai alasan untuk menolak perhimpunan agung luar biasa itu. Bukankah ini tanda seolah-olah mereka serba salah dan mengemukakan apa sahaja alasan yang terlintas di fikiran mereka? Sekiranya alasan yang mereka kemukakan pada peringkat awal itu berasas, baik di sisi perlembagaan parti maupun lunas-lunas demokrasi, maka mengapakah mereka perlu mengemukakan alasan-alasan yang lain, atau menambah alasan dari semasa ke semasa?

Inilah sesuatu yang tidak mudah difahami oleh ahli-ahli MCA biasa. Pada pandangan mereka, MCA adalah parti demokrasi. Sebagai parti demokrasi, suara majoriti ahli-ahlinya perlu diambil kira. Perhimpunan agung luar biasa, menurut mereka, merupakan salah satu saluran yang diperuntukkan

dalam perlembagaan parti bagi ahli-ahli mengutarakan pandangan mereka. Sebarang usaha untuk menghalang perhimpunan itu ditafsirkan sebagai tidak demokratik. Pemimpin-pemimpin yang tidak mahu menghadiri perhimpunan itu dianggap sebagai pengecut, tidak berani menghadapi kenyataan dan malah ada sesuatu yang hendak disembunyikan.

Pada hakikatnya menurut perlembagaan MCA, badan tertinggi parti itu ialah para perwakilan, bukan Jawatankuasa Pusat seperti yang didakwa oleh pucuk pimpinan sekarang. Jawatankuasa Pusat dipilih dan diberi kuasa oleh para perwakilan dalam perhimpunan agung. Para perwakilan berhak menarik balik atau membatalkan kuasa yang diberikan kepada Jawatankuasa Pusat itu.

Oleh kerana kedua-dua pihak yang terlibat dalam krisis itu mempunyai penafsiran yang berlainan terhadap perlembagaan parti, dan masing-masing tidak mahu bertolak ansur, maka berlangsungnya perhimpunan agung luar biasa itu nampaknya cuma memperhebatkan lagi krisis dan perbalahan kedua-dua pihak.

Pucuk pimpinan telah berulang kali mengatakan perhimpunan agung luar biasa itu tidak sah dan bertentangan dengan perlembagaan parti. Puak Tan Koon Swan pula menekankan betapa sahnya perhimpunan agung luar biasa yang baru diadakan itu dan menegaskan ketetapan yang dicapai itu akan disampaikan kepada pucuk pimpinan untuk dilaksanakan. Nampaknya kedua-dua pihak itu agak tegas dan jelas pendiriannya. Kedua-duanya tidak mahu berganjak dan mengalah. Keadaan ini akan membawa MCA ke jalan buntu, yang akhirnya tidak menguntungkan mana-mana pihak dalam perselisihan itu.

Memandangkan sifat krisis sekarang, harapan kedua-dua pihak mencapai persetujuan adalah tipis sekali. Bekas Presiden MCA Datuk Lee San Choon telah cuba mendamaikan kedua-dua pihak dalam bulan April lalu tetapi gagal.

Nampaknya kebuntuan, parti itu tidak juga dapat diselesaikan menerusi luns-lunas politik. Sekiranya laporan dua akhbar Cina tempatan yang terbesar, iaitu *Nanyang Siang Pau* dan

Sin Chew Jit Poh boleh dipercayai, maka ternyata bahawa sejumlah besar cawangan MCA (kira-kira 70% – 80%) tidak lagi menaruh kepercayaan terhadap pucuk pimpinan Datuk Neo. Lebih penting dari itu, tokoh-tokoh yang telah menyatakan rasa tidak puas terhadap pimpinan Datuk Neo termasuk:

1. 35 ahli Dewan Undangan Negeri (daripada jumlah seramai 54 orang).
2. 22 orang ahli Jawatankuasa Pusat Parti (daripada jumlah 34 orang).
3. 29 orang ahli Jawatankuasa Pusat Pemuda MCA (daripada jumlah 45 orang ahli).
4. 21 ahli Jawatankuasa Pusat Wanita MCA (daripada jumlah 27 orang ahli).
5. Kira-kira 1,600 orang perwakilan (daripada jumlah 2,523 orang).

Angka-angka di atas jelas menunjukkan majoriti daripada tokoh-tokoh dan ahli-ahli MCA tidak lagi yakin terhadap pimpinan Datuk Neo. Tetapi Datuk Neo nampaknya tidak menghiraukan kenyataan tersebut. Beliau telah berkali-kali menekankan pucuk pimpinan sekarang tidak berhajat meletakkan jawatan parti. Sementara itu, tindakan memecat ahli dan membekukan cawangan oleh pucuk pimpinan masih berterusan demi melemahkan pengaruh Tan Koon Swan. Tidak jelas jumlah cawangan yang telah dibeku setakat ini, meskipun puak Tan Koon Swan mendakwa lebih daripada 100 cawangan telah terkena.

Kini, apa yang jelas ialah makin ramai penyokong Tan Koon Swan telah diberhentikan keanggotaan parti, termasuk Speaker tetap MCA Datuk Wee Khoo Hock. Datuk Wee diberhentikan keanggotaan sebaik sahaja beliau selaku Speaker mengeluarkan notis mengesahkan bahawa perhimpunan agung luar biasa akan diadakan pada 29 April lalu.

Pada peringkat ini, ternyata pucuk pimpinan belum bersedia, dan tidak mahu pula mengalah. Sikap mereka cukup keras dan degil.

Setelah gagal menghalang perhimpunan agung luar biasa, pucuk pimpinan kini cuba mempercepatkan pemilihan pada peringkat bahagian parti demi melahirkan perwakilan baru bagi mengadakan perhimpunan agung khas nanti. Nampaknya mereka lebih yakin dengan perwakilan yang dijangka akan selesai dipilih pada 20 Mei, 1984. Barangkali inilah penyelesaian politik bagi mereka. Cuma apa yang dapat dipertikaikan nanti ialah sama ada perwakilan baru yang dipilih dalam peringkat ini sah atau tidak. Sebabnya pada peringkat ini isu keanggotaan palsu yang mencetuskan krisis parti belum beres dan pemecatan serta pembekuan masih berterusan.

Seandainya ikhtiar politik tidak dapat menyelesaikan krisis MCA, maka alternatif yang tinggal ialah proses undang-undang. Pertikaian MCA, jika dibawa ke mahkamah, pasti mendatangkan kesan yang tidak diingini. Pertama, kes mahkamah mungkin mengambil masa yang panjang dan dalam pada itu jentera parti tidak dapat bergerak langsung.

Kedua, dalam perbicaraan mahkamah nanti, ada kemungkinan besar berlaku tuduh-menuduh dan banyak hal yang menyentuh keperibadian tokoh-tokoh MCA akan terbongkar. Tentunya ini bukan apa yang diingini oleh para pemimpin MCA. Ia akan menjejaskan imej pemimpin-pemimpin yang berkenaan dan akhirnya imej seluruh parti.

Selain itu penyerahan pertikaian MCA ke mahkamah juga membawa implikasi ketidakmampuan pemimpin-pemimpin parti itu menyelesaikan masalah rumah tangga sesama sendiri. Maka timbul keraguan di kalangan ahli-ahli MCA, bagaimanakah dapat pemimpin-pemimpin mereka yang tidak mampu pun mengatasi konflik dalam parti, memperjuangkan kepentingan untuk seluruh komuniti. Keraguan demikian tidak semestinya berasas, tetapi sudah memadai untuk menjejaskan keyakinan para ahli terhadap pemimpin-pemimpin mereka.

Pada pandangan saya, cara yang sebaik-baiknya ialah krisis

MCA diselesaikan dalam parti itu sendiri — melalui lunas-lunas demokrasi yang diakui dan diterima umum, bukan dirujuk-kan ke mahkamah. Dalam hubungan ini, faktor yang cukup penting, yang perlu diberi perkiraan utama, ialah hasrat majoriti ahli-ahli parti itu. Sebabnya cukup ketara. Kekuatan sesebuah parti bukan berpunca dari para pemimpin (meskipun pimpinan yang baik turut memainkan peranan), tetapi datangnya dari sokongan ahli-ahli biasa. Pada analisa terakhirnya, ahli-ahli peringkat bawahlah yang menentukan nasib sesebuah parti. Merekalah yang menentukan nasib pemimpin-pemimpin parti. Inilah intipati demokrasi.

Bagaimana dapat kita mengukur hasrat dan kehendak ahli-ahli MCA pada peringkat *grassroots*? Menurut perlembagaan MCA, para perwakilan adalah suara *grassroots* (tiap-tiap orang perwakilan mewakili 100 orang ahli biasa). Berdasarkan prinsip itu, kedua-dua pihak yang bertikai itu tidak ada pilihan selain daripada mematuhi sebarang keputusan yang dibuat oleh para perwakilan itu. Kalau keputusan para perwakilan itu juga dipertikaikan, maka kemungkinan mengadakan satu *referendum* di kalangan semua ahli MCA perlu diberi perhatian berat. MCA adalah kepunyaan ahli-ahlinya. Dalam saat-saat yang genting, peluang perlu diberi kepada setiap ahli untuk menentukan nasib dan masa depan partinya.

Pemimpin-pemimpin yang tidak menghiraukan hasrat majoriti ahli parti akhir-akhirnya pasti ditolak. Bak kata seorang ahli falsafah Cina:

Hati rakyat laksana air. Air boleh mengapungkan perahu.
Air juga boleh menenggelamkan perahu.

Kata-kata ini sepatutnya direnungi bersama oleh semua pemimpin MCA.

Utusan Malaysia 14hb Mei, 1984

14. Krisis MCA 1984

Dr. Lee Kam Hing

123 - 139

Pemecatan 14 ahli MCA termasuk dua orang Naib Presiden dan lima ahli Jawatankuasa Pusat 19 Mac lalu memang mengemparkan. Antara mereka yang dipecat ialah Naib Presiden MCA, Encik Tan Koon Swan, yang seminggu sebelum itu masih menjadi Pengerusi Multi-Purpose Holdings Berhad (MPHB), sebuah syarikat tajaan MCA.

Turut dipecat ialah Ketua Pemuda MCA dan juga Naib Presiden parti Datuk Lee Kim Sai dan Datuk Ling Liong Sik, ahli Jawatankuasa Pusat. Datuk Lee Kim Sai dan Datuk Ling Liong Sik, sebelum dipecat adalah Timbalan Menteri dalam Kerajaan Persekutuan. Apa yang lebih penting dalam pemecatan ini ialah jangkakan umum bahawa Tan Koon Swan akan bertanding jawatan Presiden MCA dalam perhimpunan agung parti itu Julai ini.

Kesan pemecatan itu menyebabkan MCA menghadapi ketegangan dan perpecahan. Reaksi awal ialah bantahan daripada ahli dan cawangan-cawangan yang menyokong Tan Koon Swan dan ahli lain yang dipecat. Cara pemecatan itu dibuat nampaknya mendapat simpati dan muncul beberapa penyokong baru bagi Tan Koon Swan.

Hakikat ini terbukti, kerana seminggu selepas pemecatan itu, bantahan yang ditandatangani oleh 1,499 atau 62 peratus daripada ahli yang hadir dalam Perhimpunan Agung MCA yang lepas meminta diadakan perhimpunan agung luar biasa dihantar ke ibu pejabat MCA.

Laporan akhbar, terutamanya akhbar-akhbar berbahasa Cina, menunjukkan majoriti cawangan dan bahagian mahukan mereka yang dipecat diambil semula. Bagi Tan Koon Swan, sokongan kepadanya menggalakkan apabila 32 daripada 54 ahli Dewan Undangan Negeri MCA dan empat daripada 20 ahli Parlimennya mengeluarkan kenyataan menyokong perhimpunan agung luar biasa.

Pemangku Presiden, Datuk Dr Neo Yee Pan mendapat sokongan kebanyakan ahli Parlimen MCA dan juga menteri-menteri dari parti itu. Bagaimanapun, parti terpaksa membuang lebih daripada sedozen setiausaha eksekutif bahagian dan berpuluh-puluh pemimpin peringkat cawangan dan bahagian digantung. Tidak kurang daripada 68 bahagian parti itu juga digantung.

Waktu krisis parti memuncak, masyarakat Cina melahirkan perasaan bimbang yang mendalam terhadap keadaan yang semakin buruk itu. Pelbagai pertubuhan dan persatuan, khususnya Dewan-dewan Perniagaan Cina, mengadakan mesyuarat masing-masing dan rayuan serta desakan dikeluarkan agar kedua pihak menyelesaikan pertelingkahan mereka. Begitu juga dengan anggota parti yang tidak memihak, mengeluarkan kenyataan-kenyataan meminta bekas Presiden, Datuk Lee San Choon, menjadi orang tengah menamatkan krisis itu.

Jika kita bayangkan keadaan ini berlaku pada Umno tentunya ia lebih menarik dan menggemparkan. Bayangkanlah apa yang akan terjadi apabila dua Naib Presiden, seorang Ketua Pemuda dan hampir seperempat ahli Majlis Tertingginya dipecat daripada parti? Bagaimanapun, keadaan ini tidak mungkin berlaku dalam Umno kerana sejarahnya, strukturnya dan juga cara berpolitik orang Melayu berbeza dengan MCA. Jika pemecatan ini dialami oleh UMNO, bukan sahaja parti akan menghadapi krisis dahsyat, tapi masa depan negara ini juga akan berhadapan dengan ketidaktentuan politik yang teruk.

Oleh kerana peristiwa ini dialami oleh MCA, parti yang menjadi rakan terpenting dalam kerajaan campuran, ia tidaklah menimbulkan kekacauan politik yang teruk kepada Barisan Nasional dan setakat ini cuma komen yang remeh dan tidak begitu penting dikeluarkan oleh Umno.

Pemecatan 14 anggota MCA diumumkan oleh Pemangku Timbalan Presiden MCA, Datuk Mak Hon Kam, dalam sidang akhbar 19 Mac. Awal pagi itu, Neo Yee Pan menyingkirkan Tan Koon Swan daripada menjadi Pengerusi MCA Wilayah Persekutuan dan Lee Kim Sai daripada MCA Selangor.

Pemecatan itu dibuat waktu Jawatankuasa Pusat hangat membincangkan isu ahli-ahli palsu yang dibawa oleh Tan Koon Swan dan penyokong-penyokongnya. Mereka menuduh beribu-ribu ahli palsu didaftar dan bahagian-bahagian tertentu menokoktambahkan ahlinya secara ini.

Perkara ini dianggap penting oleh kumpulan Tan Koon Swan kerana dalam Perhimpunan Agung MCA yang akan datang, setiap 100 ahli MCA akan mendapat seorang perwakilan. Dengan itu timbullah tuduhan bahawa hampir 10 peratus daripada ahli MCA yang ada sekarang adalah ahli palsu.

Kumpulan Tan Koon Swan merasai Jawatankuasa Pusat MCA tidak bersedia menghadapi isu ini dengan itu mendesak diadakan perhimpunan agung luar biasa. Seramai 15 daripada 36 ahli Jawatankuasa Pusat MCA menandatangani surat mendesak perhimpunan itu diadakan. Dua daripadanya kemudian menarik diri.

Isu menyiasat ahli-ahli palsu ini bagaimanapun ditentang oleh Datuk Dr Neo Yee Pan yang mendapat sokongan pemimpin-pemimpin lama MCA seperti Tan Sri Chong Hon Nyan, Datuk Mak Hon Kam dan Datuk Chin Hon Ngian. Mereka mempertahankan yang isu itu adalah isu lama sejak 20 tahun lalu. Oleh itu cara menyelesaikannya mestilah melalui jentera parti yang ada sekarang bukan mewujudkan jentera parti yang baru. Terserahlah kepada cawangan-cawangan membuat laporan mengenai ahli palsu untuk membolehkan ibu pejabat MCA mengambil tindakan.

Bagaimanapun, krisis yang berlaku sekarang bukanlah berpunca daripada isu ahli palsu sahaja. Isu ini dan pemecatan 14 ahli MCA mestilah dilihat dalam konteks perebutan kuasa dalam MCA antara Neo Yee Pan dan Tan Koon Swan. Perebutan kuasa seperti ini pernah berlaku dalam parti itu sedikit masa dulu.

Kebanyakan ahli parti berharap perebutan kuasa yang sengit itu patut dielakkan, sebaliknya dibina kepemimpinan secara kolektif dan perubahan pucuk pimpinan dibuat secara aman seperti yang berlaku dalam Umno.

Neo Yee Pan dan Tan Koon Swan yang mewakili generasi baru pemimpin berbentuk teknokrat adalah diharapkan menjadi pemimpin MCA masa depan. Keduanya menunjukkan kesetiaan kepada Lee San Choon dan mempunyai pengaruh yang besar dalam parti. Tugas dan kedudukan mereka yang berbeza di anggap penting dalam membantu Lee San Choon mengekalkan jawatannya selepas MCA menghadapi krisis dengan Michael Chen tahun 1977 dan 1979. Mereka berdua juga dikatakan berjaya memulihkan imej MCA menjadi parti yang dihormati.

Lee San Choon mengambil alih pucuk pimpinan MCA tahun 1974 selepas parti itu kalah teruk dalam pilihanraya 1969 dan berpecah dalam krisis 1973. Beliau terpaksa menghadapi cabaran-cabaran dalam parti, terutamanya dalam pemilihan MCA tahun 1977 dan 1979.

Walaupun berhadapan dengan pelbagai cabaran, Lee San Choon berjaya membina semula MCA. Bukan sahaja perpaduan parti dapat diwujudkan, tapi sepanjang pimpinan beliau, MCA mula diyakini oleh masyarakat Cina. Lee San Choon mengumpulkan mereka yang berkelayakan tinggi dan ahli-ahli politik profesional untuk menasihati beliau. Kesannya beliau ditaati oleh golongan ini.

Lee San Choon juga membawa MCA cergas dalam soal-soal pelajaran, kebudayaan dan ekonomi. Lima projeknya termasuk Kolej Tunku Abdul Rahman, MPHB dan Pertubuhan Kebudayaan Cina Malaysia memberikan MCA landasan perjuangan dan kejayaan. Mereka juga mengambil banyak pemimpin teknokrat ke dalam parti untuk memperbaiki minat masyarakat Cina. Kesan langsung projek-projek ini membantu MCA menjadi parti yang dihormati.

Neo Yee Pan dan Tan Koon Swan bersama Lee San Choon dalam proses membangung semula MCA. Bekas pensyarah Fizik, Universiti Malaya, Neo Yee Pan yang bersama-sama menghadapi zaman keruncingan MCA 1969-73, kemudiannya muncul sebagai pejuang parti yang berkebolehan dan berpengalaman. Beliau terpilih menjadi ahli Jawatankuasa Pusat MCA tahun 1974 dan kemudiannya dilantik sebagai Setiausaha Agung Parti. Jawatan ini membolehkan beliau membantu

Lee San Choon menyatupadukan parti, terutamanya melalui pelaksanaan kuasa dan disiplin parti.

Tan Koon Swan dibawa oleh Lee San Choon tahun 1977 untuk membantu menguruskan MPH. Beliau yang mempunyai kedudukan dan dihormati di sektor koperat, adalah seorang kerani yang kemudiannya muncul sebagai jutawan yang menguasai Supreme Corporation. MPH berkembang pesat di bawah pengurusannya. Beliau kemudiannya membawa masuk tokoh yang sama latar belakangnya dengan beliau ke dalam MCA seperti Senator Kee Yong Wee.

Dalam masa yang singkat, MCA sudah memiliki imej yang menarik perhatian golongan muda dan masyarakat Cina yang berpendidikan. Melalui MPH, Tan Koon Swan menyeru usahawan-usahawan Cina memodenkan perniagaan mereka supaya tidak tercir dalam arus perubahan ekonomi serta memastikan penyertaan masyarakat Cina sejajar dengan konteks Dasar Ekonomi Baru.

Usaha-usaha MCA seperti inilah yang membantu parti itu mencapai kemenangan gemilang dalam pilihanraya 1982. MCA berjaya menembusi sebahagian besar kubu kuat DAP, kebanyakannya kawasan bandar di Perak, Pulau Pinang dan Selangor. Tan Koon Swan memenangi kerusi Damansara.

Sekiranya diberi pilihan, Lee San Choon lebih suka melambat-lambatkan menamai bakal penggantinya. Beliau sudah mampu berbuat demikian buat beberapa ketika. Apabila Michael Chen keluar MCA selepas kalah dalam pemilihan 1979, Datuk Richard Ho yang dipilih sebagai Timbalan Presiden dikekalkan. Beliau tidak begitu cergas dan pengaruhnya dalam MCA kurang. Kedudukan beliau ini tidak mengancam masa depan politik Lee San Choon. Dengan itu Richard Ho dibenarkan menjadi Timbalannya. Dengan menyimpan Richard Ho, walaupun ia bukan orangnya, bermakna Lee San Choon melambat-lambatkan menonjol bakal penggantinya, lagipun ketika itu usia beliau masih dalam lingkungan 40-an.

Bagaimanapun, pelbagai keputusan yang berlaku sekitar pilihanraya 1982 mengganggu keseimbangan parti dan barang-

kali juga menjadi punca kepada krisis sekarang. Dalam pilihan-raya itu, Lee San Choon membuat keputusan nekat meninggalkan Segamat untuk menyahut cabaran Pengerusi DAP, Dr Chen Man Hin, bertanding di Seremban.

Keputusan Lee San Choon itu bererti, mempertaruhkan masa depan politik beliau walaupun itulah cara berkesan menyahut cabaran DAP. Bagi menghalang Richard Ho mengambil tempatnya jika beliau kalah di Seremban, Lee San Choon terpaksa membuat persediaan awal dengan menyingkirkan Timbalan Presiden MCA itu daripada menjadi calon. Keputusan ini mengakhiri kerjaya politik Richard Ho dan beliau kemudiannya terus berundur daripada politik.

Keputusan Richard Ho menyebabkan jawatan Timbalan Presiden MCA kosong dan Lee San Choon boleh menonjolkan siapakah bakal penggantinya. Walaupun sejarah MCA menunjukkan Timbalan Presiden tidak semestinya menjadi Presiden, tapi dalam keadaan MCA ketika itu, sesiapa yang terpilih mempunyai kedudukan politik yang menguntungkan.

Pada September 1982, Lee San Choon melantik Neo Yee Pan menjadi pemangku timbalannya. Sebagai tolak ansur, Tan Koon Swan dilantik menjadi Naib Presiden. Keputusan itu tidaklah memmeranjatkan. Neo Yee Pan yang bersama Jawatankuasa Pusat MCA sejak 1974 adalah ahli lama dalam parti daripada Tan Koon Swan. Neo Yee Pan juga memegang jawatan dalam Kementerian. Waktu menjadi Setiausaha Agung parti itu, beliau mengawal jentera parti dan berpeluang mengukuhkan hubungan dengan ketua-ketua cawangan dan bahagian. Di bahagian pusat pula, beliau dapat mengekal dan dalam banyak hal mengukuhkan lagi hubungannya dengan ahli parti yang veteran. Ini menunjukkan pada masa itu, Neo Yee Pan mempunyai sokongan yang kuat di kalangan pemimpin pusat parti dan juga peringkat cawangan. Tan Koon Swan tidak mempunyai peluang seperti ini, malah pada pandangan umum Tan Koon Swan begitu terikat dengan MPH dan perniagaannya sendiri untuk menumpukan perhatian dalam politik.

Walaupun Tan Koon Swan kecewa dengan keadaan itu tetapi beliau dan pengikut-pengikutnya terpaksa menerima

keputusan itu dengan berat hati. Dari awal lagi mereka mahukan supaya jawatan itu dipenuhi melalui pemilihan. Oleh kerana ketika itu Lee San Choon masih cergas dalam politik, mereka fikir tentulah perubahan kepemimpinan MCA tidak menjadi persoalan lagi.

Ketokohan Tan Koon Swan dalam MCA menonjol begitu cepat. Sekiranya diberi masa yang lebih lama, pengikut-pengikutnya berpendapat Tan Koon Swan boleh memperbaiki kedudukannya dan kemudian berjuang mengambil alih pucuk pimpinan parti.

Mac 1983, Lee San Choon mengumumkan persaraannya dari politik. Penarikan diri yang tidak disangka dan tidak dapat dijelaskan oleh pucuk pimpinan parti itu memaksa penggantian pucuk pimpinan MCA ditimbulkan, walaupun kebanyakan anggota MCA belum bersedia menghadapi masalah itu. Neo Yee Pan, yang baru sahaja dilantik sebagai Pemangku Timbalan Presiden beralih pula menjadi Pemangku Presiden. Keadaan ini menyulitkan lagi kedudukan politik Tan Koon Swan kerana Neo Yee Pan kini boleh menggunakan kuasanya sebagai Presiden.

Kemungkinan kerjasama atau penyatuan antara kedua mereka terus menjadi gelap apabila Neo Yee Pan melantik Mak Hon Kam menjadi Pemangku Timbalan Presiden. Mak Hon Kam adalah orang lama dalam parti dan telah mengetuai MCA Perak yang menghantar perwakilan paling ramai ke Perhimpunan Agung MCA. Sekarang kemungkinan pertandingan dengan Tan Koon Swan, sokongan daripada Mak Hon Kam amatlah penting. Mak mempunyai gaya yang hampir sama dengan Neo Yee Pan dan berpengalaman dalam pentadbiran parti dan politik. Neo Yee Pan dan Mak Hon Kam mempunyai hubungan yang erat sejak 1970-an. Kenaikan Neo dan perlantikan Mak Hon Kam menjelaskan lagi garis pemisah politik MCA.

Dari mula lagi memang diketahui Neo Yee Pan akan menghadapi masalah kepemimpinan. Dalam beberapa bulan pertama selepas mengambil alih pucuk pimpinan, MCA kehilangan dua kawasan Parlimen iaitu Raub dan Seremban dalam pilihanraya kecil. Pilihanraya itu dalam beberapa hal

memang diketahui susah untuk dimenangi tetapi ramai ahli yang menyalahkan Neo Yee Pan. Ramai ahli yang mula menganggap Datuk Neo tidak berkewibawaan untuk menjadi pemimpin masyarakat Cina. Pelbagai tuduhan dibuat bahawa isu-isu penting yang membabitkan parti dan masyarakat Cina jarang dibincangkan oleh Jawatankuasa Pusat dan dengan itu Neo Yee Pan tidak boleh menjadi wakil masyarakat Cina yang berkesan dalam Kerajaan Barisan Nasional. Oleh itu, setengah-setengah pihak dalam MCA percaya Neo Yee Pan adalah pemimpin sementara saja. Dia perlu ditentang untuk memilih pemimpin yang baru dalam perhimpunan agung parti nanti.

Tetapi ada juga yang menjangka Neo Yee Pan akan kekal dalam jawatannya dengan alasan beliau adalah tokoh yang terpilih menggantikan Lee San Choon dan jika diberikan masa, beliau akan membuktikan kepemimpinannya. Mereka juga melihat kelemahan Tan Koon Swan kerana beliau cergas dalam perniagaan sedangkan bagi mereka, politik dan perniagaan tidak boleh dicampur-aduk. Tan Koon Swan dinasihatkan supaya menumpukan tanggungjawabnya kepada MPH B dan meninggalkan parti itu kepada Neo Yee Pan.

Bagaimanapun, ketokohnya dalam perniagaan juga dipersoalkan apabila penyokong setia Neo Yee Pan, Senator Lim Kean Siew menuduh kemajuan MPH B tidak seperti yang diharapkan. MPH B bukan sahaja tapak berorganisasi bagi Tan Koon Swan tetapi juga melambangkan sumbangan, kejayaan dan pengaruhnya dalam parti.

Dalam keadaan sekarang, ramai pemerhati MCA percaya pertandingan antara Neo Yee Pan dan Tan Koon Swan, akan menguntungkan Neo Yee Pan. Pertandingan itu mungkin menyakitkan dan keputusannya mungkin memecahkan parti. Tapi yang ditakutkan ialah seperti yang berlaku sebelum ini, iaitu mereka yang kalah akan meninggalkan parti atau dipaksa berhenti, manakala yang kekal pula rela kehilangan Neo Yee Pan atau Tan Koon Swan.

Semakin ramai ahli lama MCA yang bercakap mengenai kerjasama atau tolak ansur. Bagaimanapun perkara ini sukar

dibuat. Keduanya dalam lingkungan umur yang sama (Neo, 46 dan Tan Koon Swan, 43) dan tidak akan berlaku salah seorang menjadi timbalan kepada seorang lagi. Tambahan pula, Neo Yee Pan dan Tan Koon Swan berbeza dari segi sikap dan gaya. Memandangkan seorang Presiden mempunyai kuasa yang banyak, maka kedudukan Timbalan dari segi politiknya tidak bermakna jadi tentulah ini bukannya cara untuk bertolak ansur.

Keadaan menjadi bertambah buruk kerana beberapa perkembangan yang kerap ditimbulkan sekarang tidak membantu ke arah tolak ansur, umpamanya isu ahli palsu. Penyokong Tan Koon Swan mahukan supaya senarai induk ahli-ahli diperiksa untuk mendedahkan siapakah petualangnya. Bagaimanapun Neo Yee Pan dan penyokongnya mempertahankan bahawa hanya cawangan sahaja yang akan diberikan senarai nama itu.

Kedua pihak muda menuduh antara satu sama lain kononnya ada tujuan-tujuan yang dirancang. Penyokong Tan Koon Swan mendakwa ahli-ahli palsu itu diadakan bagi menambahkan lagi perwakilan di peringkat cawangan yang menyokong Neo Yee Pan. Bagi penyokong-penyokong Neo Yee Pan pula, mereka mendakwa masalah itu adalah masalah lama dan Koon Swan sengaja menjadikannya satu isu untuk mempersendakan pemimpin-pemimpin parti dan memalukan parti kepada umum.

Perkembangan yang kedua muncul apabila akhbar *Sin Chew Jit Poh* sebuah akhbar yang mempunyai edaran yang tinggi dan berpengaruh, berterusan membuat tinjauan pendapat umum bagi mengukur sokongan kepada kedua tokoh itu. Bagaimanapun undian yang diterima menunjukkan Tan Koon Swan mendahului dengan sokongan terbanyak. Ini mungkin meyakinkan lagi penyokong Tan Koon Swan yang tokoh mereka mempunyai peluang yang baik, kerana jentera pentadbirannya yang tersusun dan penyokong yang setia dan berkebolehan itu masih belum bergerak cergas lagi.

Seminggu sebelum 14 orang ahli itu dipecat, Tan Koon Swan mengumumkan beliau melepaskan jawatan Pengerusi MPBH dan disahkan Lee San Choon akan menggantinya. Penyokong Neo Yee Pan resah mendengar pengumuman itu. Pertama, kerana ini menunjukkan Tan Koon Swan benar-

benar mahu melepaskan semua kekusutan yang ada dan menumpukan sepenuh perhatian berjuang menduduki pucuk pimpinan parti seperti yang dikehendaki oleh pencabarnya. Kedua, pengesahan Lee San Choon bekas Presiden itu sebagai Pengerusi MPH di dianggap oleh penyokong Tan Koon Swan sebagai menyokong langkah pemimpin mereka.

Pemecatan seperti ini bukanlah perkara baru dalam MCA. Ini adalah kali keempat. Pertama pada 1959, kedua 1973 dan ketiga tahun 1979. Persengketaan seperti ini seringkali berakhir dengan perletakan jawatan beramai-ramai atau digantung. Tetapi pemecatan kali ini adalah yang paling teruk kerana ia membabitkan ramai pemimpin lama dalam parti dan pemimpin bahagian sedangkan pucuk pimpinan parti belum lagi disahkan jawatan mereka.

Setiap krisis timbul dari pelbagai isu tetapi penyelesaiannya meninggalkan tanda kepada parti yang akan menjadi punca kepada krisis yang akan datang. Ini menunjukkan seolah-olah ciri-ciri parti itu dan kedudukannya dalam politik Malaysia berkecenderungan ke arah perpecahan yang teruk dan membawa kepada kekecohan yang berterusan.

MCA perlu mewakili masyarakat yang masih mempunyai perbezaan dari segi dialek, pelajaran, kota dan desa, ekonomi dan politik. Parti yang ditubuhkan pada 1949 itu dulunya adalah sebuah badan kebajikan membantu mereka yang ingin berpindah ke kampung baru di bawah skim penempatan semula. Ia kemudiannya menceburi politik dan membantu Umno menubuh parti Perikatan. MCA mewakili masyarakat Cina yang percaya bahawa perhubungan erat dengan Umno diperlukan. Tetapi dalam MCA sendiri masih ada beberapa perbezaan seperti yang ada dalam masyarakat Cina. Pemimpinnya menghadapi tanggungjawab yang berat untuk memenuhi keperluan dan permintaan yang berbeza. Mereka sedar setengah daripada permintaan ini sukar dibincangkan dengan Umno. Kesukaran pemimpin MCA mengekalkan perseimbangan dalam parti ketika itulah menyebabkan krisis pertama bermula.

Bagaimanapun percaturan politik Umno adalah faktor utama krisis pertama MCA 1959. Presiden baru MCA, Dr Lim

Chong Eu menulis surat kepada Tunku Abdul Rahman mengenai kedudukan kerusi pilihanraya Parlimen tahun itu dan juga meminta dikaji semula Dasar Pelajaran Kebangsaan. Surat itu juga diserahkan kepada akhbar. Dalam jawapannya, Tunku secara tidak langsung menunjukkan bahawa beliau tidak begitu gembira dengan pucuk pimpinan MCA. Parti itu mulai berpecah. Isu mendapatkan kerjasama dengan Umno berterusan dan perkara ini selalu menjadi perkara utama kepada MCA. Dr Lim Chong Eu tidak mendapat sokongan penuh parti dan mengambil keputusan meletakkan jawatan. Ia kemudiannya digantikan oleh Tan Siew Sin yang rapat dengan Tunku.

Sejak itu, Umno tidaklah begitu perlu menunjukkan pilihanraya dalam pemilihan pemimpin MCA. Ini adalah kerana pemimpin-pemimpin MCA selepas itu mengakui had-had permintaan politik dalam kerajaan campuran dan memahami perkara-perkara yang boleh meretakkan perhubungannya dengan Umno. Dengan itulah pengharapan politik dan desakan antara puak-puak dalam MCA ketika itu tidak banyak perbezaannya.

Satu pihak mungkin menuduh pihak yang lain tidak begitu tegas bila berhadapan dengan Umno. Pernah berlaku apabila Umno berasa tidak senang dengan gelagat MCA atau sebahagian penyokong dalam parti itu, ia menggunakan cara halus tetapi berjaya menunjukkan kebimbangannya. Bolehlah dikatakan, jika Umno ingin memihak dalam pertelagahan MCA, tentulah ia memilih pemimpin yang sudah mantap untuk mengelak perubahan yang tidak boleh dipastikan dan kemungkinan ketidakstabilan.

Tun Tan Siew Sin mempunyai hubungan erat dengan Tunku. Banyak lagi ahli dan tokoh MCA ketika itu memiliki pandangan dan gaya yang sama dengan Tun Tan Siew Sin dan ini membantu beliau mengukuhkan perpaduan parti. Dengan itulah dari tahun 1960 hingga awal 1973 Tun Tan Siew Sin kurang menghadapi cabaran dari pemimpin-pemimpin parti dan ketika inilah MCA muncul sebagai parti yang stabil.

Mereka yang tidak setuju dengan pendekatan Tun Tan Siew Sin memasuki parti pembangkang seperti Parti Progresif

Rakyat atau Parti Demokratik Bersatu yang ditubuhkan oleh Dr Lim Chong Eu.

Bagaimanapun setengah pihak melihat kestabilan itu sebagai zaman statik atau kemerosotan, kerana MCA kehilangan tokoh yang dinamik dan bertenaga. Krisis 1959 melemahkan MCA dan pengaruhnya dalam Parti campuran pemerintah merosot. Jumlah pengundinya juga merosot kerana parti pembangkang terbukti menarik minat ramai kaum Cina.

Bagi mengatasi keadaan ini Tun Tan menjalankan dua langkah. Pertama, beliau menjemput kaum Cina dari golongan terpelajar dan ikhtisas memasuki MCA dan mengamanahkan mereka dengan tanggungjawab parti. Langkah ini bertujuan memulihkan imej parti yang selama ini dianggap dikuasai oleh golongan perniagaan dan tauke.

Dalam tahun 1968, Tun Tan menubuhkan kumpulan Maju Ward yang disertai oleh golongan ikhtisas dan akademik seperti Neo Yee Pan dan Datuk Lew Sip Hon. Parti bukan sahaja memerlukan pemimpin yang berpengaruh di kalangan masyarakat Cina bawahan, tetapi juga mereka yang boleh berunding dengan golongan birokrat atau Umno. Selepas kekalahan teruk pilihanraya 1969, Tun Tan sekali lagi membawa ahli baru seperti doktor dan peguam dengan tujuan menyediakan kepemimpinan baru. Antara mereka yang menganggotai parti dalam tahun 1971 ialah Dr Lim Kheng Yaik, Datuk Paul Leong, Dr Tan Tiong Hong dan Alex Lee.

Langkah kedua, Tun Tan berjaya meminda perlembagaan parti yang memberi kuasa yang lebih kepadanya. Dengan pindaan itu, beliau boleh memecat ahli atau menggantung cawangan-cawangan, kerana rayuan tidak boleh dikemukakan. Ia juga memberi kuasa kepadanya melantik Pengerusi-pengerusi Jawatankuasa Perhubungan, yang dahulunya dipilih.

Pindaan itu mempunyai erti yang besar. Tun Tan berkehendakkan mereka supaya membuat pembaharuan ke atas parti dengan menggantikan pemimpin tempatan yang tidak berkesan, khususnya mereka yang menguasai jentera parti melalui kedudukan ekonomi. Dengan kuasa baru itu Tun Tan

melantik Dr Lim Kheng Yaik dan Paul Leong meneraju MCA di Perak kerana di negeri itu MCA kalah teruk dalam pilihanraya 1969. Semua ahli Parlimennya, termasuk pemimpin kanannya seperti Dr Lim Swee Aun dan Dr Ng Kam Poh tewas.

Dua langkah yang diperkenalkan oleh Tun Tan sering terus digunakan beberapa tahun berikutnya. Tetapi anehnya, dalam menggunakan pemimpin baru itu untuk mengukuhkan parti, sebaliknya wujud ketegangan dan perpecahan.

Langkah menambahkan ahli-ahli dan menanam semangat baru dalam kepimpinan MCA bagi mengukuhkan kedudukan parti itu sentiasa menghadapi kesulitan. Menaikkan pemimpin baru akan menimbulkan keresahan pemimpin lama. Lagipun pemimpin baru tidaklah semudah dan secepat itu untuk menyerap dalam aliran politik parti.

Bagaimanapun, dalam masa yang singkat kumpulan kepimpinan baru ini menjadi tumpuan bukan sahaja penyokong mereka, malah ahli-ahli parti yang berpecah belah. Setengah mereka mempunyai semangat dan pandangan yang baru, oleh itu dalam masa yang singkat mengadakan pembaharuan yang lebih meluas daripada yang dilakukan sebelumnya.

Inilah keadaan yang berlaku dalam tahun 1973. Dr Lim Kheng Yaik dan Paul Leong menjadi tumpuan ramai ahli yang mahukan perubahan dalam parti. Tun Tan Siew Sin yang pada mulanya menyokong pemimpin baru itu dan menggalakkan mereka bergiat terutama di Perak, di mana Dr Lim Kheng Yaik berjaya menarik ramai penyokong dari kampung-kampung baru, kemudiannya membuat keputusan memperlahankan perubahan kerana ia mengancam kedudukannya sendiri.

Gesaan supaya masyarakat Cina bersatu dan mahukan pembaharuan dalam parti, menjadi begitu popular ketika itu. Ramai anggota kanan MCA seperti Lee San Choon kemudian memujuk Tun Tan supaya menyingkirkan Dr Lim Kheng Yaik dan penyokongnya kerana mereka mengancam keutuhan parti. Pujukan ini kemudiannya dilaksanakan.

Awal tahun 1974 Tun Tan bersara daripada parti kerana kesihatan dan juga disebabkan krisis dalam parti. Lee San Choon mengambil alih. Bagaimanapun pemecatan pemimpin pergerakan perpaduan Cina itu tidak dapat menyelesaikan perselisihan dan perpecahan yang teruk dalam parti.

Meskipun Lee San Choon mengambil langkah memper-teguh kedudukannya, kumpulan yang bersimpati dengan Dr Lim Kheng Yaik atau mereka yang tidak berpuas hati dengan Lee San Choon kerana menonjolkan ramai pemimpin dari golongannya, mula mendapatkan Michael Chen sebagai gantian. Satu kekuatan baru muncul dalam parti dan apabila Lee San Choon membuat keputusan meletakkan Tan Sri Chong Hon Nyan sebagai Timbalannya pada tahun 1977, Michael Chen sudah pun mendapat sokongan yang kuat untuk bertanding bagi jawatan itu.

Hakikat bahawa Michael Chen menang dengan mudah, menggambarkan kesukaran-kesukaran yang dihadapi oleh Lee San Choon ketika itu. Berikutan itu, Lee San Choon menumpukan masanya kepada pelbagai projek parti seperti menubuhkan MPH, meluaskan kolej Tunku Abdul Rahman (Tar) dan membina ibu pejabat parti di Jalan Ampang.

Dalam tahun 1979, Michael Chen merasakan beliau perlu menentang Lee San Choon sama ada untuk memimpin atau terus diasingkan dari parti. Dalam pilihanraya tahun 1978, hampir semua calon MCA adalah kumpulan Lee San Choon. Dalam pilihanraya parti, Lee San Choon menang. Tetapi ia adalah kempen yang pahit.

Pada hakikatnya, meskipun Lee San Choon meningkatkan kawalan jentera parti dan kedudukan orang-orangnya dalam jawatan penting, Michael Chen berjaya mendapatkan beberapa ratus perwakilan untuk mengundinya. Datuk Richard Ho, bekas anggota DAP, yang secara terbuka menyokong Michael Chen, memenangi perebutan bagi jawatan Timbalan Presiden.

Kuasa Presiden adalah faktor menyebabkan kemenangan Lee San Choon. Beliau menggunakan kuasa pemecatan secara bijaksana. Selepas pengalaman 1973, ahli-ahli MCA menjadi

biasa dengan keadaan memecat dan menggantung. Lagipun mereka yang dipecat oleh Lee San Choon bukan tokoh utama dalam MCA.

Dalam tahun 1976, Lee San Choon memecat Setiausaha Politik Lee Siow Yew dan menggantung cawangan Sungei Besi. Dalam tahun 1979, 61 ahli pro Michael Chen dipecat tetapi ini dilakukan selepas pemilihan parti. Pemecatan ini melemahkan penentang-penentang Lee San Choon tanpa menjejaskan parti.

Penyokong-penyokong Michael Chen yang tinggal dapat membaca keadaan itu dan akhirnya meninggalkan MCA untuk memasuki Parti Gerakan.

Bila Michael Chen dan orang-orangnya menganggotai Gerakan, beliau melakukan apa yang dibuat oleh Dr Lim Kheng Yaik dalam tahun 1973. Ini menjadikan Gerakan sebagai parti yang dianggotai oleh tiga aliran yang kalah akibat perselisihan – masing-masing mewakili tiga krisis sebelumnya.

Hakikat bahawa pemimpinnya adalah bekas pemimpin MCA dan mahu menjadi perwakilan masyarakat Cina dalam kerajaan, maka hubungan Gerakan dengan MCA akan berlalu dalam keadaan pertentangan dan penuh kesulitan. Keduanya mahukan sokongan dari kawasan pilihanraya yang sama dan bertanding bagi kerusi parlimen yang terhad.

Dengan itulah MCA terpaksa bersaing dengan DAP dalam pilihanraya dan berhadapan dengan Gerakan dalam Barisan Nasional (BN).

Meskipun tidak sepenuhnya mendapat penghargaan masyarakat terhadap perjuangannya masa lalu, tetapi krisis-krisis MCA termasuk baru-baru ini begitu menarik perhatian dan kebimbangan masyarakat Cina di negeri ini.

Ini membuktikan MCA masih dianggap parti masyarakat Cina dalam kerajaan dan apa yang berlaku dalam parti mempunyai kesan langsung ke atas kepentingan mereka.

Barangkali berikutan kesedaran ini kebanyakan kaum Cina akan menganggotai MCA terlebih dahulu bila mereka membuat keputusan bergiat cergas dalam politik.

Sekali lagi sentimen yang sama menjadikan tumpuan akhbar Cina, persatuan perdagangan, badan pelajaran dan Dewan Perniagaan dan Perusahaan Cina, menyatakan pandangan dan kegelisahan mereka setiap kali wujudnya krisis. Nampaknya sudah ditakdirkan bagi MCA, bahawa masyarakat Cina keseluruhannya menunjukkan minat dan kebimbangan hanya ketika parti mengalami tempoh kekecohan.

Meskipun begitu, wujud pandangan umum yang sinis di kalangan masyarakat Cina terhadap MCA. Masalah-masalah parti yang tidak pernah habis, nampaknya mengesahkan banyak pandangan bahawa MCA adalah terlalu lemah dan berpecah, parti itu dikawal oleh hanya beberapa orang di peringkat atas menerusi perlembagaan parti yang banyak memberi kuasa kepada Presiden.

Parti itu tidak boleh membuat pembaharuan dan tidak bersedia menempatkan kepentingan dan pelbagai pandangan lain. MCA, kata mereka, tidak berkeupayaan kerana setakat ini ia memaparkan tidak ada tolak ansur antara kumpulan dan tidak ada kata sepakat politik sebagaimana yang berlaku dalam Umno.

Nampaknya, walaupun ramai ahli baru menganggotai MCA dan mencuba pelbagai perubahan, tetapi ahli-ahli baru inilah yang akhirnya akan berundur memasuki Gerakan atau DAP.

Barangkali pembahagian dalam masyarakat Cina terlalu banyak sedangkan hanya sedikit institusi yang melambangkan perpaduan Cina. Atau pengalaman politik masyarakat Cina sebelum dan selepas perang yang mengasaskan perbezaan politik yang luas sehingga menjadi penghalang kepada permuafakatan politik.

Kejadian-kejadian dalam MCA menerukkan keadaan ini lagi. Kuasa untuk memecat atau menggantung ahli tanpa alasan digunakan untuk menyelesaikan masalah parti nampaknya digunakan begitu mudah seperti membedah membuang punca yang tidak diingininya, daripada berunding mencari jalan penyelesaian. Politik bertolak ansur dan bermuafakat memerlukan pemimpin yang memahami dan memenuhi permintaan dan kepentingan semua pihak dan MCA tidak mempunyai sumber-sumber yang cukup atau pengaruh untuk melakukannya.

Berita Harian 24hb & 25hb Mac, 1984

15. Bolehkah Kedua-dua Puak MCA Berbaik Semula?

Dr. Ting Chew Peh

Kemuncak demi Kemuncak. Demikianlah sifat krisis MCA. Pertikaian dan pergolakan dalam MCA mula menjadi ketara pada 17 Mac lalu apabila 15 ahli Jawatankuasa Pusat parti itu mengemukakan permintaan untuk mengadakan perhimpunan agung luar biasa pada 22 April, 1984.

Dua hari kemudian, pada 19 Mac, 1984 Jawatankuasa Disiplin MCA memecat 14 tokoh, termasuk dua orang Naib Presiden dan lima orang Jawatankuasa Pusat. Tindakan tersebut memeranjatkan seluruh masyarakat Cina dan 19 Mac telah disifatkan oleh ramai ahli MCA sebagai "hari matinya demokrasi MCA."

Tidak ada sebarang sebabnya yang meyakinkan diberikan untuk tindakan pemecatan tersebut, melainkan dikatakan mereka melanggar disiplin parti. Tetapi pemerhati politik berpendapat pemecatan itu bertujuan melumpuhkan pengaruh Tan Koon Swan yang diberitakan akan mencabar Datuk Neo Yee Pan untuk merebut jawatan Presiden dalam pemilihan parti yang dijadualkan berlangsung dalam bulan Julai ini.

Barangkali Datuk Neo dan rakan-rakan sepejuangannya tidak menduga begitu besar implikasi dan kesan tindakan pemecatan itu. Mereka juga tidak menjangka pemecatan Tan Koon Swan dan 13 tokoh yang lain boleh membangkitkan rasa simpati yang begitu luas terhadap tokoh-tokoh yang dipecat itu. Dalam tempoh 48 jam, seramai 1,499 orang perwakilan telah menandatangani satu petisyen meminta supaya satu perhimpunan agung luar biasa diadakan pada 29 April, 1984. Disebabkan dua perhimpunan agung luar biasa diminta oleh penyokong-penyokong Tan Koon Swan, maka yang dijadual berlangsung pada 22 April itu ditarik balik.

Kemudian muncul bekas Presiden MCA, Datuk Lee San Choon sebagai pendamai – setelah berkali-kali diundang oleh kedua-dua pihak yang bertikai itu. Masyarakat Cina amnya

dan ahli-ahli MCA khasnya menaruh penuh harapan pada Datuk Lee, kerana beliau yang masih besar pengaruhnya dalam parti dan rapat hubungannya dengan kedua-dua pihak yang berselisih itu.

Malangnya usaha untuk mencapai satu penyelesaian tidak berjaya. Pada 23 April, 1984, beliau secara rasmi mengumumkan kegagalan usahanya dalam satu sidang akhbar. Dalam sidang akhbar itu, Datuk Lee juga menyeru kepada para perwakilan supaya menghadiri perhimpunan agung luar biasa. Pada pandangan beliau, perhimpunan agung luar biasa merupakan saluran yang sesuai untuk menyelesaikan krisis MCA.

Usaha Datuk Lee untuk mencari penyelesaian krisis MCA nampaknya tidak disanjung tinggi oleh pucuk pimpinan parti itu. Sebaik sahaja beliau mengumumkan kegagalan usahanya, beliau telah dikritik oleh pucuk pimpinan parti — keempat-empat Menteri MCA, yang juga merupakan bekas rakan sejawatnya. Dalam satu kenyataan bersama, keempat-empat orang Menteri MCA itu menuduh Datuk Lee cuba mencari peluang menguasai semula MCA melalui usaha pendamaian.

Tuduhan itu, menurut analisa pemerhati politik, tidak ada asasnya. Kata mereka, sekiranya Datuk Lee benar-benar ingin kembali untuk memimpin MCA, memandangkan imej dan pengaruhnya di kalangan ahli-ahli parti itu, masih tidak ada sesiapa yang boleh menghalangnya, termasuk keempat-empat orang Menteri itu. Tambahan pula, jika beliau masih tertarik dengan pimpinan dalam MCA, maka mengapakah beliau meletakkan jawatan tahun lalu?

Perhimpunan agung luar biasa yang dijangka berlangsung pada 29 April lalu tidak dapat diadakan akibat dari campur tangan pihak polis. Sebabnya pada tarikh dan waktu yang sama, Datuk Neo Yee Pin juga mencadang mengadakan satu perhimpunan raksaksa di ibu pejabat MCA. Penyokong-penyokong Datuk Neo juga menempah beberapa bilik yang berdekatan dengan dewan di mana perhimpunan agung luar biasa dijadual diadakan. Pihak polis mengharamkan kedua-dua perhimpunan atas sebab keselamatan dan ketenteraman awam.

Bagi penyokong-penyokong Datuk Neo, pembatalan perhimpunan agung luar biasa cukup menggembirakan. Tindakan polis ditafsirkan oleh mereka sebagai tanda bahawa kerajaan lebih memihak Datuk Neo.

Bagi puak Tan Koon Swan pula, pembatalan polis itu merupakan satu tamparan yang agak hebat, kerana perhimpunan agung luar biasa menjadi satu-satunya asas mereka meneruskan perjuangan mereka.

Di luar dugaan orang ramai serta penyokong-penyokong Datuk Neo, peguam puak Tan Koon Swan mengumumkan bahawa perhimpunan agung luar biasa yang tidak dapat diadakan itu ditangguhkan ke 6 Mei, 1984. Juga di luar dugaan puak Datuk Neo, akibat dari tindakan pembatalan oleh polis, seramai 1,580 orang perwakilan yang pada asalnya ingin menghadiri perhimpunan agung luar biasa itu berjaya mengadakan satu perhimpunan di sebuah hotel yang berdekatan.

Dalam perhimpunan "sarapan" yang secara tidak formal itu, para hadirin meluluskan usul untuk melucutkan jawatan Datuk Neo dalam parti dan memulihkan keanggotaan semua ahli yang telah dipecat serta menghidupkan semua cawangan yang dibeku. Mereka juga memutuskan supaya ahli Parlimen dan ahli Dewan Undangan Negeri yang menyokong Tan Koon Swan – seramai 43 orang – bertemu dengan Perdana Menteri, Dr. Mahathir untuk menerangkan keadaan sebenar dalam MCA.

Akhirnya perhimpunan agung luar biasa berlansung pada 6 Mei 1984, seminggu selepas ia diharamkan oleh pihak polis. Di antara beberapa ketetapan yang diluluskan termasuk memulihkan keanggotaan dan jawatan ahli-ahli yang dipecat, menubuhkan Jawatankuasa Khas untuk menyiasat isu anggota palsu, menarik balik kuasa Jawatankuasa Pusat dan menghentikan kuasa Jawatankuasa Disiplin.

Seperti yang diduga, segala ketetapan yang diluluskan dalam perhimpunan agung luar biasa itu tidak diiktiraf oleh pucuk pimpinan MCA. Mereka berhujah bahawa perhimpunan itu tidak sah.

Dalam keadaan demikian – di mana kedua-dua pihak mahu menang – maka tidak hairanlah pihak Koon Swan membawa perselisihan parti itu ke mahkamah beberapa hari selepas perlanggaran perhimpunan agung luar biasa itu .

Antara perkara-perkara yang diminta oleh puak Koon Swan ialah supaya Mahkamah mengeluarkan perintah sementara membeku pemilihan bahagian MCA, dan mengisytiharkan perhimpunan agung luar biasa yang diadakan pada 6 Mei itu sah, dan melaksanakan ketetapan perhimpunan itu.

Menurut puak Koon Swan, tindakan undang-undang tersebut terpaksa diambil dan ia cuma merupakan satu permulaan dalam siri tindakan undang-undang yang akan diambil untuk memastikan ketetapan perhimpunan agung luar biasa dapat dilaksanakan.

Nampaknya puak Koon Swan sudah memenangi pusingan pertama dalam tindakan undang-undang mereka apabila mahkamah di Kuala Lumpur mengeluarkan perintah sementara pada 18 Mei lalu untuk menghalang

- semua pemilihan bahagian MCA, dan
- pemilihan dalam Perhimpunan Agung MCA yang ke-32 atau sebarang perhimpunan agung.

Bagi puak Koon Swan, kemenangan pusingan pertama itu memang satu galakan dalam perjuangan mereka. Ia bukan matlamat yang terakhir. Matlamat mereka yang terakhir, yang lebih penting, ialah perhimpunan agung luar biasa itu diisytiharkan sah oleh mahkamah.

Kes tersebut barangkali sukar diselesaikan dalam tempoh yang singkat. Menurut pakar-pakar undang-undang, pucuk pimpinan MCA berhak membuat rayuan dalam masa sebulan sekiranya mereka tidak puas hati terhadap keputusan mahkamah pada 18 Mei lalu tentang perintah sementara itu. Sekiranya rayuan dikemukakan, maka mahkamah terpaksa mengendalikan rayuan itu sebelum memulakan perbicaraan tentang sah

atau tidak sahnya perhimpunan agung luar biasa itu. Ini bermakna sekurang-kurangnya beberapa bulan diperlukan untuk menyelesaikan pertikaian MCA.

Pada peringkat ini, sebelum mahkamah membuat keputusan muktamad, tidak ada sesiapa yang pasti siapa akan muncul sebagai pemenang. Namun apa yang pasti ialah dalam proses undang-undang, akhir-akhirnya cuma satu pihak sahaja yang menang: sama ada Tan Koon Swan atau Neo Yee Pan.

Bagaimana keadaannya dalam MCA sekiranya Tan Koon Swan muncul sebagai pemenang? Apakah akan berlaku sekiranya Neo Yee Pan menang? Inilah dua persoalan yang kini menarik perhatian dan minat masyarakat Cina.

Sukar bagi kita membuat ramalan. Tetapi menurut setengah-setengah pemerhati politik, sekiranya puak Koon Swan akhirnya memperolehi kemenangan, MCA akan memasuki satu era yang baru, yang mungkin menguntungkan masyarakat Cina khasnya dan negara Malaysia amnya.

Kebolehan Tan Koon Swan dalam bidang ekonomi memang sudah teruji. Prestasi dan kejayaannya yang cemerlang dalam bidang ekonomi menyebabkan namanya sering disebut-sebut di kalangan orang Cina. Idea politiknya juga dianggap oleh sebahagian besar masyarakat Cina sebagai bernas, membina serta bersifat pembaharuan.

Yang lebih penting, beliau mendapat sokongan yang agak meluas di kalangan ahli-ahli MCA. Hubungannya dengan masyarakat Cina, khasnya pertubuhan-pertubuhan sukarela, juga agak rapat.

Semua ini merupakan kelebihan kepada Tan Koon Swan. Oleh yang demikian, menurut pemerhati politik, kemenangan Koon Swan mungkin akhirnya akan membawa MCA kepada satu puncak kegemilangan yang tidak pernah dicapai oleh parti itu sebelum ini.

Sebaliknya ramai pemerhati politik nampaknya lebih

pesimis terhadap masa depan MCA sekiranya Neo Yee Pan mengekalkan kedudukannya dalam parti. Sebab-sebab utama yang mereka kemukakan ialah Neo Yee Pan bersifat diktator dan cuba menekan tokoh-tokoh yang berkaliber, tidak mempunyai rancangan yang menyeluruh, dan paling penting sekali, tidak mendapat sokongan meluas di kalangan ahli-ahli MCA.

Tindakan Neo memecat ahli-ahli dan membeku cawangan parti secara sewenang-wenang, ucapannya yang berputar belit dan kurang logik, usahanya menghalang perhimpunan agung luar biasa, tidak mengakui ketetapan perhimpunan itu, dan enggan menghirau hasrat majoriti ahli, semuanya berfungsi memarahkan sebahagian besar orang Cina dan menjejaskan keyakinan mereka terhadap pucuk pimpinan MCA.

Kemenangan Neo Yee Pan mungkin juga mengakibatkan Tan Koon Swan dan penyokong-penyokongnya meninggalkan MCA. Sekiranya mereka berbuat demikian, dan masih ingin giat dalam politik, maka pilihan yang terbuka kepada mereka ialah:

- menubuhkan parti baru
- menyertai salah sebuah Parti Komponen Barisan Nasional, sama ada GERAKAN atau PPP
- menyertai parti pembangkang

Walau apa sekali pun pilihan yang mereka buat, hakikat bahawa mereka meninggalkan MCA bermakna yang tinggal itu cuma separuh MCA sahaja. Implikasinya cukup besar. Pemergian mereka pasti melemahkan parti itu dan memecahbelahkan lagi masyarakat Cina. Kuasa politik orang Cina juga turut berpecah dan tergugat.

Oleh yang demikian, cara yang paling unggul, yang dapat mengekalkan keutuhan MCA serta perpaduan masyarakat Cina, ialah kedua-dua pihak berbaik semula. Yang kalah itu nanti mengaku kalah. Yang menang itu tidak sombong dan memangsakan yang kalah. Kedua-dua pihak bekerjasama semula

demi kepentingan parti, kaum dan negara.

Tetapi, pada tahap ini, di mana masing-masing menganggap pihak lain sebagai musuh terbesar, mungkinkah kedua-dua pihak nanti sudi bertolak ansur dan menerima satu sama lain? Kemungkinan besar jawapannya tidak. Jika kedua-dua pihak sedia bertolak ansur dari mula-mulanya, maka tentunya krisis parti tidak akan berkembang hingga ke peringkat yang begitu genting hari ini.

Tetapi ini cuma penaakulan secara logik. Dalam politik, kadangkala tindak-tanduk itu tidak langsung mengikut logik. Apa sahaja boleh berlaku. Seperti kata ahli-ahli politik, tidak adanya musuh kekal dalam politik. Jadi tidak ada orang yang berani menjamin bahawa pemimpin-pemimpin yang bertikai hari ini – yang begitu hebat kata-katanya, dan begitu mati-matian rupanya – tidak akan berganding bahu dan berbaik-baik semula hari esok kononnya "demi kepentingan parti dan negara".

Sama-sama kita saksikanlah perkembangan selanjutnya. Sama-sama kita tunggulah kemunculan kemuncak demi kemuncak.

Utusan Malaysia 30hb Mei, 1984

16. Referendum untuk Menyelesaikan Krisis MCA

Dr. Ting Chew Peh

147-152

Pada lahirnya, keadaan dalam MCA kini agak tenang dan tenteram. Sebabnya krisis parti itu telah dibawa ke Mahkamah dan dijangka mahkamah akan mengambil sedikit masa untuk membuat keputusan tentangnya.

Namun pada hakikatnya keadaan yang kelihatan tenang itu masih penuh dengan gelora. Kedua-dua puak yang berselisih itu secara senyap masih giat mencari sokongan dan berikhtiar mengalahkan pihak lawan dengan apa jua cara pun.

Kini muncul satu lagi cadangan di kalangan orang-orang Cina untuk menyelesaikan krisis parti Cina yang terbesar itu. Pada 23 Mei, 84 lalu, lebih daripada 1,000 orang Cina dari Johor Bharu menyeru puak Neo Yee Pan dan Puak Tan Koon Swan menyelesaikan krisis MCA menerusi satu *referendum* semua ahli sejajar dengan Perkara 185 Perlembagaan MCA. Seruan mereka dibuat melalui satu iklan besar dalam sebuah akhbar Cina tempatan.

Iklan tersebut juga menyenaraikan beberapa pandangan masyarakat Cina terhadap krisis MCA seperti berikut:

- * Pemimpin-pemimpin MCA sepatutnya menunjukkan lebih banyak perhatian untuk menjaga kepentingan dan masa depan masyarakat Cina, bukan merebut kuasa dan berperang sesama sendiri.
- * Pemimpin-pemimpin MCA perlu bersatu padu sebelum mereka menyeru orang-orang Cina supaya bersatu padu.
- * Kedua-dua puak MCA yang berselisih itu setakat ini masih belum menyatakan dengan jelas cara pimpinan mereka.
- * Pergolakan dalam MCA sudah menjejaskan keyakinan orang-orang Cina terhadap pemimpin-pemimpin MCA di samping memecahkan MCA dan masyarakat Cina.

- * Pertikaian MCA sudah menjatuhkan maruah dan digniti orang-orang Cina.
- * Perpecahan MCA akan menjejaskan kedudukan parti itu dalam Barisan Nasional dan seterusnya perwakilan orang-orang Cina dalam Kerajaan.
- * Penyerahan pertikaian MCA ke Mahkamah cuma akan melanjutkan krisis parti itu.
- * Memandangkan pemimpin-pemimpin MCA tidak mampu menyelesaikan krisis parti, adalah wajar ahli-ahli biasa dibiarkan menentukan masa depan parti politik mereka.
- * MCA perlu mempelajari semangat perpaduan UMNO.

Para penandatangani dalam iklan tersebut juga menyatakan keyakinan mereka bahawa *referendum* adalah cara demokratik yang membolehkan majoriti ahli-ahli MCA mengutarakan pandangan dan hasrat mereka.

Dewan Perniagaan Cina dan Pertubuhan-pertubuhan Sukarela Cina yang lain di setiap negeri juga diseru supaya memberi segala bantuan yang boleh untuk menjayakan *referendum* yang dicadangkan itu.

Akhirnya, iklan itu berpendapat krisis MCA perlu diselesaikan segera. Keputusan *referendum* perlu dihormati dan dipatuhi oleh kedua-dua puak. Setelah *referendum* diadakan pemimpin-pemimpin kedua-dua puak itu perlu menghilangkan rasa permusuhan, prasangka serta syak wasangka, dan bekerjasama semula demi kepentingan MCA, masyarakat Cina dan negara.

Demikianlah isi kandungan iklan yang menyeru diadakan satu *referendum* untuk menyelesaikan krisis MCA. Hakikat bahawa iklan itu ditandatangani oleh lebih daripada 1,000 orang sedikit sebanyak menunjukkan ramai di kalangan orang-orang Cina mengharap krisis MCA yang berlarutan itu dapat diselesaikan melalui cara politik, dengan bersandarkan prinsip-prinsip demokrasi.

Reaksi daripada puak Tan Koon Swan terhadap *referendum* itu agak menggalakkan. Dalam satu sidang akhbar, rakan seperjuangan Tan Koon Swan, Datuk Lee Kim Sai mengemukakan cadangan untuk mengadakan *referendum* itu dengan syarat ia mematuhi prinsip demokrasi dan dikendalikan serta diawasi oleh pihak-pihak yang berkecuali.

Tidak ada reaksi secara rasmi dari pucuk pimpinan MCA – baik Datuk Neo Yee Pan atau Datuk Mak Hon Kam. Namun, beberapa orang ahli Jawatankuasa Pusat yang menyokong pucuk pimpinan nampaknya tidak bersetuju dengan cadangan *referendum*. Encik Chew Hock Thye, ahli Jawatankuasa Pusat dan Setiausaha Pemuda MCA berpendapat bahawa *referendum* tidak praktik, tidak sesuai malah sudah terlewat untuk menyelesaikan krisis MCA.

Senator Lim Sean Lian, yang baru dilantik untuk menggantikan Datuk Loh Fook Yen sebagai Setiausaha Pengelolaan menyatakan bahawa cadangan mengadakan *referendum* cuma salah satu strategi dan propaganda puak Tan Koon Swan untuk mencapai tujuan politik mereka.

Sekiranya pandangan Encik Chew dan Senator Lim boleh dianggap sebagai mewakili hasrat pucuk pimpinan, ternyata golongan ini belum bersedia, walaupun bukan takut, untuk menyelesaikan pertikaian parti melalui *referendum*.

Sementara itu, pelbagai pandangan juga dikemukakan oleh pemimpin-pemimpin Pertubuhan Sukarela Cina. Kebanyakan daripada mereka bersetuju dengan cadangan *referendum* itu. Mereka berpendapat *referendum* adalah cara yang paling sesuai dan demokratik.

Cuma ada golongan yang berpendapat sudah terlewat untuk mengadakan *referendum*, memandangkan pertikaian MCA sudah dibawa ke Mahkamah. Mahkamahlah tempat yang paling munasabah untuk menyelesaikan perselisihan tentang soal undang-undang dan demokrasi.

Tentang cara mengendalikan *referendum* itu, ada yang menegaskan perlu ditubuhkan satu Jawatankuasa Khas untuk

mengendalikan dan mengawasinya. Ada pula berpendapat isu anggota palsu perlu diselesaikan sebelum *referendum* dapat dijalankan. Ada pula yang pesimis terhadap cara pelaksanaannya.

Akhirnya, ada pemimpin yang berhujah *referendum* itu tidak perlu. Sebabnya majoriti ahli-ahli MCA sudahpun menyatakan hasrat mereka melalui perhimpunan agung luar biasa yang diadakan pada 6 Mei lalu.

Walaupun pandangan-pandangan yang dikemukakan itu berbeza, namun hampir semua pihak mencapai persetujuan tentang beberapa perkara.

- * Pertama, krisis MCA yang berlarutan akan merugikan masyarakat Cina khasnya perwakilan mereka dalam Kerajaan.
- * Kedua, krisis MCA perlu diselesaikan secepat mungkin.
- * Ketiga, penyelesaian krisis itu perlu berpandukan lunas-lunas demokrasi dan mematuhi hasrat majoriti ahli-ahlinya.

Perkara pertama di atas cukup ketara dan tidak perlu diberi penerangan yang panjang lebar. Malah kesan krisis MCA tidak akan semata-mata terbatas kepada masyarakat Cina sahaja. Sebagai Parti Komponen Barisan Nasional, implikasi krisis itu juga akan terasa oleh Barisan Nasional. Dengan kata-kata lain, krisis MCA mempunyai hubungan langsung dengan kestabilan politik negara.

Tentang perkara kedua di atas, melainkan pihak-pihak yang mempunyai kepentingan tertentu, kebanyakan orang yang berkehendakkan kestabilan politik dan ketenteraman sosial mengharapkan krisis MCA diselesaikan dengan segera. Tetapi penyerahan pertikaian MCA ke Mahkamah dan proses undang-undang bererti seluruh proses itu mungkin mengambil masa yang lebih sedikit.

Berhubung dengan perkara yang ketiga, tidak syak lagi segala sesuatu yang diputuskan oleh Mahkamah nanti akan berasaskan prinsip demokrasi dan keadilan. Kewibawaan mahkamah tidak menjadi persoalan. Apa yang dikhuatirkan oleh setengah-setengah pemimpin masyarakat Cina ialah proses undang-undang di samping mengambil masa yang panjang akan akhirnya memecahbelahkan MCA. Pada analisa yang terakhirnya, tidak mengira puak mana yang menang, MCA yang tinggal itu cuma separuh sahaja. Ini bukan keadaan yang diinginkan oleh masyarakat Cina. Masyarakat Cina ingin melihat satu MCA yang kuat, utuh, dan bersatu padu.

Oleh yang demikian, setengah-setengah pemimpin masyarakat Cina berpendapat ikhtiar politik, bukan proses undang-undang, lebih sesuai untuk menyelesaikan krisis MCA serta memelihara keutuhan parti itu.

Dalam konteks inilah maka *referendum* menjadi salah satu pilihan yang wajar.

Referendum, pada hemat saya, merupakan penyelesaian politik yang paling demokratik dan praktik pada ketika ini.

Asas atau dasar sesebuah politik adalah ahli-ahli biasanya. Segala sokongan terhadap pemimpin dan kekuatan parti berpunca daripada asas itu. Ini adalah intipati demokrasi. Dalam saat-saat yang genting seperti yang dihadapi oleh MCA sekarang, kita sebaik-baiknya merujuk kepada asas atau puncanya, iaitu ahli-ahli biasa MCA.

Pandangan seluruh ahli-ahli biasa MCA – bukan pandangan beberapa orang pemimpin sahaja – perlu diminta untuk menyelesaikan krisis parti mereka. Hasrat dan kehendak ahli-ahli biasa perlu dijadikan asas untuk menentukan masa depan MCA dan pemimpin-pemimpinnya.

Tatkala salah satu puak atau kedua-dua puak yang berselesih itu enggan atau gagal bertolak ansur, langkah yang wajar dan patut diambil ialah membiarkan ahli-ahli biasa menentukan masa depan pemimpin dan politik mereka – melalui satu *referendum*.

Cara *referendum* demikian adalah sejajar dengan Perkara 185 dalam Perlembagaan MCA, di samping memenuhi prinsip-prinsip demokrasi.

Pemimpin-pemimpin MCA yang berkaliber dan jujur tidak harus bimbang tentang *referendum* yang dicadangkan itu. Tidak ada alasan juga mereka menolak *referendum* itu. Pada hal, pemimpin-pemimpin yang dipilih dalam *referendum* nanti adalah pemimpin-pemimpin sebenar, yang mendapat sokongan majoriti ahli.

Sekiranya kedua-dua puak bersetuju untuk mengadakan *referendum* pada dasarnya, maka segala butir pelaksanaannya boleh diusahakan dan dipersetujui oleh kedua-dua pihak. Soal teknik dan tenaga tidak menjadi masalah. Banyak Pertubuhan Sukarela Cina sudah menyatakan kesudian mereka memberikan bantuan dalam apa jua bentukpun untuk menjayakan *referendum* itu. Pemimpin-pemimpin MCA sepatutnya mengambil berat terhadap hal ini. Demi keutuhan MCA, masih belum terlewat mereka mempertimbangkan dan menerima cadangan itu.

Utusan Melayu 19hb Jun, 1984

17. Temuramah dengan Tan Koon Swan

Douglas Tay

Nama Tan Koon Swan, tokoh yang sudah terkenal di kalangan perniagaan baik di dalam mahupun di luar negeri, kini muncul lagi dan hangat diperkatakan orang. Sebabnya ialah beliau dilaporkan akan bertanding untuk merebut jawatan Presiden Kebangsaan Parti MCA dalam pemilihan Jun ini.

Di kalangan orang Cina Koon Swan disifatkan sebagai "Toa Choo Koong moden." Toa Choo Koong ialah tokoh politik dan, selepas bersara dari politik, tokoh perniagaan yang termasyhur dalam zaman perang (abad ke-5 sebelum Masihi) di Negeri China.

Sebelum tahun 1977, beliau bertugas sebagai Pengurus Besar Genting Highlands Berhad. Mulai 1 Mei 1977, beliau telah dijemput oleh bekas Presiden MCA, Datuk Lee San Choon, untuk mengepalai Koperatif Serbaguna Malaysia Berhad (KSM) dan melancarkan Multi-Purpose Holdings Berhad (MPHB). MPHB merupakan katalis untuk memodenkan konsep perniagaan orang Cina, dengan menjadikan perusahaan tradisional keluarga sebagai pengurusan syarikat besar.

Syarikat itu juga menunjukkan jalan tentang bagaimana keuntungan sesebuah syarikat besar dapat diagihkan secara adil kepada rakyat berbilang kaum dengan berpandukan semangat Dasar Ekonomi Baru (DEB), tanpa menyebabkan mana-mana pihak merasa tertindas.

Di samping kegiatan ekonomi, Koon Swan tidak terpisah daripada kegiatan politik MCA. Beliau kini ialah Naib Presiden Kebangsaan MCA; Pengerusi MCA Wilayah Persekutuan dan anggota Parlimen Barisan Nasional bagi kawasan Damansara.

Pengunduran Datuk Lee San Choon dari MCA dan arena politik tanahair telah membawa beberapa perubahan kepada parti itu dan seterusnya mengubah nasib dan masa depan politik Koon Swan. Pemangku Presiden MCA Datuk Dr. Neo Yee Pan

yang mengambil alih pucuk pimpinan parti sejak Mei tahun lalu dikatakan telah mengatur strategi untuk mengeneipkan Koon Swan dan pengikut-pengikutnya.

Politik pemencilan yang diamalkan oleh puak yang berkuasa dalam MCA dianggap oleh pemerhati sebagai salah satu faktor memaksa Koon Swan mencabar pucuk pimpinan parti dalam pemilihan Jun ini.

Jika beliau memutuskan untuk bertanding bagi jawatan Presiden MCA, risiko yang dihadapinya sangatlah besar. Perbandingan ini dianggap sebagai "do-or-die battle"; sekiranya beliau kalah, pengunduran dari MCA adalah langkah susulan yang terpaksa diambilnya.

Dalam wawancara dengan Kumpulan Utusan, Koon Swan (KS), 44, memberitahu bahawa tugasnya dalam MPHKB akan selesai tidak lama lagi. Adakah jawapan ini membayangkan beliau akan meninggalkan syarikat besar yang kini sedang menerokai arena perniagaan antarabangsa itu untuk menumpukan perhatian sepenuhnya kepada politik? Adakah ini bermakna beliau akan merebut jawatan Presiden Kebangsaan MCA Jun ini?

Koon Swan tidak menjawab pertanyaan-pertanyaan itu secara langsung. Kata-kata yang keluar dari mulutnya sangatlah terpilih dan beliau lebih berhati-hati lagi apabila mengulas kedudukan dan imej MCA, parti yang menurutnya, masih merupakan parti politik yang dapat mewakili rakyat keturunan Cina di negara ini dengan berkesan.

Berikut ialah kandungan temuramah ini:-

DT: Tidak ada orang yang mengetahui Yang Berhormat (YB) dalam arena politik sebelum tahun 1977. Semasa bertugas di Genting Highlands, pernah YB terlibat dalam kegiatan politik?

KS: Tidak, Tidak terlibat langsung.

DT: Bagaimanakah YB membuat keputusan untuk 'turun' dari Genting Highlands dan menyertai KSM/MPHB? Benarkah (bekas Presiden MCA) Datuk Lee San Choon yang menjemput

YB turun'?

KS: Memang benar Datuk San Choon mengajak saya mengetuai KSM dan kemudian melancarkan MPH (pada 24 Mei 1977).

DT: Sewaktu keputusan itu dibuat, adakah YB sudah berhasrat atau sudah menduga bahawa pada suatu hari nanti YB akan terlibat dengan kegiatan politik secara aktif?

KS: Tidak ada (hasrat atau terfikir) sama sekali. Sebenarnya saya hanya aktif dalam politik sejak pilihanraya umum 1978. Datuk San Choon telah meminta saya bertanding di kawasan Parlimen Raub, Pahang, sebagai calon Barisan Nasional. Saya menolak (permintaan itu) sehinggalah saat terakhir (sebelum hari penamaan calon). Saya masih bersama Datuk San Choon pada tengah malam sebelum hari penamaan calon. Setelah perbincangan lanjut, saya bersetuju untuk bertanding. (Ketawa).

DT: Apakah perasaan YB setelah menang dalam pilihanraya itu?

KS: Setelah menang, pertama sekali ingin saya nyatakan di sini bahawa meskipun saya tidak terlibat secara aktif dalam politik sebelum 1978, namun saya merupakan pemerhati, pengikut perkembangan politik sejak kecil, sejak di bangku sekolah lagi. Saya terlibat (sebagai pemerhati) dengan lebih aktif lagi setelah saya mula bekerja dalam tahun 1957. Sejak itu, saya mengikuti perkembangan politik Malaysia dan Singapura dengan dekat. Jadi arena politik bukanlah bidang baru bagi saya.

Kedua, telah menjadi tabie saya bahawa saya tidak akan melakukan sesuatu kerja yang tidak dapat saya buat dengan baik atau aktif. Sekiranya saya terlibat dengan sesuatu kerja, maka saya ingin melihat kerja itu diselesaikan dengan cara yang paling baik.

Apabila saya aktif dalam politik, setelah dipilih sebagai anggota Parlimen Raub dan kemudian dilantik sebagai Pengerusi MCA Wilayah Persekutuan, saya merasa gembira kerana saya dapat menjalankan tugas dan menunaikan tanggungjawab dengan memuaskan.

Seperti yang saudara ketahui, saya terlibat secara aktif dalam politik dalam tahun-tahun 1979-80. Saya berusaha sehingga larut malam, kadang-kadang sehingga jam 1.00 atau 2.00 pagi, untuk menyusun semula MCA Wilayah Persekutuan. Pusat perkhidmatan yang mempunyai kakitangan penuh masa didirikan di seluruh Wilayah untuk membantu penduduk-penduduk. Saya tidak akan berkata yang kami (MCA Wilayah) sangat berjaya dalam usaha kami, tetapi hasil daripada usaha kami sangatlah menggalakkan.

Seperti yang dapat saudara lihat, perasaan anti-establishment di kalangan orang-orang Cina, terutama golongan penaja dan penduduk setinggan sudahpun berkurangan. Dalam hubungan ini saya terhutang budi pada kakitangan yang bertugas di Pusat Perkhidmatan MCA Wilayah dan pada semua rakan parti.

DT: Itulah sahaja tujuan YB menyertai politik iaitu untuk membantu penduduk, mengurangkan perasaan anti-establishment?

KS: Penyertaan saya dalam MPHb sebenarnya melibatkan saya dalam tugas memodenkan sesuatu. Seperti yang saya katakan tadi, saya adalah pemerhati politik. Saya mempunyai persepsi sendiri. Dan saya mempunyai falsafah yang sama dengan Datuk San Choon dalam beberapa aspek. Salah satunya ialah orang-orang Cina di dalam negara ini perlulah menjalani suatu gerakan berdikari atau bergantung kepada diri sendiri.

DT: Skim apa yang YB maksudkan dan kenapa perlu?

KS: Orang-orang Cina perlu menghidupkan semula semangat bergantung kepada diri sendiri dan melancarkan skim mereka sendiri. Selepas mereka menerima Dasar Ekonomi Baru (DEB), orang-orang Cina hendaklah mempunyai skim sendiri supaya DEB dapat dilaksanakan dan membawa hasil secara total. Saya tidak fikir bahawa kita ingin melihat kemunculan suatu bentuk ketidakseimbangan yang lain dimensinya ketika kita membetulkan ketidakseimbangan melalui pelaksanaan DEB.

DT: Saya ingin bertanya lebih lanjut tentang MCA. YB meningkat agak cepat dalam MCA di samping mencapai kejayaan cemerlang dalam bidang perniagaan. Jika ada, formula

apa yang YB gunakan?

KS: Saya sudah tujuh tahun bergiat dalam politik. Tujuh tahun bukanlah jangka masa yang pendek. Jadi bila saudara berkata saya meningkat cepat, itu adalah relatif. Tujuh tahun adalah jangka masa yang panjang. Tidak ada apa-apa formula ajaib pada saya. Saya cuma rasa saya bernasib baik, dalam erti kata saya diberi peluang untuk menjalankan tugas-tugas yang dapat saya selesaikan dengan baik. Dan saya pula termasuk dalam gelanggang yang mempunyai penyokong-penyokong serta rakan-rakan sekerja. Sesiapa sahaja (dalam keadaan begini) yang mempunyai target dan deadline akan berjaya.

DT: Bercakap tentang target dan deadline, apakah target YB dan bilakah deadline YB untuk mencapai target itu dalam arena politik?

KS: Ya, saya tidak tahu, bagaimanapun saya harus menyatakan perkara ini. Setiap orang mempunyai persepsi tentang masalah dan tentang bagaimana untuk menyelesaikannya. Kadang-kala apa yang difikirkan itu tidak perlu direalisasikan pada waktu-waktu tertentu. Saya akan merasa puas hati apabila segala hasrat saya itu menjadi kenyataan. Tetapi saya mesti mengaku di sini bahawa banyak idea saya tidak dapat direalisasikan seperti yang saya kehendaki atau idam-idamkan. Jadi saya sedang mencari jalan lain untuk mencapai tujuan itu. Ini tidak pula bermakna yang saya mesti bertanding (untuk merebut jawatan Presiden MCA). Tetapi, sekiranya saya perlu berbuat demikian untuk mempercepat proses pencapaian itu, saya akan menimbanginya.

DT: Adakah YB bersedia meninggalkan perniagaan dan MPH B sekiranya YB dikehendaki oleh para penyokong dalam politik?

KS: Sekiranya perkhidmatan saya diperlukan dalam arena politik, dan jikalau saya rasa saya dapat mencapai dan merealisasikan apa yang telah saya tentukan dengan lebih cepat menerusi proses politik, saya akan bersedia meninggalkan semua jawatan dalam bidang perniagaan pada suatu hari nanti.

DT: Bagaimana dengan kepentingan perniagaan YB sendiri?

KS: Sekiranya saya diperlukan meninggalkan kepentingan perniagaan diri saya demi kepentingan bangsa, saya bersedia membuat pengorbanan ini.

DT: Adakah YB meninggalkan kegiatan ekonomi sekarang dan kemudian berkecimpung dalam politik sepenuh masa?

KS: Saudara tidak boleh berkata yang saya perlu berbuat demikian sekarang juga dan kemudian menunggu (untuk aktif dalam politik). Saudara tahu bahawa saya perlu membuat sesuatu. Saya ialah orang yang ingin meneruskan tugas selagi saya masih berada dalam organisasi itu. Saya sentiasa memikirkan perkara-perkara baru untuk dilakukan kemudian. Sebab itu kami di MPH B sentiasa mempunyai perkara baru untuk dirancang atau dilaksanakan. (Selagi saya masih dalam MPH B), saya mesti meneruskan tugas saya. Saya juga tidak menyatakan bahawa saya bersedia menyerahkan segala-galanya dan sekarang saya duduk di sini untuk menunggu dan mencuba merebut jawatan Presiden MCA. Ini tidak praktis. Ini tidak realistik.

Bila masanya sudah sampai, bila saya nak bertanding, saya akan berkata bahawa saya bertanding sekarang dan saya akan meninggalkan semua jawatan dalam bidang perniagaan. Tetapi masanya belum lagi tiba. Jikalau keadaan memerlukan saya (bertanding), saya akan menimbangnnya.

DT: Hubungan YB dengan Pemangku Presiden MCA, Datuk Dr. Neo Yee Pan dilaporkan kurang memuaskan. Beliau nampaknya cuba mengeneipkan YB?

KS: Secara peribadi saya tidak mempunyai perselisihan dengan Datuk Dr. Neo. Mungkin saya mempunyai pandangan dan strategi politik yang berbeza sedikit daripada beliau. Tetapi ini tidak serius. Setiap orang pemimpin mempunyai stailnya yang tersendiri.

DT: Benarkah YB dipencilkan oleh pucuk pimpinan MCA sekarang?

KS: Saya tidak tahu.

DT: Benarkah MCA telah dibahagikan kepada dua puak-puak YB dan puak Datuk Dr. Neo?

KS: Saya tidak bersetuju dengan politik berpuak-puak atau mengumpulkan anak buah untuk kepentingan diri sendiri. Sekiranya pandangan tidak berbeza, puak-puak dalam parti tidak akan timbul. Tetapi pandangan yang bertentangan di kalangan pemimpin-pemimpin parti tidak semestinya menandakan wujudnya puak dalam parti.

DT: Bagaimana orang Cina di negara ini melihat MCA sekarang? Apakah imejnya di kalangan mereka?

KS: Pada umumnya imej MCA telah beransur baik dengan pesat dalam tempoh empat lima tahun yang lalu. Akhir-akhir ini pula, saya akan dituduh sebagai berpura-pura sekiranya saya menafikan bahawa MCA kini menghadapi beberapa masalah dari segi imejnya. Bagaimanapun ini adalah perkara biasa bagi sesebuah pertubuhan, ada waktunya ia meningkat dan ada waktunya ia merosot. MCA sekarang sedang melalui peringkat meningkat dan merosotnya akibat beberapa faktor seperti alam sekeliling (yang tidak dapat kita kawal), manusia, waktu dan sebagainya.

Walau bagaimanapun, saya masih yakin bahawa MCA adalah parti yang paling tepat untuk mewakili orang Cina dan saya kira MCA merupakan satu-satunya parti yang berkesan untuk mengerah masyarakat Cina ke arah perpaduan untuk berintegrasi dengan kaum-kaum lain demi mewujudkan perpaduan nasional.

Terdapat banyak episod cinta dan benci di antara MCA dengan orang Cina. Tetapi pada akhirnya orang Cina masih mengenalkan diri dengan MCA.

Sesiapa sahaja yang mengambil alih pucuk pimpinan Parti MCA, rasa saya, tugas dan kedudukannya sangatlah sukar – kedudukan yang tidak dapat mencapai matlamat dengan kuasa. Ini adalah kerana kuasa pemimpin parti itu tidak banyak. Ini harus kita akui. Oleh itu kita hendaklah memimpin menerusi idea, konsep atau kebijaksanaan diri. Ia harus memimpin orang Cina untuk mencapai matlamat yang telah ditentukan. Kedudukan pucuk pimpinan ini sangatlah aneh. Mungkin tidak ada kedudukan seperti itu lagi di tempat-tempat lain di dunia ini. Pemimpin tidak mempunyai kuasa mutlak. Ia perlu memimpin orang Cina ke arah pencapaian dan bukan mencapai sesuatu menerusi kuasa mutlaknya. Sekiranya anggota parti dan pucuk pimpinan mengenalpasti kedudukan ini, tugas mereka akan dapat dijalankan dengan lebih mudah.

Sekiranya anda sebagai pemimpin hanya keluar ke padang untuk meminta rakyat menyokong anda atau memberi kekuatan kepada anda supaya anda dapat memberi mereka sesuatu,

yang anda lakukan itu sebenarnya ialah menipu diri sendiri. Saya sanggup berterus terang dalam soal ini. Jika kita tidak dapat meyakinkan diri kita, bagaimanakah kita dapat meyakinkan orang lain? Sekiranya perpaduan di kalangan orang Cina dikatakan membolehkan kita memberikan kepimpinan yang berkesan, bagaimana kita lakukan?

Saya kira kita bukan memerlukan perpaduan sahaja untuk memimpin orang Cina. Kita memerlukan lebih daripada perpaduan. Saya kira orang Cina perlu merenung sejenak untuk mencari apa lagi yang diperlukan selain perpaduan. Tetapi saya percaya bahawa orang Cina masih boleh mencapai kejayaan dan kemajuan tanpa perpaduan yang menyeluruh. Perpaduan bukanlah jawapan yang tunggal bagi kejayaan atau kemajuan. Pemikiran yang positif serta kreatif juga menentukan kejayaan dan kemajuan sesuatu bangsa. Itulah falsafah saya.

DT: Berhubung dengan kedudukan YB, ada pihak yang menyatakan bahawa YB harus mengasingkan diri daripada politik. Kata mereka, kegiatan ekonomi harus dipisahkan daripada kegiatan politik. Apa pandangan YB?

KS: Perniagaan dan kegiatan politik tidak boleh dicampurkan dalam erti kata, sekiranya saudara berkecimpung dalam perniagaan, saudara tidak boleh menjadi ahli politik penuh masa. Ini adalah jelas. Apabila saya sebut tadi bahawa saya mestilah menyerahkan segala jawatan perniagaan sekiranya saya menyertai bidang politik secara penuh masa. Jelaslah di sini bahawa apabila saudara berada di sana (sebagai ahli politik penuh masa), saudara tidak boleh menjadi menteri dan ahli perniagaan dalam masa yang sama.

Tetapi ini tidak bermakna bahawa ahli perniagaan tidak boleh mengambil bahagian dalam politik. Pandangan itu salah. Saya percaya bahawa ahli perniagaan boleh menjadi ahli politik yang jauh lebih baik daripada ahli politik tanpa pengalaman pengurusan perniagaan. Sebabnya ialah setiap orang ahli perniagaan adalah ahli politik: Menentukan target; deadline; menguruskan kakitangan (orang); menyusun organisasi dan sebagainya. Semua tugas ini adalah tugas-tugas pemimpin. Jadi, pandangan yang menyatakan bahawa ahli perniagaan tidak boleh berkecimpung dalam politik adalah salah.

DT: Hubungan pandangan ini dengan slogan Perdana Menteri pula?

KS: Maksud Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad ialah apabila saudara berkecimpung sepenuh masa dalam politik, saudara tidak harus terlibat dengan perniagaan lagi. Amalan ini sama di mana-mana di dunia ini. Saya kira semua ahli perniagaan mengetahui dan memahami perkara ini. Pergilah tanya (Tan Sri) Lim Goh Tong, atau ahli perniagaan lain, saya rasa ahli perniagaan dapat menjadi ahli politik yang lebih baik. Seseorang itu tidak rasuah sekiranya ia menjalankan tugasnya dengan mematuhi prinsip. Orang yang mempunyai prinsip tidak akan terlibat dengan rasuah. Sekiranya orang atasan rasuah, maka seluruh pertubuhan akan runtuh. Sebaliknya, pertumbuhan perniagaan yang berjaya adalah disebabkan oleh orang atasan yang berprinsip, bersih dan amanah.

DT: Jadi YB sekarang ini ahli politik separuh masa?

KS: Saya belum menyertai politik secara penuh masa lagi. Jadi anda jangan harap saya akan duduk di sini dan memberitahu yang saya tidak harus membuat kerja ini kerana saya mahu menjadi ahli politik penuh masa kemudian hari. Situasi berubah setiap hari. Kita tidak boleh duduk dan tunggu. Jangan tunggu masa tiba.

Utusan Malaysia 25hb Februari, 1984

18. Temuramah dengan Lee San Choon

Douglas Tay

Sejak bekas Presiden MCA, Datuk Lee San Choon membatalkan lawatannya ke London dan berpatah balik ke tanah air awal bulan ini, bermacam-macam spekulasi, dakwaan, tuduhan dan ramalan telah dibuat mengenainya.

Dalam dua minggu selepas beliau kembali, Datuk Lee telah berusaha sedaya upaya untuk meleraikan dua puak yang sedang merebut kuasa dalam MCA, parti politik yang dikatakan mewakili orang-orang Cina negara ini. Sebelum usaha itu berhasil atau gagal, beliau membisu dan membiarkan spekulasi demi spekulasi dibuat dan tuduhan demi tuduhan dilemparkan terhadapnya.

Beliau yang kini berusia 50 tahun itu telah dituduh sebagai dalang di belakang krisis MCA. Malah, beliau didakwa sedang berusaha untuk kembali berkuasa semula dalam MCA.

Akhirnya, pada hari Isnin lalu, setelah gagal Datuk Lee menceritakan segala-galanya dari mula hingga akhir mengenai usahanya untuk menyelesaikan krisis MCA. Di samping itu, beliau juga menjawab bermacam-macam soalan, termasuk khabar angin yang mengaitkan beliau dengan skandal pinjaman BMF, dalam sidang akhbar di Hotel Regent. Berikut ialah rakan soal-jawab para wartawan dengan Datuk Lee dalam sidang akhbar itu.

Soalan: Oleh kerana usaha Datuk sudah gagal, apakah yang harus dilakukan oleh ahli-ahli MCA sekarang?

San Choon: Dalam keadaan begini, saya kira tidak ada jalan lagi (untuk mengatasi krisis MCA itu). Jawapan haruslah diberikan kepada perwakilan-perwakilan parti. Oleh sebab 1,499 orang atau lebih satu pertiga daripada para perwakilan telah meminta perhimpunan agung luar biasa, saya berpendapat perhimpunan ini adalah permintaan yang tepat. Saya nasihatkan supaya perwakilan-perwakilan, termasuk mereka yang tidak menandatangani petisyen, pergi menghadiri perhimpunan agung

luar biasa itu untuk menyuarakan pendapat mereka. Perhimpunan agung luar biasa itu adalah badan agung dalam parti.

Soalan: Datuk Dr. Neo Yee Pan telah memimpin MCA selama setahun. Apakah penilaian Datuk terhadap kepimpinan beliau?

San Choon: Itu mestilah dinilai oleh ahli-ahli parti sendiri.

Soalan: Datuk lebih suka Tan Koon Swan (bekas naib presiden) memimpin MCA atau Datuk Dr. Neo?

San Choon: Biarlah para perwakilan MCA sendiri menentukan perkara itu. Bukan saya yang dapat menentukan. Ahli-ahli dan perwakilan-perwakilan MCA adalah lebih sesuai untuk memilih.

Soalan: Datuk Dr. Neo berkata bahawa Datuk ialah gurunya dalam politik. Apa komen Datuk?

San Choon: Saya tak berani menganggap diri saya sebagai guru politik. Saya manusia biasa, seperti saudara-saudari juga, yang masih belajar dalam hidup. Tetapi saya punya prinsip-prinsip tertentu dalam hidup. Misalnya saya tidak melakukan perkara, amalan atau perbuatan yang perlu diselindungi, disembunyi-sembunyikan. Apa yang kita buat haruslah sesuatu yang benar, yang tidak perlu disorok-sorok. Datuk Dr. Neo mendakwa bahawa beliau telah banyak belajar daripada saya, tetapi saya tidak pasti kalau prinsip-prinsip itu telah dipelajarinya.

Soalan: Apa pandangan Datuk tentang anggota-anggota palsu dalam MCA?

San Choon: Itu bergantung kepada daripada sudut mana saudara melihat perkara ini. Dulu memang ada anggota-anggota palsu yang terdiri daripada mereka yang sudah mati, pindah rumah, atau yang sudah keluar dari parti. Kalaulah cawangan parti sendiri tidak membuat laporan tentang adanya ahli-ahli seperti ini, mereka terus wujud, dan wujud semasa saya memimpin MCA.

Tetapi ahli-ahli palsu yang diperbuat mengikut perancangan yang teratur dan besar-besaran tidaklah wujud pada waktu itu. Tidak ada juga ahli-ahli palsu yang menggunakan nama palsu Cina dan nombor kad pengenalan orang Melayu dan India.

Soalan: Pucuk pimpinan parti sekarang menyatakan bahawa perhimpunan agung luar biasa hanya boleh diadakan dengan persetujuan parti, atau dengan notis Setiausaha Agung MCA. Apa komen Datuk?

San Choon: Cuba kita fikir sejenak. Kalaupun perhimpunan agung luar biasa hanya boleh dilangsungkan dengan persetujuan Presiden atau Setiausaha Agung parti, bukankah ini bermakna Presiden dan Setiausaha Agung boleh duduk di jawatan mereka seumur hidup?

Saya tidak mahu bercakap tentang aspek teknikal (perlembagaan parti), tetapi itulah pandangan saya.

Soalan: Pada pandangan Datuk, adakah permintaan 1,499 orang perwakilan MCA mengenai perhimpunan agung luar biasa itu membawa erti mereka tidak menaruh keyakinan terhadap kepimpinan Datuk Dr. Neo?

San Choon: Biar saya petik komen (Setiausaha Agung MCA) Tan Sri Chong Hon Nyan mengenai perhimpunan agung luar biasa itu, beliau berkata "sekiranya diadakan perhimpunan itu akan menjadi suatu tindakan yang tidak menaruh keyakinan kepada pucuk pimpinan parti, terutama terhadap kepimpinan Datuk Dr. Neo." Itulah komen saya.

Soalan: Datuk, sebagai Presiden MCA, adakah Datuk akan meletakkan jawatan sekiranya Datuk menghadapi keadaan sedemikian?

San Choon: Saya akan meletakkan jawatan (Presiden).

Soalan: Adakah Datuk berhasrat menasihatkan Datuk Dr. Neo Yee Pan meletakkan jawatan yang dipangkunya sekarang memandangkan keadaan itu telah timbul?

San Choon: (Sambil tersenyum) cukuplah. Cukuplah.

Soalan: Adakah Datuk akan hadir dalam perhimpunan agung luar biasa itu esok?

San Choon: Saya bukan perwakilan lagi.

Soalan: Apa yang akan Datuk lakukan sekiranya kesemua mereka yang menghadiri perhimpunan agung luar biasa itu

dipecat oleh Datuk Dr. Neo? (Ketawa).

San Choon: Siapa yang boleh memecat mereka?

Soalan: Presiden?

San Choon: Dari mana Presiden mendapat kuasanya? Dari mana Presiden sekarang mendapat haknya? Bukankah perwakilan-perwakilan MCA yang memberinya segala-gala itu? Seseorang Presiden mestilah menikmati keyakinan dan sokongan para perwakilan; Dengan cara itu, barulah dia mempunyai kuasa atau hak.

Soalan: Selepas perhimpunan agung luar biasa ini, mungkinkah dua MCA akan muncul?

San Choon: Seperti Parti Kongres di negara India? (Ketawa) saya yakin bahawa ahli-ahli MCA cukup arif, dan waras untuk mengekalkan parti mereka.

Soalan: Apa kata Datuk sekiranya Datuk sendiri dipecat oleh Datuk Dr. Neo dari MCA?

San Choon: Itu tidak akan melukakan hati saya, kerana saya sudah berundur dari politik.

Soalan: Ada orang mendakwa bahawa Datuklah yang bertanggungjawab atau menjadi dalang kepada krisis MCA ini. Betulkah begitu?

San Choon: Saya bukanlah orang yang suka main wayang kulit yang membuat orang lain selalu ternampak bayangan San Choon. Untuk tempoh setahun sejak saya meletakkan jawatan Presiden MCA dan Menteri Pengangkutan, saya tidak pernah bercakap tentang politik MCA, atau parti-parti lain. Saya simpan segala-galanya dalam diri saya. Sebab itu saya pernah berkata dahulu bahawa saya merasa pilu, tersangat pilu, kerana saya tidak boleh bercakap tentang politik lagi.

Soalan: Mungkin Datuk telah tersalah pilih calon untuk mengambil alih MCA?

San Choon: Yang lalu itu biarkanlah. Saya tak mahu bercakap tentang itu lagi.

Soalan: Ini soalan-soalan yang lebih serius. Diharapkan Datuk tidak akan marah. Banyak khabar angin yang me-

ngaitkan Datuk dengan skandal pinjaman BMF dan amalan-amalan lain yang bersifat rasuah. Boleh tak Datuk membuat penjelasan?

San Choon: Ya. Saya mahu menjawab soalan-soalan itu. Sejak saya berundur sampai sekarang, masih ramai yang tak percaya yang saya berundur secara sukarela. Masih ramai yang percaya bahawa saya dipaksa, dipaksa oleh sesuatu perbuatan seperti rasuah, sehingga saya meninggalkan jawatan Menteri yang mewah. Tetapi pada hari ini, saya masih boleh bercakap dengan bebas di dalam sidang akhbar. Kenapa?

Sewaktu meletakkan jawatan tahun lalu, saya sudah menjelaskan sebab-sebabnya. Tetapi masih ramai yang tak percaya. Saya sudah menjadi ahli Parlimen selama enam penggal. Waktu inilah yang paling baik dan sesuai bagi saya berundur dari politik, untuk saya menukar gaya hidup.

Tidak ada siapa yang memaksa saya meninggalkan jawatan-jawatan itu semua. Perdana Menteri (Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad) mahu saya kekal memimpin MCA. Tetapi akhirnya beliau melepaskan saya dengan satu syarat: Sewaktu beliau mahu saya balik (ke arena politik), saya mesti balik. Saya ingin memberi amaran di sini bahawa sesiapa sahaja yang terus membuat tuduhan seumpama itu terhadap saya, saya tidak akan teragak-agak untuk mengambil tindakan (undang-undang) terhadapnya. Saya lelaki. Berani menanggung tindak-tanduk saya. Saya tidak takut. Apa yang pernah saya lakukan itu semua tidak saya sorok-sorok. Tidak ada perlu saya selindungi daripada orang lain.

Soalan: Kenapakah Datuk tidak membuat penjelasan sebelum ini?

San Choon: Salah satu sebab saya tak suka membuat penjelasan ialah saya mahu hidup seperti saudara-saudari, sebagai *man in the street*. Saya tak mahu publisiti. Pernah dahulu saya diadili secara terbuka dalam pilihanraya kecil kawasan Parlimen Seremban (berhubung dengan skandal BMF). Saya sudah menimbang untuk mengambil tindakan undang-undang. Tetapi saya batalkan tindakan itu memandangkan perbicaraan memakan masa dan akan mengacau hidup tenteram yang saya kehendaki.

Kini, tuduhan yang sama timbul lagi. Tetapi saya tidak ada apa-apa yang mahu disembunyikan. Saya akan dapat bercakap dengan saudara-saudari secara bebas pada hari esok, bulan depan, tahun depan, malah 10 tahun depan. Dalam kerjaya politik saya, tidak ada hal yang tidak boleh saya kemukakan.

Soalan: Adakah Datuk Lee akan menimbang untuk campur tangan, atau untuk aktif semula dalam politik sekiranya krisis MCA ini masih tidak dapat diselesaikan? Apakah Datuk akan menimbang sekiranya Perdana Menteri sendiri yang meminta Datuk aktif semula?

San Choon: Saya sudah bersara. Negara ini masih punyai tokoh-tokoh yang berpotensi. MCA juga masih punyai pemimpin-pemimpin yang berpotensi. Saya kira saya tak perlu membuat pertimbangan seumpama itu lagi. Saya fikir ada jalan-jalan lain yang boleh diambil untuk menyelesaikan krisis MCA. Seorang tokoh sahaja tidaklah cukup untuk menyelamatkan parti. Semuanya bergantung kepada hasrat, penentuan dan azam ahli-ahli MCA.

Soalan: Adakah Datuk yakin bahawa perhimpunan agung luar biasa akan melahirkan MCA yang bersatu padu?

San Choon: Saya tidak dapat berkata yakin atau tidak sekarang, kerana hasil perhimpunan agung luar biasa itu belum diketahui lagi.

Soalan: Betulkah pemilihan parti dapat dilangsungkan secara adil dan saksama sekiranya anggota-anggota palsu sudah dihapuskan?

San Choon: Waktunya belum sampai bagi kita menyatakan sama ada pemilihan parti dapat diadakan dengan adil. Sungguhpun saya mempunyai sebab untuk percaya bahawa ahli-ahli palsu wujud dalam MCA sekarang, namun saya tidak dapat menyatakan sama ada pemilihan akan dapat diadakan dengan adil nanti.

Soalan: Apa maksud Datuk berkata "saya mempunyai sebab-sebab untuk percaya ahli palsu wujud dalam MCA?"

San Choon: Berdasar pada pengalaman saya, tidak mungkin jumlah ahli sesuatu bahagian MCA itu meningkat sebanyak tiga

empat ribu dalam sekelip mata. Pertambahan ahli sebanyak 20,000 orang di MCA bahagian Petaling, Selangor, misalnya lebih tidak mungkin lagi. Dahulu, pertambahan bilangan ahli ialah di antara dua tiga ratus orang sahaja. Kalau empat lima ratus orang masih boleh diterima. Tetapi kalau dalam sekelip mata, pertambahan sesuatu bahagian parti berjumlah tiga empat ribu orang.....(geleng kepala).

Soalan: Adakah Datuk berkata bahawa pemalsuan telah dilakukan oleh orang-orang tertentu dalam parti?

San Choon: Itu terserah kepada tafsiran saudara.

Soalan: Akhir sekali Datuk, adakah pucuk pimpinan MCA sekarang mencapai tahap kejujuran, integriti dan demokrasi yang Datuk kehendaki?

San Choon: Masih banyak lagi yang perlu diusahakan (untuk mencapai tahap tersebut).

Utusan Malaysia 28hb April, 1984

Lampiran:

Catatan Perkembangan Krisis MCA

24 Januari

Spekulasi akhbar-akhbar mengenai perebutan jawatan Presiden MCA. Encik Tan Koon Swan dilaporkan akan mencabar Datuk Dr. Neo Yee Pan kerana "faktor (Pemangku Timbalan Presiden) Datuk Mak Hon Kam".

26 Januari

Datuk Mak Hon Kam mengeluarkan kenyataan mengesahkan laporan berita itu. Beliau sanggup meletakkan jawatannya jika dirinya punca perpecahan dalam parti.

30 Januari

Isu anggota palsu didedahkan. Setiausaha MCA Bahagian Petaling, Dr. K.K. Ng dipecat oleh Ketua Bahagian, Encik Yeoh Poh San.

4 Februari

Spekulasi akhbar mengenai hasrat Encik Tan Koon Swan menceburkan diri dalam politik secara penuh masa dan meletakkan jawatan Multi-Purpose Holdings Berhad (MPHB).

5 Februari

Pengerusi MCA Pulau Pinang, Encik Lim Kean Siew menuduh Encik Tan Koon Swan berhasrat melarikan diri daripada tanggungjawab dengan meninggalkan MPHB. Encik Lim menganggap Encik Tan Koon Swan dan Datuk Lee Kim Sai sebagai 'light weight' dan tidak layak merebut jawatan Presiden MCA.

7 Februari

MPHB mengarahkan peguamnya dari Shearn & Delimore mengutus surat kepada Encik Lim Kean Siew dan memintanya menarik balik kenyataannya serta meminta dimaafkan.

8 Februari

Encik Lim menjelaskan maksud kenyataannya. Anggota Jawatankuasa Pusat MCA, Encik Wong Mook Leong menegaskan bahawa Datuk Dr. Neo tidak menawarkan sebarang jawatan ketua biro kepadanya. Datuk Lee Kim Sai juga menegaskan syor menjadikannya Timbalan Menteri tidak harus disifatkan sebagai "balas budi".

9 Februari

Datuk Lee Kim Sai yang juga Pengerusi MCA Negeri Selangor mengisytiharkan pemecatan Dr. K.K. Ng dari Bahagian Petaling tidak sah.

10 Februari

Encik Yeoh Poh San menegaskan Datuk Lee tidak berhak membuat perisytiharan seumpama itu. Hanya Jawatankuasa Pusat atau Majlis Presiden mempunyai hak itu.

11 Februari

Akhbar-akhbar Cina melaporkan bahawa bekas Presiden MCA, Datuk Lee San Choon akan mengambil alih jawatan Pengerusi MPH B daripada Encik Tan Koon Swan mulai 11 Mac 1984.

14 Februari

Mesyuarat Jawatankuasa Pemilihan MCA, dipengerusikan oleh Setiausaha Agung Tan Sri Chong Hon Nyan. Dua ahli yang pro puak Tan Koon Swan, Datuk Kim Sai dan Datuk Dr. Ling Liong Sik meninggalkan mesyuarat itu apabila tidak berjaya mendapatkan senarai lengkap ahli MCA untuk seluruh negara.

15 Februari

Encik Tan Koon Swan menyatakan sekiranya keadaan memaksa, beliau akan bertanding untuk jawatan Presiden MCA.

17 Februari

MPHB menyaman Encik Lim Kean Siew di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur.

18 Februari

Datuk Dr. Ling Liong Sik menghantar surat kepada Datuk Dr. Neo untuk mengadu tentang isu anggota palsu dalam parti. Dr. Neo berkata pihaknya akan bertindak terhadap mana-mana cawangan-cawangan yang punya anggota-anggota palsu.

19 Februari

Datuk Mak Hon Kam yang juga Pengerusi Jawatankuasa Disiplin MCA memberi amaran bahawa tindakan akan diambil terhadap ahli-ahli yang melanggar disiplin parti.

21 Februari

Encik Tan Koon Swan dan rakan-rakannya mencuba mendapatkan senarai lengkap ahli MCA daripada Ibu Pejabat tetapi tidak berjaya.

22 Februari

Pengerusi Jawatankuasa Pemilihan, Tan Sri Chong Hon Nyan menegaskan Jawatankuasa Pusat parti tidak memberi kuasa kepada sesiapa juga untuk memperoleh senarai lengkap ahli.

23 Februari

Jawatankuasa Disiplin bermesyuarat. Hanya Datuk Mak dan Encik Lim Kean Siew hadir. Seorang lagi anggotanya, Datuk Lee Boon Peng tidak diberitahu. Banyak kenyataan daripada pemimpin-pemimpin parti peringkat negeri dan bahagian mengecam Datuk Mak kerana amaran-amarannya.

24 Februari

Perhimpunan di Melaka. Encik Tan Koon Swan, Datuk Kim Sai dan Datuk Mak Hon Kam dan lain-lain hadir kecuali Datuk Dr. Neo.

26 Februari

Encik Tan Koon Swan dan rakan-rakannya melawat Pulau Pinang. Kekuatan penyokong-penyokongnya diperlihatkan.

29 Februari

Mesyuarat Majlis Presiden dipengerusikan oleh Datuk Dr. Neo diumumkan senarai lengkap ahli parti seluruh parti tidak dapat disiapkan oleh komputer Ibu Pejabat. Senarai akan disediakan dalam dua minggu lagi. Oleh kerana itu juga mesyuarat perwakilan cawangan, bahagian dan nasional ditangguhkan sehingga selama tiga minggu. Petang, Datuk Dr. Neo dan Encik Tan Koon Swan menemui Perdana Menteri secara berasingan.

3 Mac

Datuk Mak Hon Kam mengumumkan keputusannya untuk merebut jawatan Timbalan Presiden MCA dan berikrar akan menyokong Datuk Dr. Neo.

5 Mac

Datuk Dr. Neo memberitahu media massa bahawa anggota palsu wujud dalam parti sejak 20 tahun lalu. Beliau mendakwa ada orang membesar-besarkan isu itu.

10 Mac

Datuk Dr. Neo memberi amaran pertama di Batu Pahat bahawa pihaknya tidak membenarkan segelintir orang merosakkan imej parti kerana kepentingan diri. Encik Tan Koon Swan dilaporkan akan menghadapi tindakan disiplin parti.

11 Mac

Datuk Lee San Choon menerima jawatan Pengerusi Eksekutif MPH B yang dikosongkan oleh Encik Tan Koon Swan. Langkah dianggap sebagai Datuk Lee menyokong Encik Tan merebut jawatan Presiden MCA. Encik Tan mengumumkan beliau merancang berundur dari MPH B secara peringkat-peringkat. Beliau juga dilaporkan akan menyiasat isu anggota palsu dengan bantuan komputer.

14 Mac

Cawangan-cawangan MCA mulai menerima senarai ahli mereka masing-masing.

16 Mac

Puak Koon Swan, menerusi komputer, mengesan beratus-ratus anggota palsu (yang mempunyai nama Cina tetapi menggunakan nombor kad pengenalan orang Melayu dan India) daripada senarai ahli di beberapa buah cawangan parti.

17 Mac

Jawatankuasa Pusat bermesyuarat selama 6½ jam. Perdebatan hebat mengenai isu anggota palsu. Puak Koon Swan mahu jawatankuasa *ad hoc* ditubuhkan untuk menyiasat, tetapi Datuk Dr. Neo tidak bersetuju. Akhirnya 15 orang anggota Jawatankuasa Pusat (dua daripada mereka menarik diri) mengemukakan petisyen kepada parti mengadakan perhimpunan agung luar biasa menurut Fasal 34.2 Perlembagaan Parti MCA.

Dua sidang akhbar dilangsungkan selepas itu. Datuk Dr. Neo bercakap dengan para pemberita selama 37 saat; Encik Koon Swan kemudian memberitahu para pemberita mengenai petisyennya itu.

19 Mac

Datuk Dr. Neo mengumumkan Encik Koon Swan disingkirkan daripada jawatan Pengerusi MCA Wilayah Persekutuan dan Datuk Lee Kim Sai daripada jawatan Pengerusi MCA Selangor. Kedua jawatan itu masing-masing digantikan oleh Timbalan Menteri Pelajaran Datuk Dr. Tan Tiong Hong dan Datuk Mak Hon Kam.

Pada hari yang sama, Jawatankuasa Disiplin memecat 14 orang tokoh, termasuk Encik Koon Swan, Datuk Kim Sai dan Datuk Dr. Ling.

20 Mac

Puak Koon Swan melancarkan kempen mengutip tandatangan para perwakilan perhimpunan MCA untuk meminta pucuk pimpinan mengadakan perhimpunan agung luar biasa. Tujuannya ialah untuk memulihkan keahlian mereka dan menyiasat isu anggota palsu. Penyokong-penyokong Koon Swan berhimpun di Wisma MCA. Setiausaha Agung Pemuda MCA, Encik Chew Hock Thye diserang oleh tiga empat orang di Tingkat 7, Wisma MCA.

21 Mac

Datuk Lee San Choon memberitahu para pemberita bahawa beliau merasa pilu melihat perkembangan dalam MCA.

Perdana Menteri berkata beliau akan mengkaji semula kedudukan Datuk Kim Sai dan Datuk Dr. Ling sebagai Timbalan Menteri kerana mereka bukan ahli MCA lagi.

Datuk Kim Sai berkata 14 orang yang dipecat tidak akan merayu kepada Jawatankuasa Pusat, kerana mereka tidak bersalah.

23 Mac

Tandatangan 1,499 orang perwakilan yang dikutip dalam tempoh 48 jam diserahkan kepada Ibu Pejabat MCA, meminta perhimpunan agung luar biasa diadakan pada 29 April di Hotel Hilton.

24 Mac

Tan Sri Chong Hon Nyan berkata pihak sedang meneliti petisyen dan tandatangan perwakilan dalamnya. Dalam kenyataan lain, beliau berkata perhimpunan agung luar biasa, jika diadakan, akan memusnahkan parti dan bermakna tidak menaruh keyakinan kepada Datuk Dr. Neo. Puak Datuk Dr. Neo melancarkan kempen meminta para perwakilan menarik balik tandatangan mereka.

26 Mac

Di negeri Johor, 7 orang daripada 10 ahli Dewan Undangan Negeri MCA mendesak Datuk Dr. Neo menarik balik arahan pemecatan.

27 Mac

Datuk Dr. Neo berkata ada tandatangan dalam petisyen perhimpunan agung luar biasa yang bukan kepunyaan perwakilan.

Datuk Lee San Choon berlepas ke Hongkong.

Lima orang ahli Dewan Undangan Negeri Selangor MCA menyokong perhimpunan agung luar biasa diadakan. Mereka adalah terdiri daripada Y.B. Yap Pian Hon, Y.B. Ng Thiam Hock, Y.B. Tang See Hang, Y.B. Ng Soon Por dan Y.B. Dr. Lim Aun Koon.

Perdana Menteri memanggil Datuk Kim Sai dan Datuk Dr. Ling.

28 Mac

Datuk Kim Sai dan Datuk Dr. Ling meletakkan jawatan Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Timbalan Menteri Kewangan masing-masing. Datuk Musa Hitam memberi amaran kepada pemimpin-pemimpin MCA yang membuat ucapan yang berapi-api.

29 Mac

Encik Koon Swan dan rakan-rakannya mengeluarkan kenyataan menentang ucapan-ucapan yang meniupkan api perkauman dan yang merosakkan perpaduan serta ketenteraman negara. Juga mengutuk komunisme.

30 Mac

Datuk Dr. Neo dan 16 orang anggota Dewan Rakyat dan sembilan orang Senator menyokong kenyataan Datuk Musa.

31 Mac

Gabungan Ikatan dan Persatuan Cina Selangor mengadakan perhimpunan menyelamatkan Parti MCA di Dewan Perhimpunan Cina.

Encik Lim Kean Siew menyingkirkan Encik Lee Jong Ki daripada jawatan Setiausaha MCA Negeri Pulau Pinang. Sebanyak 94 buah cawangan MCA di negeri itu meluluskan undi tidak percaya terhadap Encik Lim Kean Siew.

1 April

Encik Koon Swan dan Datuk Dr. Ling menemui Datuk Musa Hitam mengenai amarannya.

2 April

Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Pemuda MCA. Tiga anggota yang pro Koon Swan meninggalkan mesyuarat. Tujuh anggota baru dilantik untuk menggantikan anggota-anggota lain yang pro Koon Swan.

3 April

Anggota palsu di MCA Bahagian Petaling didedahkan lagi oleh Puak Koon Swan. Dua orang India, yang nombor kad

pengenalan mereka digunakan dalam senarai ahli MCA Bahagian itu, hadir dalam sidang akhbar itu.

4 April

Seorang kakitangan Ibu Pejabat MCA, Encik Lim Cheng Hock mendedahkan penyelewengan Ibu Pejabat parti dari segi pentadbiran.

5 April

Datuk Dr. Neo menafikan yang beliau akan meletakkan jawatan Parti dan Menteri.

Datuk Lee San Choon balik ke tanahair lebih awal.

7 April

Lebih 41 cawangan MCA digantung oleh pucuk pimpinan parti.

9 April

Kakitangan Ibu Pejabat MCA, Encik Pang Tong Yong mendedahkan penyelewengan dari segi pertambahan bilangan ahli baru.

Dua puluh tiga anggota Jawatankuasa Pusat Pemuda MCA mengemukakan undi tidak percaya kepada Setiausaha Agungnya, Encik Chew Hock Thye.

Datuk Lee San Choon memulakan usahanya untuk menyelesaikan krisis parti; beliau menemui Perdana Menteri dan kedua puak yang bertelingkah.

10 April

Seramai 30 orang daripada 54 ahli Dewan Undangan Negeri MCA dan empat ahli Parlimen memberi kata dua kepada Datuk Dr. Neo supaya menerima tiga syarat untuk menyelesaikan krisis parti. Kalau tidak, mereka adalah sukar sekali untuk memberikan khidmat di bawah pucuk pimpinan baru dalam parti sekarang.

13 April

Datuk Dr. Neo mengumumkan penubuhan Yayasan Pelajaran MCA.

15 April

Datuk Dr. Neo menegaskan sekali lagi bahawa beliau tidak akan meletakkan jawatan dan menegaskan bahawa jika perhimpunan agung luar biasa itu tidak diuruskan atau diadakan oleh Setiausaha Agung Parti adalah tidak sah.

16 April

Tiga belas orang anggota Jawatankuasa Pusat MCA mengeluarkan kenyataan bersama merayu Datuk San Choon campur tangan. Mereka itu adalah Datuk Choo Ching Hwa, Datuk Loh Fook Yen, Encik Ngau Boon Min, Datuk Lee Boon Ping, Datuk Chan Siang Sun, Dr. Gan Kong Seng, Encik Chan Kit Chee, Encik Wong Chan Shin, Encik Oo Gin Sun, Datuk Tan Peng Khoon, Datuk Wong Chor Wah, Encik Lee Jong Ki dan Encik Chew Hock Thye.

17 April

Timbalan Setiausaha Agung merangkap Setiausaha Pengelola MCA Datuk Loh Fook Yen meletakkan kedua jawatan itu sebagai memprotes tindak-tanduk Datuk Dr. Neo.

18 April

Bendahari Agung MCA, Datuk Choo Ching Hwa meletakkan jawatan. Jawatan ini diambilalih oleh Datuk Chin Hon Ngian manakala Tan Sri Chong Hon Nyan dilantik menjadi Naib Presiden dan Senator Lim Sean Lean menjadi Setiausaha Pengelola yang baru. Pengerusi MCA Negeri Sembilan, Dr. Gan Kong Seng, Naib Pengerusi Encik Oh Her Sang dan Setiausahanya Encik Wong See Wah meletakkan jawatan masing-masing dan berikrar menyokong puak Koon Swan.

19 April

Datuk Lee San Choon berdialog dengan wakil Pertubuhan-pertubuhan Cina. Katanya, jika usaha gagal, beliau akan memberitahu semuanya dalam sehari dua lagi.

20 April

Dua puluh orang daripada 27 anggota Jawatankuasa Pusat Wanita MCA merayu Datuk San Choon campur tangan.

21 April

78 buah cawangan MCA di Wilayah Persekutuan enggan menerima Datuk Dr. Tan Tiong Hong sebagai Pengerusi Perhubungan. Jawatankuasa Pusat MCA yang bermesyuarat memutuskan untuk menolak permintaan 1,499 orang perwakilan yang mahu mengadakan perhimpunan agung luar biasa. Enam alasan diberikan. Mesyuarat perwakilan peringkat cawangan tamat.

22 April

102 buah cawangan MCA Pulau Pinang (daripada 117 buah) mendesak Datuk Dr. Neo meletakkan jawatannya.

23 April

Datuk Lee San Choon mengumumkan usahanya gagal untuk mengatasi krisis MCA. Beliau menyalahkan Datuk Dr. Neo. Polis tidak menghalang perhimpunan agung luar biasa diadakan di Hotel Hilton pada pagi 29 April 1984, kata penasihat undang-undang puak Koon Swan, Datuk Kok Wee Kiat.

24 April

35 orang ahli Dewan Undangan Negeri, empat anggota Dewan Rakyat dan dua Senator mendesak Datuk Dr. Neo menghadiri perhimpunan agung luar biasa. Kalau tidak hadir ini bermakna beliau dengan sendirinya telah mengaku kesilapan sendiri dan seharusnya meletakkan jawatan.

Empat Menteri MCA mendakwa Datuk San Choon mempunyai hasrat untuk kembali berkuasa dalam parti.

25 April

186 buah cawangan MCA Selangor (daripada 252 buah) telah sebulat suara menyatakan bahawa mereka langsung tidak percaya pada pimpinan Datuk Dr. Neo.

Tan Sri Chong Hon Nyan menyatakan pihak Polis tidak mengeluarkan permit bagi puak Koon Swan untuk mengadakan perhimpunan agung luar biasa dan menasihati ahli parti agar jangan menghadiri perhimpunan tersebut.

26 April

Pengerusi Tetap Perhimpunan MCA, Datuk Wee Khoon Hock mengeluarkan notis bagi perhimpunan agung luar biasa mengikut Fasal 175 Perlembagaan Parti. Ini menjadikan perhimpunan itu bertambah sah.

Keahlian beliau bagaimanapun digantung oleh pucuk pimpinan parti pada jam 9.58 malam. Ini menghilangkan kelayakannya untuk menjadi Pengerusi Tetap Perhimpunan Agung Luar Biasa MCA.

27 April

Akhbar-akhbar yang rapat dengan pucuk pimpinan MCA melaporkan bahawa perhimpunan agung luar biasa dan perhimpunan di Wisma MCA berkemungkinan besar akan dilarang oleh Polis.

28 April

Ketua Polis Negara memaklumkan kedua-dua puak dalam MCA supaya membatalkan perhimpunan masing-masing kerana masalah keselamatan. Puak Koon Swan mendakwa Datuk Dr. Neo sabotaj perhimpunan agung luar biasanya.

29 April

Lebih 1,550 orang perwakilan Perhimpunan MCA meluluskan lapan usul dalam perjumpaan sarapan pagi di Hotel Merlin. Mereka mendesak supaya Pemangku Presiden Datuk Dr. Neo disingkirkan segala jawatan parti.

Penasihat undang-undang puak Koon Swan menangguhkan perhimpunan agung luar biasa ke minggu depan atas alasan tidak cukup kuorum (*quorum*).

2 Mei

Encik Tan Koon Swan menemui Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir selama kira-kira satu jam mengenai krisis MCA.

5 Mei

Datuk Dr. Neo Yee Pan mengumumkan bahawa pihaknya telah membuat laporan Polis mengenai perhimpunan agung luar biasa yang dianjurkan oleh 1,499 orang perwakilan dan

membantah penggunaan bendera dan lengana parti. Datuk Choo Chieh Hwa dilantik oleh Datuk Dr. Neo sebagai Pengerusi baru MCA Negeri Pahang, menggantikan Datuk Chan Siang Sun.

6 Mei

1,616 orang perwakilan MCA menghadiri perhimpunan agung luar biasa di Hotel Hilton dan meluluskan tujuh usul.

Di Wisma MCA pula, 3,000 orang ahli MCA berkumpul untuk meraikan hari ulangtahun parti.

7 Mei

Encik Tan Koon Swan mengetuai rombongan 45 orang ahli Parlimen/Dewan Undangan Negeri menemui Perdana Menteri.

8 Mei

Perdana Menteri berkata beliau tidak akan campur tangan dalam krisis MCA, sebaliknya mahu pemimpin-pemimpin parti itu menyelesaikan masalah itu.

Datuk Dr. Ling Liong Sik mendakwa bahawa Datuk Dr. Neo dan puaknya telah membelanjakan \$7 juta dalam dua tiga bulan yang lepas.

10 Mei

Tiga orang penyokong Tan Koon Swan mengemukakan saman di Mahkamah Tinggi memohon perintah larangan sementara (*injunction*) untuk memberhentikan semua pemilihan bahagian MCA. Minit perhimpunan agung luar biasa juga telah diserahkan kepada Pendaftar Pertubuhan.

11 Mei

Perbincaran kes tiga penyokong Tan Koon Swan ditunda ke 16 Mei.

12 Mei

Penyokong-penyokong Tan Koon Swan mengemukakan saman yang sama di Mahkamah Pulau Pinang, Ipoh, Melaka dan Johor Baru, supaya mahkamah mengisytiharkan penggantungan cawangan dan bahagian tidak sah.

14 Mei

Tujuh cawangan di Pulau mengemukakan saman di Mahkamah Tinggi Johor Baru, meminta mahkamah mengisytiharkan pengantungan mereka tidak sah.

Datuk Lee Kim Sai mendakwa bahawa 191 buah cawangan MCA dengan ahli berjumlah 70,000 orang telah digantung oleh Ibu Pejabat.

16 Mei

Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur mula mendengar kes saman penyokong-penyokong Tan Koon Swan.

17 Mei

Datuk Chan Siang Sun mengemukakan saman di Mahkamah Tinggi supaya mahkamah mengisytiharkan perhimpunan agung luar biasa 6 Mei adalah sah. Di samping itu, perintah mahkamah juga dipohon supaya Ibu Pejabat MCA melaksanakan resolusi-resolusi mesyuarat itu.

18 Mei

Perdana Menteri berkata krisis MCA tidak mengganggu pentadbiran Kerajaan. Beliau yakin bahawa krisis itu akan dapat diselesaikan sama ada menerusi mahkamah atau proses perlembagaan parti.

Mahkamah Tinggi memutuskan untuk memberikan perintah larangan sementara kepada penyokong-penyokong Tan Koon Swan dan semua mesyuarat dan pemilihan bahagian sehingga perhimpunan agung dilarang, sementara menunggu keputusan perbicaraan.

4 Jun

Datuk Lee Kim Sai berkata 197 cawangan MCA telah digantung, melibatkan 90,000 orang ahli. Sekurang-kurangnya 120 orang penyokong Tan Koon Swan turut digantung.

8 Jun

Setiausaha Agung MCA Tan Sri Chong Hon Nyan memberi enam sebab bagi membuktikan mesyuarat agung luar biasa 6 Mei itu tidak sah.

24 Jun

Ketua Wanita MCA Datin Paduka Rosemary Chong melucutkan jawatan tiga orang pemimpin pergerakan itu. Kira-kira 2,000 orang ahli wanita menghadiri perayaan ulangtahun pergerakan itu, tetapi dipulau oleh 21 daripada 27 ahli Jawatankuasa Pusat Wanita.

14 Julai

Perdana Menteri mengumumkan Kabinet barunya. Kekosongan dua jawatan Timbalan Menteri MCA tidak diisi.

13 Ogos

Mahkamah Tinggi di Kuala Lumpur telah mengeluarkan perintah larangan sementara pada 18 Mei 1984 (sebab-sebab keputusan Mahkamah diumumkan pada hari ini, iaitu 13 Ogos 1984) untuk menghalang semua pemilihan bahagian MCA dan pemilihan dalam Perhimpunan Agung MCA ke-32 yang sepatutnya berlangsung pada bulan Julai lalu.

22 Ogos

Mahkamah Tinggi di Ipoh memerintah pemilihan 20 ahli dari cawangan Kampung Simee dan Walter Court sebagai wakil ke Perhimpunan Bahagian Ipoh adalah sah. Mahkamah yang sama juga mengesahkan perintah sementara yang dikeluarkan pada 12 Mei 1984 untuk menghalang semua pemilihan bahagian.